

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 24

Hari Rabu

30 September

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Perutusan Daripada DewanRakyat (Ruangan)
Urusan Mesyuarat (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti
(Depositori Pusat) (Pindaan) 1998. (Ruangan)
- Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti
(Pindaan) 1998. (Ruangan)
- Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti
(Pindaan) 1998. (Ruangan)

PARLIMEN KESEMBILAN

**Penggal Keempat
Mesyuarat Ketiga**

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,
B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Joseph Balau Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat

Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Nora'ini binti Hetam
Miskiah binti Hassan

Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt.Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 30 September 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

—
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“29 September 1998

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pindaan) 1998;

2. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998; dan
3. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998;

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI

(DEPOSITORI PUSAT)(PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.05 pagi.

Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada sesi khas Dewan Rakyat dan Dewan Negara kali ini, lima rang undang-undang dikemukakan untuk kelulusan kedua-dua Dewan dan

daripada lima rang undang-undang tersebut, empat adalah berkaitan dengan Kementerian Kewangan, manakala satu adalah berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kesemua rang undang-undang ini dibentangkan bagi mengembalikan keyakinan pelabur dalam pasaran saham dan mengukuhkan ekonomi negara. Ianya diperkenalkan untuk memberi kesan dan langkah-langkah yang telah diumumkan pada awal bulan ini khususnya 1 September tahun ini, langkah-langkah yang diumumkan oleh kerajaan untuk melindungi ekonomi Malaysia daripada terjejas oleh kesan-kesan yang kurang baik daripada luar negara. Kerajaan berharap dengan lulusnya kelima-lima rang undang-undang ini, maka tindakan secara pentadbiran yang telah diumumkan pada 1 September tahun ini akan dapat dikuatkuasakan dalam mahkamah dan dapat dikuatkuasakan oleh badan-badan kawal selia yang lain termasuklah BSKL, Suruhanjaya Sekuriti dan badan-badan lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat semalam, pasaran saham pada mulanya ditubuhkan untuk mengumpul modal, ataupun dengan izin, untuk raise capital tetapi apa yang berlaku hari ini pasaran saham sudah menjadi satu komoditi di mana ada beberapa kegiatan yang kurang sihat, misalnya syarikat-syarikat yang kurang sihat pun boleh dinaikkan nilai harga sahamnya. Oleh kerana itulah kita dapati di Bursa Saham Kuala Lumpur hari ini daripada 100 saham yang termasuk dalam komposit indeks, 74 nilai sahamnya adalah di bawah NTA (Nett Tangible Asset), ini adalah hasil daripada tindakan-tindakan yang kurang baik yang berlaku di luar pasaran yang telah menjejaskan harga saham kita. Selain daripada itu ada gejala-gejala lain termasuklah short selling ataupun jualan singkat yang telah menjejaskan prestasi saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah-masalah yang dihadapi dalam bursa saham, kita juga menghadapi masalah dalam pasaran wang asing di mana spekulator dan manipulator telah memanipulasikan nilai mata wang kita berbanding

dengan mata wang asing dan ini telah menyebabkan banyak kerugian kepada negara. Jadi, kedua-dua pasaran ini iaitu pasaran bursa saham dan juga pasaran mata wang (currency) telah diserang oleh pihak-pihak tertentu sehingga menjejaskan kedudukan ekonomi negara. Inilah antara sebabnya kenapa kita memperkenalkan pindaan undang-undang ini. Kita tahu bahawa ada setengah pihak yang mahu kita meminta pertolongan daripada badan-badan seperti IMF dan dengan itu kita terpaksa menyerahkan kuasa kita untuk mengendalikan urusan ekonomi dan kewangan. Setakat ini kita mampu untuk menangani tekanan-tekanan ini dan langkah-langkah yang diambil adalah dalam konteks untuk terus memastikan bahawa Malaysia dapat menguruskan ekonominya tanpa gangguan daripada pihak-pihak luar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) ini adalah berkaitan dengan Depositori Pusat dan juga berkaitan dengan CLOB. Izinkan saya memberi sedikit latar belakang apakah itu Depositori Pusat dan apakah itu CLOB? Sekadar untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira ini penting untuk membolehkan kita memahami cadangan pindaan yang akan diperkenalkan nanti.

MCD (Malaysian Central Depository) untuk makluman Ahli Yang Berhormat telah ditubuhkan pada 4 April 1990. Ia merupakan satu tempat bertujuan untuk meningkatkan kecekapan sistem penjelasan dan penyelesaian urusan niaga sekuriti yang disenaraikan di Bursa Saham. Aktiviti-aktiviti utamanya ialah untuk menyelenggarakan sistem Depositori Pusat berkaitan saham, bon dan lain-lain yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat senarai di BSKL. Ia dimiliki 55% oleh pihak BSKL, 25% saham MCD dimiliki oleh persatuan bank-bank dalam Malaysia dan 20% dimiliki oleh Amanah Capital.

Tugasnya ialah untuk merekod dan menyimpan saham-saham dan pada hari ini iaitu angka terakhir yang kita ada pada 11 September - 75.3% saham-saham di negara kita adalah direkod dan disimpan di dalam MCD, yang lain-lainnya disimpan dalam bentuk, dengan izin dipanggil, physical scrip, yang MCD ini scripless, dengan

izinnya. 24.7% merupakan physical scrip (kertas) yang dipegang oleh pemilik saham dan yang lain-lainnya scripless didaftar dan direkod di dalam MCD. Itu adalah sedikit latar belakang mengenai MCD. Saya kira latar belakang ini penting untuk membolehkan kita memahami pindaan-pindaan yang dicadangkan. Tanggungjawab MCD antara lain untuk memastikan urusan niaga sekuriti yang telah disimpan di dalamnya diuruskan dengan baik. Ia juga memberi bantuan kepada Suruhanjaya bagi melaksanakan fungsi-fungsi dan ia juga mengambil langkah yang munasabah untuk melindungi maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan hal-hal saham yang didepositkan itu.

Dengan adanya CDS faedahnya ialah tidak ada lagi risiko kehilangan atau kecurian sijil saham. Kalau dahulu, kita simpan dalam bentuk physical scrip saham boleh hilang sama ada dicuri atau kalau rumah kita terbakar, saham hilang begitu sahaja. Dengan adanya CDS tidak ada masalah dicuri ataupun rumah terbakar, tidak ada risiko kehilangan dan kecurian. Tidak ada lagi penyerahan dan pengutipan sijil-sijil, dahulu hendak kena kutip, hendak kena serah urusan ini dan kena menggunakan office boy ke sana ke mari dengan menggunakan motosikal, urusan untuk pindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Ini semuanya elektronik melalui komputer, tidak ada lagi keperluan untuk memindahkan secara fizikal saham-saham ini.

Jadi ini adalah antara faedah dengan adanya CDS. Yang menggunakan CDS ini ialah dua kategori, iaitu ejen depository bertauliah yang dipanggil dalam technical jargon, mereka ini merupakan syarikat-syarikat broker saham ADA, dalam bahasa Inggerisnya (Authorised Depository Agent) yang menggunakan CDS ialah syarikat-syarikat broker saham. Selain daripada itu kita juga ada Authorised Direct Number iaitu pihak-pihak lain yang diiktiraf oleh BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kalau kita menyimpan saham dalam MCD ini tidak ada peruntukan dalam peraturan MCD ini yang memerlukan pengisytiharan benefisiari. Bermakna nominee ini kita gunakan nama orang lain untuk membeli dan menjual saham. Sekarang ini tidak ada keperluan ini, maknanya kita boleh berniaga

saham dengan menggunakan nominee. Jadi tidak ada peruntukan dalam peraturan MCD yang memerlukan pengisytiharan benefisiari. Ini satu perkara yang kita ingin pinda dalam pindaan undang-undang yang dbentangkan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya sekarang ini ada kira-kira 130,000 nominee yang tidak diketahui pemunya akhir ataupun beneficial owner, 130,000 nominee tidak tahu nama siapa yang memegang saham ini. Ini adalah satu kelemahan yang kita hendak atasi dengan memperkenalkan pindaan undang-undang ini. Itu mengenai MCD.

Yang keduanya CLOB. Saya hendak memberi penjelasan untuk membolehkan Ahli Yang Berhormat memahami pindaan yang dicadangkan. Ia merupakan satu pasaran yang ditubuhkan oleh Bursa Saham Singapura pada 2 Januari 1990 bagi membolehkan pelabur-pelabur Singapura berniaga dalam sekuriti antarabangsa yang disenaraikan di bursa-bursa asing terutamanya syarikat-syarikat Malaysia. Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum dahulunya pasaran saham Malaysia – Singapura satu sahaja. Selepas itu kita berpisah, kedua-dua pasaran saham dipisahkan. Maka pada 2 Januari 1990 pihak Singapura mengambil keputusan untuk menubuhkan CLOB dan sebelum ini 112 syarikat Malaysia diniagakan di CLOB. 112 syarikat Malaysia yang disenaraikan di BSKL, daripada 734 syarikat ini - 112 syarikat diniagakan di CLOB. CLOB ini pasaran luar negara khususnya di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengiktiraf CLOB dan CLOB telah banyak membawa mudarat kepada harga-harga pasaran dalam negara. CLOB bukan sebuah bursa saham. Bursa Saham rasmi di Singapura ialah SCS, jadi kita tidak mengiktiraf CLOB ini. Dengan langkah-langkah yang diumumkan pada 1 September tahun ini CLOB telah berhenti daripada berniaga saham-saham kesemua 112 syarikat Malaysia iaitu pada 15 September mereka telah pun berhenti daripada berniaga saham-saham Malaysia. Pihak BSKL sedang berurusan dengan pihak SCS mengenai settlement saham-saham ini. Jadi itulah sedikit sebanyak saya memberi latar belakang kepada Ahli Yang Berhormat apa itu MCD dan apa itu CLOB bagi membolehkan Ahli-ahli Yang

Berhormat memahami cadangan pindaan-pindaan yang diperkenalkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin pergi secara terperinci kepada peruntukan-peruntukan cadangan-cadangan yang dibentangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang melanda negara telah menunjukkan beberapa kelemahan dan kekurangan dalam industri sekuriti. Antara kelemahan-kelemahan tersebut termasuklah:

- (i) pada masa ini dagangan saham dijalankan dengan begitu mudah tanpa dizahirkan identiti pemunya benefisial ataupun beneficial owner. Ini bermakna bahawa tangan hari ini banyak yang melalui nominee. Saya sebutkan tadi pada masa ini terdapat 130,000 nominee accounts dalam BSKL dan kita tidak tahu siapa nominee ini;
- (ii) dalam Akta Syarikat 1965 dan Akta Pengurusan Sekuriti 1993 nilai ambang ataupun threshold value penzahiran dan masa bagi membuat laporan yang sukar dikuatkuasakan telah menyukarkan pihak berkuasa untuk menyiasat dan mengambil langkah-langkah wajar bagi transaksi yang boleh menjejaskan integriti pasaran saham; dan
- (iii) terdapat beberapa kelemahan yang tidak membolehkan pihak BSKL dan juga Suruhanjaya Sekuriti untuk mengambil tindakan dengan pantas bagi menguatkuasakan beberapa peraturan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum kerajaan telah memperkenalkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PTEN). Antara lain tujuannya ialah untuk mengembalikan keyakinan terhadap pasaran termasuklah pasaran saham. Beberapa langkah pentadbiran telah pun kita ambil, jadi pindaan pada Rang Undang-undang ini adalah untuk memberi kesan kepada langkah-langkah yang telah diumumkan pada 1 September yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan-pindaan ini antara lain seperti berikut:

- (i) memberikan sokongan undang-undang kepada pelbagai pindaan kaedah-kaedah BSKL, SCANS, MCD yang telah pun dikuatkuasakan bermula 1 September yang lalu;
- (ii) meningkatkan tahap ketelusan ataupun dengan izin, transparency dalam dagangan saham bagi memastikan semua dagangan saham yang disenaraikan di BSKL hanya boleh dibuat di BSKL atau bursa saham lain yang diiktiraf. Ini bermakna kita tidak akan iktiraf lagi CLOB;
- (iii) kita tidak mahu nominee ini disalahgunakan. Kita hendak supaya semua pegangan saham dibuat atas nama pemunya benefisial ataupun beneficial owner ataupun nominee yang dijelaskan oleh pihak-pihak yang diberi kuasa dalam rang undang-undang ini, authorised nominee, dengan izin; dan
- (iv) meningkatkan keupayaan penguatkuasaan badan-badan pengawal selia untuk memastikan bahawa tindakan serta-merta dan efektif diambil ke atas mereka yang melanggar kaedah-kaedah ataupun undang-undang sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan memperincikan cadangan-cadangan pindaan dalam rang undang-undang ini. Yang pertama, terdapat beberapa takrif baru yang dahulunya tidak ada, sekarang diperkenalkan. Nominee diberi kuasa, dengan izin, authorised nominee dan pemunya benefisial (beneficial owner). Dua takrif baru ini diperkenalkan melalui Fasal 2 bagi memberi kesan ke atas kehendak undang-undang bahawa semua pegangan saham dan perniagaan sekuriti mestilah dibuat atas nama pemunya benefisial atau nominee diberi kuasa. Nominee diberi kuasa ditakrif “orang yang diberi kuasa untuk bertindak sebagai nominee seperti yang dinyatakan dalam kaedah depositori pusat. Ini termasuklah entiti yang menjalankan aktiviti sah yang menyumbang kepada perniagaan broker saham dan bank yang mengambil saham sebagai collateral.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah larangan pengeluaran sekuriti. Sekarang ini konsep pengeluaran sekuriti dibatalkan daripada kaedah MCD, kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu. Semua pengeluaran sekuriti telah deposit ataupun dengan izin, deposit security daripada deposit pusat adalah dilarang, tidak boleh lagi dengan pindaan ini yang sekali gus membekukan sepenuhnya sekuriti itu dalam depository pusat. Menurut amalan sekarang BSKL menggunakan kuasa budi bicara bagi melarang semua pengeluaran sekuriti daripada MCD atas asas pentadbiran sahaja. Sekarang ini ada kuasa undang-undang untuk melarang pengeluaran daripada MCD.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur boleh simpan sekuriti dalam dua bentuk. Satu, physical dan satu lagi catatan buku, iaitu dalam MCD. Selepas ini dengan lulusnya rang undang-undang ini tidak ada lagi dua bentuk ini. Sekarang ini seperti saya maklumkan tadi 75.3% saham-saham adalah dalam bentuk scripless dideposit dalam MCD, selepas ini 100% saham-saham tidak ada lagi saham dalam bentuk physical, semuanya adalah dalam bentuk scripless dalam MCD.

Dengan melarang semua pengeluaran sekuriti setelah deposit daripada depository pusat, maka penggunaan scrip untuk mewujudkan pasaran saham yang tidak diiktiraf dapat dihalang. Walau bagaimanapun, beberapa pengeluaran yang sah dibenarkan. Dalam keadaan tertentu contohnya untuk memudahkan pembatalan saham berhubungan dengan pembelian balik saham. Dengan izin, buy back scheme. Penyusunan semula syarikat dan pembetulan kes kesilapan seperti dinyatakan, kadang-kadang mungkin MCD buat kesilapan angka-angka, maka dalam keadaan tersebut undang-undang membolehkan pengeluaran ataupun pembetulan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya maklum tadi bagi memberi kesan ke atas larangan pengeluaran ini semua rujukan kepada terma “pengeluaran” dalam undang-undang yang ada sekarang dipotong. Dalam takrif akaun sekuriti Fasal 2, perenggan 12(a) dan 13(1)(a) dalam Fasal 5 dan 6(1) seksyen 22 dan 23 dalam Fasal 10.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya yang ketiga, deposit mandatori bagi sekuriti yang ditetapkan. Fasal 7 meminda seksyen 14 supaya menjadikan mandatori bagi BSKL menetapkan bahawa sekuriti yang akan disenaraikan perlu didepositkan dengan depositori pusat. Peruntukan ini tidak ada pada masa ini. Sekarang ini mandatori untuk didepositkan kesemua sekuriti dalam depositori pusat. Setelah BSKL membuat suatu penetapan itu, pemegang-pemegang sekuriti hendaklah mendeposit sekuriti itu dengan depositori pusat dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pendeposit gagal mendeposit sekuriti itu dalam tempoh yang ditetapkan, sekuriti ini akan dipindah kepada Menteri Kewangan, Menteri Kewangan ada hak ke atas sekuriti ini jika tidak dipindahkan dalam masa yang ditetapkan.

Tempoh enam bulan diberikan bagi rayuan. Jadi, pemilik saham boleh merayu, tempoh enam bulan diberikan. Jika tiada rayuan dibuat atau rayuan ditolak, Menteri Kewangan berhak melupuskan sekuriti itu dan apa hasil daripada proses itu hendaklah diselenggarakan menurut undang-undang mengenai wang yang tidak dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan supaya subseksyen 37(2) dan 38(1) dipinda bagi Fasal 20, 21 bagi memastikan bahawa bagi terbitan baru; terbitan bonus atau terbitan hak. Penerbit adalah dikehendaki mendepositkan scrip dengan depositori pusat, dan depositori pusat seterusnya mengkredit sekuriti itu ke dalam akaun sekuriti semua pemohon yang berjaya ataupun penerima-penerima umpuk (allote).

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada beberapa peruntukan peralihan. Perkara ini tidak serta-merta. Oleh itu, perlu ada beberapa peruntukan peralihan. Dalam Fasal 2 memerlukan semua pemegang saham sedia ada supaya mendepositori yang ada physical scrip tadi. Kira-kira 24.7% yang masih memegang physical scrip memerlukan semua pemegang saham sedia ada supaya mendepositorikan sekuriti mereka dengan depositori pusat dalam tempoh sebulan. Mereka yang ada physical scrip diberi tempoh sebulan selepas rang undang-undang ini mula berkuat kuasa. Kalau mereka gagal mendepositorikan physical scrip itu akan menyebabkan sekuriti dipindahkan juga kepada Menteri Kewangan yang kemudiannya boleh melupuskan

sekuriti tersebut. Hasil pelupusan itu akan diuruskan seolah-olah ianya adalah wang tidak dituntut.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, larangan bagi nominee memegang dan berniaga sekuriti. Fasal 13 bertujuan mengena seksyen 25 bagi memasukkan subseksyen baru (4), (5) dan (6). Pada dasarnya semua akaun sekuriti yang dibuka dengan depository pusat mestilah atas nama pemunya benefisial atau nominee diberi kuasa. Apabila akaun sekuriti tersebut dibuka, suatu deklarasi ada borang yang disediakan oleh pihak BSKL perlu dibuat oleh orang yang membuka akaun itu kepada depository pusat. Deklarasi palsu adalah satu kesalahan yang besar.

Fasal 14 memasukkan seksyen baru 25A memperuntukkan bahawa apabila nominee diberi kuasa membuka akaun sekuriti, mereka adalah dikehendaki memegang sekuriti telah deposit kepada satu pemunya benefisiari berkenaan dengan setiap akaun sekuriti yang dibuka. Bagi setiap pemunya kena ada satu akaun. Tidak boleh satu pemunya ada banyak akaun. Satu pemunya hanya boleh mengendalikan satu akaun sahaja.

Fasal 17, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan memasukkan seksyen baru 29A yang memperuntukkan bahawa semua dagangan berkenaan dengan sekuriti telah deposit hanya boleh dijalankan oleh pemunya benefisial sekuriti deposit atau nominee diberi kuasa. Peruntukan peralihan Fasal 28 menyatakan jika sebaik sahaja rang undang-undang ini mula berkuat kuasa suatu akaun sekuriti telah dibuka dengan depository pusat atas nama seseorang selain pemunya benefisial atau atas nama nominee diberi kuasa, orang itu hendaklah dalam masa satu bulan juga dari tarikh rang undang-undang ini mula berkuat kuasa memohon kepada depository pusat untuk membuka akaun sekuriti di atas nama pemunya benefisial sekuriti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima, larangan ke atas transaksi-transaksi luar pasaran (off market) ataupun CLOB yang saya sebut di peringkat awal tadi. Kecuali bagi dagangan terus diiktirafkan dalam kaedah-kaedah BSKL. Ada dua kategori dagangan terus diiktirafkan. Kecuali dalam dua keadaan tersebut, semua transaksi luar

pasaran (off market) adalah dilarang. Oleh itu, semua rujukan kepada luar pasaran dipotong dalam rang undang-undang ini.

Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 31 untuk menghendaki suatu depositori pusat atau agen depositori diberi kuasa membuat catatan dalam akaun sekuriti berhubung dengan dagangan terus atau transaksi lain sepertinya yang dijalankan menurut kadah-kaedah depositori pusat atau bursa saham. Dengan ini, semua transaksi luar pasaran lain adalah tidak sah dan catatan tidak boleh dibuat dalam akaun-akaun sekuriti.

Yang keenam, kita hendak meningkatkan keupayaan Suruhanjaya Sekuriti dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan.

Fasal 23 adalah untuk meminda seksyen 41 bagi menambah keadaan-keadaan dalam mana suatu akaun sekuriti boleh digantung. Satu keadaan ialah apabila depositori pusat mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat pelanggaran kaedah-kaedah depositori pusat, BSKL atau pusat penjelasan yang diiktirafkan. Satu contoh lagi ialah apabila Suruhanjaya Sekuriti mengeluarkan notis kepada depositori pusat menyatakan bahawa adalah dipercayai undang-undang sekuriti telah dilanggar.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 25 meminda seksyen 58 dengan menambah jenis-jenis perintah makhamah yang boleh dipohon oleh depositori pusat atau Suruhanjaya Sekuriti berkenaan dengan sebarang pelanggaran kaedah-kaedah depositori pusat atau peruntukan-peruntukan SICDA. Beberapa pindaan kecil juga diperuntukkan berbangkit ataupun, dengan izin, consequential pada pindaan langsung daripada pindaan di atas, iaitu seksyen 3, 4, 10, 28, 35, 39 dan 58.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan yang saya jelaskan tadi adalah perlu untuk menyokong tindakan-tindakan pentadbiran yang telah diambil oleh BSKL, SCANS dan MCD yang telah pun diumumkan pada 1 September. Langkah-langkah ini telah pun kita laksanakan, tetapi tanpa kuatkuasa undang-undang ia sudah pasti akan tidak berkesan. Secara ringkasnya kita tidak akan mengizinkan kegiatan nominee. Ia untuk memastikan ketelusan kesemua saham-saham perlu dideposit

dalam MCD, tidak boleh lagi dikeluarkan saham-saham kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu dan ini tujuan utamanya ialah untuk tidak mengiktiraf pasaran di luar negara khususnya CLOB yang telah banyak menjejaskan pasaran saham tempatan. Jadi, matlamat akhir kesemua pindaan yang disebut tadi ialah untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur terhadap pasaran saham negara, dan dengan itu akan membantu usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibaca bagi kali kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

10.31 pagi

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Saya sukalah mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengambil tindakan tegas bagi membetulkan perniagaan yang membabitkan perdagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur bagi tujuan mengembalikan keyakinan pelabur dalam masa kita hendak menangani masalah kegawatan ekonomi.

Kita telah mendengar Tuan Yang di-Pertua, latar belakang yang telah dibuat ataupun yang telah dimaklumkan oleh Menteri Kewangan II sebentar tadi, akan kewujudan lebih 130 ribu nominee yang tidak dapat dikesan siapakah yang memiliki saham-saham. Begitu juga kita telah mendengar latar belakang CLOB yang diwujudkan di Bursa Saham Kuala Lumpur di mana 112 syarikat Malaysia

didagangkan di luar negara. Dan semua ini dapat disimpulkan tanggapan perniagaan di Bursa Saham Kuala Lumpur sebelum ini memang disifatkan seolah-olah sebagai satu pusat ataupun bentuk perjudian yang kita dapati di mana syarikat-syarikat yang kita tahu asasnya tidak kukuh tetapi harga sahamnya cukup tinggi.

Saya pernah membaca laporan kewangan ada syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur di mana mengalami kerugian tetapi saham mereka melebihi daripada apa yang sepatutnya. Begitu juga ada syarikat yang fundamentalnya kuat tetapi sahamnya tidaklah begitu tinggi. Ianya menggambarkan bahawa BSKL itu satu pusat perdagangan perjudian ataupun boleh ditakrifkan sebagai kasino dan ini memang diakui sendiri oleh banyak pihak, di mana kita lihat sebelum ini waktu ekonomi kita baik banyak pihak menjadi jutawan dengan sekelip mata (instant millionaire) dengan keupayaan mereka memanipulasikan saham-saham mereka untuk mendapatkan keuntungan yang cepat. Sebab itulah kita lihat dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini terlalu banyak syarikat yang mendapat kelulusan untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur yang sebenarnya mereka bukan untuk mengumpul modal bagi meningkatkan syarikat mereka tetapi lebih membuat keuntungan secara yang cepat ataupun sekelip mata.

Tuan Yang di-Pertua, walau macam mana pun sebelum saya menyentuh perkara ini lebih lanjut kita sudah mengalami kegawatan ekonomi hampir setahun setengah, dalam tempoh setahun setengah kita lihat negara-negara yang menghadapi masalah yang sama seperti kita hari ini sudah hilang martabat bangsa mereka iaitu dengan menggadaikan kemerdekaan mereka kepada bangsa asing apabila mereka tunduk kepada IMF. Hal ini dapat kita saksi bagaimanakah ianya sedang berlaku di negara Indonesia, di Thailand, di Korea Selatan dan lain-lain, tetapi kita pada masa ini walaupun setahun setengah kita mengalami masalah kegawatan ekonomi bagi mereka yang memahami apa itu semangat patriotisme, bagi mereka yang memahami apa itu semangat kebangsaan, bagi mereka yang memahami apa itu cintakan negara, bagi mereka yang ada semangat untuk memartabatkan bangsa Malaysia sudah barang tentu

kita merasa bangga. Kita bangga dan kita merasakan tidak ada yang lebih gembira kepada kita walaupun kita menghadapi kegawatan setahun setengah masanya. Kita dapati negara kita di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri bukan sahaja berjaya menangani masalah ini tetapi tidak menyerah kepada bangsa asing ataupun tunduk kepada IMF.

Ini salah satu hakikat yang cukup membanggakan sebab itu bagi mereka yang memahami semangat patriotisme, walaupun kita hidup sedikit menderita sekarang ini, tetapi tidak ada perkara yang lebih berharga daripada mempertahankan maruah bangsa sesudah kita mencapai kemerdekaan hampir 41 tahun yang silam. Sebab kita melihat negara-negara lain sudah kecundang, sudah menggadaikan maruah mereka, bangsa mereka walaupun berjuang mendapat kemerdekaan menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di zaman Sukarno menentang Belanda dahulu tetapi tidak terjadi kepada negara kita. Bukan sahaja kita masih lagi mampu hidup selesa seperti dahulu malah yang membanggakan juga dalam kita menghadapi kegawatan ekonomi baru-baru ini kita berjaya mengendalikan Sukom, sukan yang kedua terbesarnya di dunia, 70 buah negara mengambil bahagian.

Pada yang memahami soal semangat patriotisme apabila kita melihat sendiri akan acara perasmian dan penutup yang dipancarkan di seluruh dunia, seribu juta manusia melihat akan kehebatan negara Malaysia yang dicemuh selama ini semasa kegawatan ekonomi. Mereka melihat bukan sahaja kita mampu menyediakan prasarana yang cukup hebat, tetapi kita muncul di tangga ke 4 daripada 70 buah negara dengan merangkul 10 pingat emas, 14 perak dan 11 gangsa. Ini juga sekali gus pada saya sebagai anak watan negara ini yang memahami soal patriotisme tidak ada perkara yang dapat kita katakan selain daripada menyatakan setinggi tahniah dan penghargaan, juga kepada Perdana Menteri kita yang sekali lagi mengangkat martabat bangsa kita di persada dunia dan antarabangsa. *[Tepuk]* Saya tidak fikir negara lain mampu berupaya untuk mengadakan Sukom, sukan yang begitu besar, yang melibatkan ribuan atlet dan pegawai-pegawainya mampu mengadakan sukan seumpama itu dalam suasana

kegawatan ekonomi yang sekali juga dalam suasana kegawatan sedikit politik dalam negara kita, di mana kesemuanya ini mencerminkan akan kebijaksanaan, akan kewibawaan kepimpinan negara kita yang tidak boleh dipertikaikan.

Sehubungan dengan itu kita juga melihat Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi kita juga ada sedikit masalah kegawatan politik. Rang Undang-undang ini semua tidak akan bermakna, ianya akan menjadi kertas sampah-sarap yang tidak bererti kalaulah tidak ada kestabilan politik dan keamanan negara. Rang Undang-undang ini hanya bermanfaat dan boleh mengembalikan keyakinan pelabur kalau kita memastikan wujudnya kestabilan politik dan keamanan yang berterusan dan kejayaan selama ini pun ialah kerana kestabilan politik. Kestabilan politik ini wujud kerana rakyat negara Malaysia ini bukan seperti rakyat di negara-negara lain yang mudah dipengaruhi, yang mudah dikeliru oleh pihak-pihak asing lebih-lebih lagi media asing ataupun media elektronik asing ataupun parti-parti pembangkang yang suka menanggung di air yang keruh. Agenda mereka tidak lebih daripada mencari political mileage dalam apa juga isu yang sedang dihadapi oleh negara kita. Tetapi asas kestabilan politik dan keamanan ini ialah kerana kebijaksanaan dan kematangan rakyat negara kita, walaupun masih ada segelintir lagi rakyat yang mudah dikeliru oleh pihak-pihak tertentu ini maklum sahaja kerana kita mengamal demokrasi mustahil kita akan mendapat sokongan rakyat 100% sepanjang masa.

Hatta di zaman junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dahulu pun, waktu nabi berdakwah tidak semua ikut termasuklah bapa saudaranya sendiri, tetapi kalau kita lihat secara umumnya kita ada kestabilan politik, keamanan. Kalaulah rakyat Malaysia ini serupa dengan rakyat Indonesia ataupun rakyat Korea Selatan, mungkin hari ini keadaan negara kita sudah menjadi huru-hara. Akta yang ada di hadapan kita ini pun tidak berguna dan tidak berfaedah lagi, sehingga negara-negara ini sedang berjuang untuk hidup manakala kita sekarang ini adalah berjuang untuk kemajuan. Belum ada lagi yang mati kebuluran, belum ada lagi yang mati kerana kelaparan, belum ada lagi yang mencuri secara besar-besaran, ataupun belum ada lagi yang makan ular ataupun sebagainya untuk hidup.

Tinggal lagi, di negara kita ini hanya hendak memastikan mereka yang kereta besar selama ini dapat terus memiliki kereta tersebut. Mereka yang ada dua, tiga buah rumah hendak memastikan dua, tiga rumah yang dia sendiri sudah ada rumah untuk duduk tetapi rumah yang dia sewakan itu kekal di tangannya. Bermakna perjuangan untuk maju bukan untuk hidup manakala negara lain berjuang untuk hidup tetapi kita untuk maju. Inilah hakikatnya dan pencapaian ini adalah kerana kestabilan politik, kerana perpaduan rakyat, kerana sokongan rakyat dan inilah asasnya .

Walaupun kita merasa dukacita tentang apa yang sedikit sebanyak berlaku secara kebetulan di waktu kerajaan hendak menangani masalah kegawatan ekonomi, secara kebetulan pihak kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa menyingkir ataupun memecat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan di dalam kerajaan iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Hal ini menjadi kejutan yang hampir-hampir negara kita terkejut, yang hampir-hampir kalau tidak dapat ditangani dengan bijak dan baik sudah tentu kita tidak dapat bersidang di Dewan yang mulia ini. Jikalau rusuhan berlaku hasil daripada hasutan sesetengah yang membawa slogan gerakan 'reformasi' dalam masa dua-tiga minggu kebelakangan ini, sudah tentu kita melihat banyak kereta dibakar, banyak kedai dimusnahkan, mungkin berlaku pergaduhan kaum dan macam-macam boleh terjadi hasil daripada perhimpunan-perhimpunan yang menuju ke arah untuk menimbulkan rasa gelisah dan huru-hara dalam negara.

Sebenarnya kalau kita memahami soal undang-undang negara, perlantikan dan pemecatan seseorang menteri dalam kabinet tidak perlu dipersoalkan kerana ianya prerogative Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jika Dato' Seri Anwar Ibrahim ataupun sesiapa menjadi Perdana Menteri, orang ini mempunyai ataupun Perdana Menteri mempunyai hak untuk memilih sesiapa sahaja sama ada ianya melibatkan ada kes ataupun tidak ada kes. Kalau Perdana Menteri lihat seorang menteri kabinet kepalanya benjol, ataupun telinganya berkedut tidak sesuai jadi menteri boleh dipecat tanpa apa-apa alasan.

Sepanjang kegawatan ekonomi ini, kita lihat banyak negeri lain, Perdana Menteri atau Presiden memecat menteri-menteri. Baginda Sultan Brunei juga memecat adiknya Jefri dari menjadi Menteri Kewangan dalam suasana kegawatan ekonomi. Di negara Indonesia, dua menteri kewangan dipecat di zaman Suharto jadi presiden. Di Thailand, menteri kewangan juga dipecat begitu juga di Korea Selatan.

Di Russia apa lagi, Tuan Yang di-Pertua. Setiap minggu Perdana Menteri kena pecat, Timbalan Perdana Menteri kena pecat.

Ianya soal urusan politik negara di mana kepercayaan diberi kepada pucuk pimpinan negara yang memerintah tetapi bezanya dengan negara kita ini, dalam hal ini Timbalan Perdana Menteri dipecat tidak ada kena mengena dengan soal kegawatan ekonomi, walaupun kita akui ada perbezaan pendapat apabila kita membaca kenyataan-kenyataan akhbar yang dibuat oleh Menteri Kewangan dengan pucuk pimpinan negara tetapi hal itu tidak menjadi masalah kerana secara kebetulan ada masalah peribadi yang berkaitan dengan moral dan akhlak dan inilah yang amat mendukacitakan kita. Ianya terjadi, perkara ini terbongkar dalam suasana kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi. Ini takdir Allah S.W.T. yang kita kena terima, mungkin keputusan telah dibuat di langit. Ilhamnya baru timbul, baru diterima semasa kita menghadapi kegawatan ekonomi. Apabila isu ini berlaku maka macam-macamlah kerenah timbul. Yang terlibat pula membabit seorang pemimpin yang dikenali sebagai seorang yang berwibawa, seorang yang mengguna perisai agama yang cukup kuat, seorang pemimpin yang menjadi idola di kalangan anak-anak muda tahun 70-an dahulu, termasuk saya.

Kita menganggap pemimpin ini sebagai primadona, idola kerana idealisme yang dibawanya cukup menakjubkan, apatah lagi jarang pemimpin berupaya, mampu membaca khutbah atau bercakap mengenai soal akhlak dan moral lebih-lebih lagi menganjur seminar. Saban hari dengan mengketengahkan ahli-ahli fikir terkemuka seperti Yusuf Qardhawi, Almarhum Malik bin Nabi, Hassan al-Bana, Hussein Nas dan macam-macam lagi tokoh-tokoh termasuk juga ahli-ahli fikir dan pejuang-pejuang seperti Jose Rizal dan macam-macam lagi. Tentulah ia menjadi rangsangan kepada anak muda tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita ini manusia. Inilah yang menyebabkan apabila Islam itu dijadikan perisai politik, inilah juga menyebabkan kita menegur dahulu PAS sebagai sebuah parti yang menggunakan Islam sebagai perisai, sebab sebagai manusia biasa, Tuan Yang di-Pertua, kita ini tidak maksum.

Di kalangan manusia yang ada sekarang ini di muka bumi ini bagi orang Islam semua ini apa yang dikatakan oleh sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W., tidak ada manusia yang ada darjat maksum. Kita ini manusia biasa dan sebagai manusia biasa Tuhan juga ada mengingatkan apabila manusia itu diberi kuasa, diberi pangkat, kedudukan dan harta, dia mudah digoda oleh syaitan. Inilah peristiwa yang cukup

menyedihkan. Satu tragedi yang pada sayalah, amat memalukan, sebab itu kita menasihatkan semua pihak yang dalam gelanggang politik termasuklah parti yang menggunakan Islam sebagai perisai.

Apabila kita menggunakan Islam dan apabila kita melakukan dan terdapat kelemahan pada diri kita, akhirnya yang rosaknya bukan sahaja diri kita tetapi memalukan institusi Islam, memalukan pergerakan Islam dan mengelirukan bukan umat Islam kepada ajaran agama Islam. Akhirnya nanti orang tidak akan percaya lagi kepada mereka yang bercakap mengenai Islam. Inilah yang amat menakutkan kita dan inilah yang amat menyedihkan saya secara peribadi. Sebagai orang yang mengenali bekas Timbalan Perdana Menteri, hampir tiga puluh tahun lamanya, akhirnya ia berkesudahan dengan tragedi yang memang sukar untuk kita telan tetapi ia berlaku kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, apabila ianya berlaku maka macam-macam tohmahan yang berlaku sebab bagi mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral dan tidak berakhlak apatah lagi pemimpin yang ada perisai agama, sudah tentu tidak mudah untuk beliau mengakui akan kesalahannya. Kita serah kepada budibicara mahkamah yang kita tahu ada kebebasan untuk menentukan kedudukan beliau sama ada betul ataupun tidak, tetapi hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, tindakan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh dilihat dalam dua sudut.

Satu, Yang Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang khalifah, sebagai seorang Islam ia telah menunaikan tanggungjawabnya sebagaimana disuruh oleh Allah S.W.T. Seseorang pemimpin Islam diajar dan disuruh oleh agama bertindak cepat menangani masalah yang bertentangan dengan agama tanpa menunggu perkara-perkara yang remeh-temeh. Ada pihak yang menyoalkan kenapa tidak didakwa di mahkamah, mana bukti, Yang Berhormat Tuan Haji Hadi Awang, saya baca dalam akhbar hari ini mempersoalkan di Dewan Rakyat, mana ada empat saksi untuk menentukan kesalahan bekas Timbalan Perdana Menteri.

Persoalannya di sini Tuan Yang di-Pertua, memang kita boleh lihat dalam bermacam-macam perspektif dalam hal ini. Dalam perspektif agama untuk menentukan sesuatu kesalahan dari segi maksiat ini hendak kepada empat saksi. Itu dari segi hukum syarak kalau perbicaraannya di mahkamah syariah, dan kalau hukumannya sudah wujud undang-undang Hukum Hudud di mana kalau di dapati

bersalah pesalah itu mesti dihukum rejam. Itu jelas, tetapi pada masa yang sama seorang Perdana Menteri, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudah berusia 73 tahun yang dia mengetahui sesudah mendapat maklumat daripada pihak polis, yang kita akui akan kebijaksanaan polis, yang mempunyai bukti-bukti yang cukup dan sesudah mereka-mereka yang terlibat, turut membuat pengakuan dan sudah ada dua yang mengaku kesalahannya di mahkamah dan kebimbangannya jikalau terjadi apa-apa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita doa agar panjang umur, kalaulah Timbalan Perdana Menteri yang dia tahu pada masa yang sama sedang melakukan kerja-kerja yang tidak sihat yang bertentangan dengan ajaran agama di luar tabie maka orang ini akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri, tentulah sesuatu perkara yang berat kita terima.

Kepada Perdana Menteri sendiri, sekurang-kurangnya kita beri, at least, dalam bahasa Inggerisnya, *benefit of the doubt*, iaitu dia sudah tahu perkara ini berlaku, tentulah Perdana Menteri juga sebagai seorang Islam akan bertemu dengan Rabbuljalil nanti, sudah tentu dia tidak hendak bertanggungjawab sesudah dia tahu Timbalannya mempunyai tindak tanduk yang demikian, akhirnya dia pejam mata dan orang ini mengambil alih jawatan memimpin negara ini sudah tentulah ia tidak sanggup. Bukankah itu satu tindakan yang berani? Bukankah itu satu tindakan yang patut kita memberi pujian dan sokongan malah kita patut menyanjung tinggi atas keberanian tersebut sebab tidak mudah dan tidak senang untuk seorang Perdana Menteri mengambil keputusan yang begitu berani di mana Perdana Menteri tahu juga Timbalannya adalah seorang yang popular, seorang populist, mempunyai sokongan yang kuat yang mempunyai nama yang cukup baik di peringkat antarabangsa yang mungkin juga menggugat keamanan negara tetapi demi melangsungkan tanggungjawab sebagai seorang khalifah, sebagai seorang pemimpin Islam, sebagai seorang hamba Allah, beliau melakukan tindakan ini demi kebaikan agama, bangsa dan negara. Saya memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam soal tindakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, samalah juga kalau kita lihat dari segi perspektif agama, di mana kita sebagai salah seorang Islam, kalau kita ada rasa was-was kepada sesuatu perkara, dalam soal kita mengambil wuduk untuk menunaikan sembahyang, kalau wuduk kita itu kita rasa tidak puas hati, maka kita ambil wuduk sekali lagi untuk kita menunaikan sembahyang. Begitulah juga sebagai seorang Perdana Menteri, sebagai

seorang khalifah, dia tidak boleh was-was dalam sebarang tindak-tanduk dan keputusan yang beliau terpaksa ambil, termasuklah soal dalam melucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Samalah juga dalam perspektif krisis manajemen, dalam soal krisis manajemen, Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang didapati terlibat menggelapkan wang ataupun menyalahgunakan kuasa tentulah mesti diambillkan tindakan segera untuk menyelamatkan organisasi ataupun pertubuhan yang dia pimpin. Contohnya, kalau saya menjadi pengerusi sebuah syarikat, saya dapati salah seorang daripada kakitangan dalam syarikat saya yang diberi tanggungjawab mengendalikan hal urusan kewangan ataupun jawatan penting melakukan kesalahan, menyalahgunakan kuasa, apakah yang patut kita buat sesudah kita mendapat laporan oleh pihak-pihak tertentu? Tentulah kita panggil orang yang berkenaan, bertanya, kemudian memberi nasihat.

Sudah tidak ada pilihan, siasatan mesti dibuat dan sebelum siasatan mesti dibuat, orang ini mesti berhenti. Apabila dinasihat untuk berhenti, dia tidak mahu berhenti. Apa patut dibuat oleh seseorang yang berjawatan Executive Chairman selain daripada menyingkir orang ini ataupun membuat laporan polis, sebab proses laporan polis juga dan mahkamah pula akan mengambil masa dan kalau orang ini masih lagi duduk di tempat itu, jadi dia boleh merosakkan organisasi ataupun syarikat. Maka sebab itulah dalam konteks krisis manajemen dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai CEO (Chief Executive Officer) dalam negara kita yang mengendalikan negara kita sekarang ini, memang kewajipan mengambil tindakan yang tersebut. Jadi timbul masalah soal keraguan yang ditimbulkan oleh banyak pihak dari segi kebijaksanaan Perdana Menteri mengambil tindakan.

Memanglah orang terkejut oleh kerana tuduhan yang melibatkan bekas Timbalan Perdana Menteri ini suatu tuduhan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Kalau dulu ada tuduhan terhadap pemimpin politik, banyaknya kes rasuah, kita pernah ingat di zaman Allahyarham Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri. Ada suatu kes besar berlaku yang melibatkan seorang pemimpin yang cukup berpengaruh, iaitu

yang dikenali dengan nama Dato' Harun Idris yang masih hidup sampai sekarang, Panglima Melayu 13 Mei - orang semua tahu. Sewaktu beliau hendak dihadapkan ke mahkamah, riuh-rendah seperti sekarang sehingga ada di kalangan pemuda-pemuda pada waktu itu keluar membawa senjata, mengelilingi rumah Dato' Harun Idris bagi menyelamatkan Dato' Harun daripada didakwa di mahkamah. Tetapi Allah Maha Besar, kebenaran tetap kebenaran. Keluhuran undang-undang mesti dipertahankan, keluhuran Perlembagaan mesti ditegakkan. Akhirnya Dato' Harun didakwa dan didapati bersalah pada waktu itu dan keadaan kembali tenang dan rakyat menerima keputusan tersebut.

Pada waktu itu ramai juga orang tidak percaya, isunya tidak lebih daripada rasuah, waktu itu saya ingat isu yang membabitkan pertarungan boxing antara Ali dan Bugner yang membangkitkan sedikit kewangan yang boleh ditakrifkan ada unsur-unsur rasuah di mana dia didakwa di mahkamah. Begitu juga lain-lain kes yang kita lihat pemecatan seseorang menteri, Timbalan Perdana Menteri ke, Perdana Menteri ke, oleh Sultan, oleh Presiden, perkara biasa, saya sebutkan tadi, perkara biasa dan dalam negara kita ini pun bukan sahaja Dato' Harun Idris, zaman Almarhum Tunku, Aziz Ishak yang saya ingat dulu saya baca dalam artikel-artikel dahululah seorang yang begitu popular (populist) yang mula-mula mengenalkan baja urea untuk digunakan oleh petani, menjadi kontroversial pada waktu itu, maka Aziz Ishak dipecat oleh Almarhum Tunku.

Di zaman Tun Hussein Onn berlaku juga kes Dato' Harun yang saya sebutkan tadi dan di zaman Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sekarang ini, ini bukan perkara baru. Naib Presiden UMNO, bekas Menteri Besar Selangor juga diminta berhenti sebagai Menteri Besar Selangor dan juga bercuti daripada jawatan parti. Bekas Ketua Menteri Melaka kena juga dulu, diminta berhenti dan diberi cuti dan orang-orang ini berhenti, belum diadakan perbicaraan di mahkamah, belum lagi mereka ini disabitkan kesalahan di mahkamah tetapi orang-orang ini yang tidak melabelkan dirinya sebagai pejuang Islam tetapi apabila dinasihat untuk bekerjasama

bagi kebaikan negara, mereka menerima nasihat tersebut dengan baik. Mereka hilang jawatan Menteri Besar, mereka hilang jawatan Ketua Menteri, mereka hilang jawatan Ketua Pemuda, mereka hilang jawatan Naib Presiden. Tidak ada masalah, malah mereka tidak mengumpul penyokong-penyokong di rumah-rumah mereka dengan mengadakan demonstrasi dengan menyoalkan sistem kehakiman, dengan menyoalkan kewibawaan polis. Mereka tidak pernah mempersoalkan perkara ini, walhal kita tahu mereka ini ada penyokong-penyokong yang ramai. Mereka ada keupayaan untuk melakukan tindakan-tindakan yang demikian, tetapi mereka menerima hakikat. Mereka mesti terima hakikat.

Sebagai ahli parti, beliau mesti berdisiplin dan bagi menghormati keluhuran undang-undang dan Perlembagaan, dia akur dengan keputusan yang dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Ini pemimpin yang kalau hendak dibandingkan dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, jauh bumi daripada langit, jauh api daripada panggang. Kalau dilihat dari segi peribadinya, perwatakannya, kewibawaannya, keluhuran peribadinya tetapi saya sendiri secara peribadi terkejut sebab bekas Timbalan Perdana Menteri ini juga pernah dalam ucapan-ucapannya memberi rangsangan kepada rakyat, kepada pengikut, pernah mengatakan, apa bila kita menghadapi musibah diri, apabila kita menghadapi masalah, kita hendaklah sabar dan sabar itulah mencerminkan keimanan kita. Di zaman Bilal dulu waktu dia mengikut perjuangan junjungan besar Nabi Muhamad s.a.w. dahulu diletak batu di atas perut, namun dia tidak akan menukar agamanya, selain daripada percaya kepada Allah S.W.T tetapi orang yang menganjurkan supaya bila kita menghadapi musibah diri sendiri, apabila ia hendak diuji oleh Allah S.W.T, rupa-rupanya tindakannya di luar dugaan sama sekali.

Saya teringat bekas Timbalan Perdana Menteri inilah yang boleh menjadi contoh apabila diuji dalam perjuangan. Dialah yang patut menjadi teladan kepada semua rakyat, kepada pengikut bahawa dialah yang terbaik dari segi sebenarnya, kita tidak sampai kepada peringkat sebelum lagi ianya diuji dari segi imannya, awal-awal lagi sesudah dipecat, mengguna media asing CNBC news menyerang kerajaan,

menyerang sistem kehakiman, menyerang sistem kepolisan negara kita, menyerang Majlis Tertinggi UMNO, menyerang Kabinet, seolah-olah 16 tahun yang bekas Timbalan Perdana Menteri dalam kerajaan, di mana sistem yang dia sendiri dukung, di mana dia sendiri mendapat manfaat dan faedah dari segi kedudukan sebagai seorang pemimpin.

Tetapi malangnya dia sendiri menyerang sistem dan kedudukan di mana sistem dia sendiri 16 tahun mendapat nikmatnya. Ini sesuatu perkara yang cukup mengaibkan. Sudah barang tentulah perbuatan bekas Timbalan Perdana Menteri dan penyokong-penyokongnya sekali lagi juga akan membantu menghilangkan keyakinan pelabur dalam negara kita ini. Sebab akhbar asing, media asing, orang-orang luar yang mencemburui negara kita, sudah menggunakan berita-berita ataupun tohmahan-tohmahan palsu yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan gerakan reformasinya. Dibesarkan di luar negara, tunjuk perasaan yang 500 orang di Masjid Negara dibuat berita sampai 50,000. Perhimpunan yang tak sampai pun 10,000 orang dikatanya 100,000 dan majalah-majalah asing cukup bijak mengeluarkan gambar-gambar, gambar-gambaranya cukup cantik sekali.

Dalam *Asiaweek*, dalam *Far East Economic Review*, gambar-gambar yang disiarkan dengan cara bentuk view yang dibuat seolah-olah memang nampaknya macam 100,000 orang, ini kamera taktik, cukup cantik sekali. Begitu juga tayangan televisyen, berita-berita agensi luar, cuba nak mengabui mata seolah-olah di Malaysia ini sudah hancur lebur manakala perkara ini tidak benar tetapi itulah yang berlaku, itulah yang terjadi yang cukup menyedihkan kita. Sepatutnya perkara ini tidak berlaku kalau dia seorang pemimpin yang berwibawa.

Saya percaya kalau dia difitnahkan dan dia sendiri tahu satu hari dia teruk. Allah Maha Besar, Allah tetap di pihak yang benar dan Allah tidak pernah mungkir janji, dia akan tetap di pihak yang benar lambat laun. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dulu pernah disingkir daripada parti di zaman Almarhum Tunku selepas peristiwa 13 Mei, itupun sewaktu Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin

Mohamad dipecat dia tidak ada peluang langsung membela diri, langsung tidak ada peluang membela diri baik dalam parti ataupun pihak kerajaan tetapi akhirnya the truth prevailed, beliau kembali sebagai seorang pemimpin yang gagah dan menjadi Perdana Menteri yang paling lama dan berupaya mengangkat martabat bangsa kita dalam semua arena perjuangan.

Begitu juga pemimpin-pemimpin lain, bukan perkara yang luar biasa, tetapi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya bercakap panjang sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sebab tidak ada orang yang paling sedih daripada saya. Sebagai seorang sahabat, sebagai seorang kenalan rapat sudah barang tentu saya tetap menganggap dia sebagai sahabat tetapi perasaan sedih cukup mendalam, sebab bila saya pulang ke rumah sesudah mengetahui cerita ini saya buka album lama-lama dulu. Masa itu Tuan Yang di-Pertua menjadi Menteri Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua pun mengikuti perkembangan pada waktu itu. Saya masih menyimpan banyak album lama-lama dulu sewaktu kebangkitan pelajar yang dikatakan kebangkitan Islam tahun 70-an dulu. Banyak gambar yang saya simpan, tentulah bagi orang yang ada perasaan akan menitikkan air mata atas apa yang terjadi ke atas seorang sahabat, yang satu menghampakan kita tetapi yang kedua juga terjebak dalam kegiatan ataupun perbuatan yang di luar dugaan kita. Tidak ada siapa yang tidak sedih tetapi seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, yang kita harap beliau bersabar, beliau sabar menghadapi ujian ini, boleh menjadi contoh kepada orang lain. Sepatutnya dia yang paling sabar, saya mula-mula sangkakan apabila beliau dipecat kenyataan yang keluar dari mulut beliau ialah “saya menerima keputusan ini dengan penuh tanggungjawab dan sebagai seorang Islam, saya menerimanya dan saya akan membersihkan diri saya di mahkamah. Saya terima segala keputusan, saya faham soal Perlembagaan negara, saya tahu hak Perdana Menteri”, sepatutnya dia bercakap begitu dan saya percaya dia akan lebih dihormati dan dia boleh membersihkan dirinya di mahkamah, tak payah dia gopoh-gapah tetapi tindak-tanduk gopoh-gapah itulah yang mencurigai kita. Bagi yang boleh berfikir apakah tindakan gopoh-gapah dia ini, serangan tohmahan dia kepada

kerajaan ini, tidak lebih untuk menutup apa yang sebenarnya terjadi ke atas diri beliau. Dari segi reverse psychology kita juga faham tentang body language, Tuan Yang di-Pertua, kita juga faham kalau kita tengok raut wajah muka seseorang itu, saya dok bercakap bab Dato' Seri Anwar, bila orang PAS sokong Dato' Seri Anwar [*Ketawa*]

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak menyebelahi mana-mana tetapi atas unsur keadilan dan peri kemanusiaan kerana Dato' Seri adalah bekas Timbalan Perdana Menteri dan abang kepada saudara Datuk Ibrahim jadi saya rasa untuk keadilan dan peri kemanusiaan, berilah peluang kepada mahkamah menentukan apakah ianya benar ataupun salah. Selepas mahkamah menentukan, bolehlah kita hendak mengutuk (naknimah) ataupun sebaliknya. Sekarang saya bercakap tidak saya cenderung kepada mana-mana pihak sepatutnya saya tidak boleh masuk campur tetapi atas peri kemanusiaan dan keadilan, jangan kutuk dia habis-habisan. Beri peluang kepada mahkamah, biar mahkamah menentukan keadaan ianya benar ataupun salah. Dunia ini boleh buat macam-macam tetapi kebenaran adalah di hadapan rabbuljalil yang Datuk Ibrahim sebutkan tadi di depan Allah sendirilah kebenaran itu pasti tiba. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Yang Berhormat. Inilah yang saya cakap mengenai kebenaran rabbuljalil sebab saya bukan macam Yang Berhormat berpolitik walaupun saya tak bercakap Islam macam Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat dengar baik-baik, selepas itu balik tolong beritahu kepada pemimpin PAS. Sebenarnya saya bukanlah menyerang Dato' Seri Anwar, jauh sekali daripada itu, cuma kita bukan perangai macam orang PAS. Yang saya sebut di sini bukan saya serang Dato' Seri Anwar, saya kena membetulkan apa yang sudah terjadi sebab Dato' Seri Anwar kalau dia tidak memulakan gerakan reformasi, tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang buruk, yang tidak benar, tidak merangsangkan golongan-golongan tertentu mengadakan tunjuk perasaan, tentulah perkara ini kita tidak bangkitkan.

Mungkin saya di antara orang-orang yang akan menunggunya di mahkamah bagi menentukan beliau diadili dengan sebaik-baiknya tetapi saya tahu sebab kita di kalangan parti yang memerintah. Sebelum beliau diambil tindakan bagaimana dia dinasihati untuk meletakkan jawatan dan selepas dia diambil tindakan dia dipecat maka memang hendak dibawa dia di mahkamah. Sebelum lagi pihak polis bawa dia untuk didakwa di mahkamah, rumahnya dihimpun dengan ratusan, ribuan penuntut-penuntut termasuk orang PAS. Itu Yang Berhormat kata Yang Berhormat orang yang bertanggungjawab? Sebab itu saya malas sebab Yang Berhormat orang perempuan, nanti Yang Berhormat kata saya keras pula. Bila saya bercakap saya tak kiralah orang lelaki atau orang perempuan tetapi itu yang berlaku. Kalaulah perkara ini tak berlaku, Yang Berhormat, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris “I will be the first one to be at the court” sebagai seorang sahabat tetapi berapa lama polis hendak ambil masa untuk cajnya di mahkamah.

Malam itu juga selepas dia dipecat takkan Yang Berhormat tak tahu, saya lalu ikut jalan besar penuh dengan kereta, budak-budak universiti penuh di rumah seolah-olah diajar diasuh untuk berperang dengan polis. Macam mana kita hendak menegakkan keluhuran Perlembagaan, macam mana kita hendak biarkan proses kehakiman berjalan dengan lancar kalau ianya diganggu begitu rupa dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak bertanggungjawab, boleh bawa pihak media asing CNBC News duduk dalam rumah, ada temuramahnya, peempt segala-galanya sebelum didakwa di mahkamah.

Macam mana kita hendak pertahankan kredibiliti polis, kredibiliti kehakiman negara kita kalau sebelum apa-apa lagi sudah dibuat kenyataan “saya difitnah, saya ditohmah, kalau ada diari saya, diari saya ditampered, kalau ada video mengenai dengan saya mungkin kepalanya kepala orang lain, kalau saya ditahan mungkin saya dicucuk dengan HIV virus, kenyataan daripada isterinya sendiri and this statement, Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini bagi yang memahami dalam mengendalikan urusan negara hendak mengendalikan soal keluhuran Perlembagaan undang-undang ianya tidak mudah sesudah isu seumpama ini, peempt issue ini disebar di seluruh dunia.

Macam mana kita hendak menjamin keadilan ini. Memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat sepatutnya kita beri keadilan yang sepenuhnya kepada dia tetapi dia sendiri tidak memberi kerjasama. Sekurang-kurangnya seperti kes Tan Sri Muhammad Taib, Naib Presiden UMNO, di Australia ia dituduh bawa duit

RM2.4 juta, kita tahu semua ini bawa dengan beg tak declare, dia kena, itu sahaja kesnya, dia dinasihatkan letak jawatan, dia letak jawatan. Cuma bezanya orang PAS dengan UMNO, orang PAS cakap dalam UMNO pemimpin-pemimpin kerajaan ikan bilis tangkap, ikan jerung lepas. Bila ikan jerung kena, Wah! berjuang untuk keadilan, berjuang untuk macam-macam cakap, pada hal orang PAS ambil kesempatan hendak cari untung. Musim ekonomi gawat ini carilah untung sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk bab lain. Dia cari untung, itu sahaja, tak lebih daripada itu dan semua orang tahu. Hari ini kita tengok bezaya kerajaan UMNO Barisan Nasional dalam menegakkan keluhuran Perlembagaan, dia tak kira jerung, dia tak kira bilis. Saya belum pasti kalau PAS memerintah dia boleh buat macam ini. Ada orang dia kena pun belum pergi mahkamah pun dah tutup dengan serbanlah, hendak tilam, cuba hendak tutup, takut terdedah, malu, rosak parti tetapi UMNO Barisan Nasional gentleman, kita berani dedah kepada rakyat. Gentleman, kita hendak rakyat hukum, kita hendak rakyat adili sama ada sebuah parti kerajaan yang didukung sekarang ini transparent atau tidak. Ini lebih dari transparent kalau kita hendak jaga nama parti, kita lindung semua. Ada kes Exco sudah dua tiga orang kena dakwa di mahkamah, macam PAS ini tidak ada langsung kelemahannya.

Saya tahu Yang Berhormat, I know in depth. Speakinglah pagi ini. Saya tahu ada juga kes-kes lain.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Ramai lagi orang lain hendak bercakap.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Betul-betul Tuan Yang di-Pertua, saya pun lupa ada orang lain hendak bercakap. Pasal sudah mula pagi saya ingat masa panjang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita katakan tadi tidak patutlah dia buat tohmahan. Dan tindakan kerajaan ini cukup berani tidak ada parti di dalam dunia yang memerintah sanggup buat. Sebab itu kita tengok, commitment kerajaan, saya menyanjung tinggi pada kerajaan. Commitment kerajaan, bersih, cekap dan amanah. Kerajaan kepimpinan melalui tauladan, sama ada disedari ataupun tidak, inilah yang dibuat oleh pihak kerajaan. Dan inilah yang menyebabkan kita makmur sampai

sekarang. Walaupun kita diserang ekonomi, kita sudah setahun setengah kegawatan kita masih dapat bertahan.

Tuan Yang di-Pertua, apapun kita kata hal kegawatan ekonomi, pada sayalah, pada saya yang memahami patriotisme, saya cukup bangga, lebu raya tersergam indah, lapangan terbang KLIA tersergam yang boleh diguna 100 tahun akan datang, menara pencakar langit, orang PAS tidak suruhpun, sudah dibuat dah masjid di bawah tu, cukup cantik, cukup indah, sembahyang Jumaat, sembahyang berjemaah ataupun sembahyang Jumaat di waktu....

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali:...tidak payahlah Yang Berhormat, saya hendak cepat habis ini. Nanti Yang Berhormat cakap nanti, lepas Yang Berhormat cakap, Yang Berhormat nak kata apa pun, katalah kat saya, saya dengar nanti. Jadi, cantik. Begitu juga Proton Saga, begitu juga Kembara yang dikeluarkan, macam-macam dah, cukup indah.

Tuan Yang di-Pertua: Pergi kepada Aktalah.

Datuk Ibrahim bin Ali: Sekurities. Ini ada kena mengena Tuan Yang di-Pertua, sebab kita hendak menarik pelabur-pelabur, kita kena beritahu. Kita hendak menarik pelabur, rang undang-undang ini hendak menarik pelabur, jadi kita hendak beritahu kepada pelabur-pelabur asing, orang-orang luar betapa hebatnya negara kita ini. Tidak sebagaimana yang diperkatakan. Kita hendak beritahu supaya pelabur asing tahu asas ekonomi negara kita kukuh. Ini sebahagian daripada rang undang-undang. Hal urus tanah menjadikan BSKL lebih telus, saya sokong. Di mana saya hendak menyentuh Tuan Yang di-Pertua, eloklah saya sebutkan tadi.

Satu saya lupa hendak sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok juga saya sebut, sebab disebut tadi - saya baca dalam surat khabar. Di mana Datuk Seri Anwar ada buat claim dan direkod di mahkamah bahawa beliau semasa disoal siasat dipukul oleh polis. Saya terkejut dengan kenyataan ini dan tidak sepatutnya berlaku

dan saya mengalu-alukan keputusan polis menubuh jawatankuasa penyiasat. Mengenai polis brutality ini.

Saya pernah ditahan di bawah ISA dua kali dahulu, 60 hari disoal siasat. Dua kali memanglah penat dari segi mentalnya, sebab maklum sahajalah soal siasat ni kena hadapilah tetapi belum pernah berlaku soal polis brutality setahu saya. Saya harap penyiasatan dibuat dengan seadil-adilnya. Sebab mana nak tahulah, ada juga orang-orang salah yang ditahan oleh polis ini pernah berlaku juga, bila dia kena Tuan Yang di-Pertua, belum disoal siasat dia hantuk kepala dia sendiri ke dinding pun ada. Dia tumbuk kepala dia sendiri pun ada orang yang dah mula hendak hilang akal ini. Jadi dia hantuk muka dia dibesi mungkin jadi bengkok, maka bolehlah buat tuduhan polis dan sebagainya. Tetapi saya tidak menyoalkan sama ada perkara itu benar atau tidak. Pada saya yang pentingnya perkara ini tidak patut berlaku dan pihak polis mesti menyiasat dengan seadil-adilnya dan kalau ada pegawai polis yang memang buat dan melakukan perkara seumpama ini, polis ini mesti diambil tindakan atau di hadapkan ke mahkamah.

Bagi menentukan transparentnya lagi dari segi penyiasatan kononnya Datuk Seri Anwar disiksa ataupun ditampar ataupun dipukul oleh polis jawatankuasa yang ditubuh oleh polis itu kalau boleh saya cadangkan lantik dua orang awam bersama dengan jawatankuasa penyiasat tersebut bagi menentukan bahawa ia sebenar-benarnya adil. Sebab itu saya kata, kalau dia kena iniaya saya kena bela. Saya tetap bela, kita mesti patuh kepada proses undang-undang. Nobody is indispensable, dengan izin mengikut undang-undang, tidak ada siapa yang ada kekebalan, polis yang melakukan kesalahan pun mesti diambil tindakan. Tetapi polis yang menjalankan kerja yang baik dan bijaksana pun harus dan wajar kita memberi penghargaan. Dan ini juga boleh membantu menarik keyakinan pelabur-pelabur, ini semua ada kena mengena.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin menyebut dalam soal menarik keyakinan pelabur ini ialah bersabit dengan masalah penarafan, mekanisme untuk penarafan di mana Perdana Menteri sudah pun membuat kenyataan semalam di

Dewan Rakyat kerajaan akan mewujudkan, sedang mencari jalan untuk mewujudkan mekanisme penarafan yang sesuai, yang boleh diterima di peringkat antarabangsa. Sebab ada agensi-agensi penarafan selama ini bila dia mengeluarkan penarafan kedudukan negara kita dari segi ekonomi, kewangan dan seumpamanya didapati tidak benar atau tidak tepat. Standard and Poor contohnya dan lain-lain agensi lagi. Manakala pelabur-pelabur pula bergantung sangat kepada penarafan ini. Jadi macamana kita hendak mencari jalan supaya penarafan yang dibuat terhadap ekonomi negara kita ini benar-benar mencerminkan kedudukan dan kestabilan ekonomi negara kita. Kita tahu fundamental ekonomi negara kita kuat. Sebahagian besar syarikat-syarikat di BSKL kalau kita lihat dari segi fundamentalnya, asas ekonominya, aset yang mereka miliki jauh kalau dilihat dari segi nilai sahamnya sudah jatuh tinggal 40 sen, 50 sen, 80 sen, 25 sen pun ada. Manakala ianya tidak begitu kerana kita percaya syarikat-syarikat penarafan agensi antarabangsa ini juga didalangi oleh pihak-pihak tertentu. Mereka juga agensi yang berniaga, mereka juga ada kaitan dengan pihak-pihak yang tertentu.

Kita tahulah Tuan Yang di-Pertua, dunia ini dikuasai oleh Amerika Syarikat, the big power now, the soul big power dengan izin ialah Amerika Syarikat. Itulah satu-satu negara yang paling besar. Dia sudah bermaharajalela kerana komunis sudah runtuh di USSR dahulu dan negara-negara komunis pun mula kembali ke perdagangan bebas, jadi tentulah Amerika sekarang ini bimbang dan kita tahulah jarum Amerika ini ada di mana-mana. Lebih-lebih lagi CIA. CIA ini ada di mana-mana kita tahu. Kalau kita pernah tengok filem, baca buku, kita tahu di mana-mana mereka berada. Sampai kepada penyapu jalan pun silap gaya ada CIA, tetapi Amerika ini ia hendak menentukan ia ada soul police power of the world, dengan izin sebab apa, sebab bila komunis hancur dialah orang yang paling kuat di dunia.

Manakala di sebelah Asia Timur ini ada lagi satu negara yang besar iaitu yang namanya negeri China. China ini ada 1.2 ribu juta manusia, very big country. Dan apabila 1,200 juta rakyat Tuan Yang di-Pertua, cuba tengok kuasa pasaran di negeri

China dan dalam masa beberapa tahun ini negara-negara Asia termasuk Malaysia muncul sebagai The Asian Tigers. Dan apabila China mengamalkan dasar ekonomi bebas juga dan negara Asia termasuk Malaysia, Indonesia, Filipina sudah mula mampu mengeluarkan barang-barang keperluan dengan harga yang murah dan bermutu tinggi maka China takut negara-negara Asia - 'harimau' ini menguasai pasaran negara China dan 1.2 ribu juta dan Amerika di mana dia hendak mencari pasaran dia dan hubungan baik negara China dengan negara Asia yang lain cukup akrab. Maka sebab itu saya percaya bermulanya serangan mata wang ini, spekulator ini bagi melemahkan negara-negara 'harimau' Asia ini, lagi mampu kita menjadi pengeluar yang barangannya cukup bermutu tetapi dengan harga yang murah.

Kita sudah menjadi pengeluar televisyen terbesar di dunia. Di mana pasarannya?. Tentulah Amerika bimbang. Maka mereka bimbang mereka serang duit kita, duit kita jatuh dan kita hendak mengeluarkan barang-barang dengan murah tidak boleh lagi sebab sebahagian komponennya terpaksa kita import dalam dolar Amerika, itu yang terjadi. Di samping China sendiri juga sebagai sebuah negara walaupun komunis yang sudah mula kembali kepada perdagangan bebas juga mampu menjadi sebuah negara yang dapat bersaing dengan Amerika Syarikat dan kalau China menjadi kuat duit China, Yuan - banyak sangat nama duit di dunia, saya pun sudah lupa. China ini pun apabila dia kuat nanti tentulah Amerika Syarikat bimbang dengan pengaruh China. China boleh menjadi saingan pula kepada Amerika. Dulu USSR tetapi dia bimbang kini China. Maka kebangkitan China kerana kemunculan 'harimau' Asia maka money speculator ini menyerang negara kita, menyerang negara Indonesia dan seumpamanya.

Walau macamapun Tuan Yang di-Pertua, cara hendak mencari mekanisme penarafan ini walaupun belum lagi kita temui boleh dibuat diantaranya dengan mengenal pasti agensi-agensi swasta dalam negara kita yang berwibawa dan boleh bergabung dengan agensi-agensi di luar negara.

Baru-baru ini pun kerajaan telah melantik satu syarikat dari Amerika Syarikat menjadi penasihat kewangan, apa nama syarikatnya saya pun sudah lupa Solomon? Bukan Ketua Bahagian Shah Alam ya, Solomon. Syarikat Solomon, pun satu langkah yang bijak dan cukup baik sebab ianya berpusat di Amerika Syarikat. Walaupun kita bermasalah dengan pimpinan politik Amerika Syarikat ataupun agendanya SIA atau sebagainya, tidak semua rakyat Amerika bersikap begitu. Kita tidak pernah bermusuh dengan mana-mana rakyat di dunia ini, yang kita bermusuh, yang kita berdebat ialah polisi ataupun keangkuhan mereka, agenda mereka yang mementingkan mereka sahaja yang penting, orang lain tidak boleh hidup di dunia ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

11.21 pagi

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berucap panjang dan terus pergi ke matan-matannya, tetapi walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana terpaksa memanggil perhimpunan ini dengan sebegitu segera bagi menentukan akta ini berjalan dengan secepat mungkin untuk mengawasi kegiatan-kegiatan industri sekuriti di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita buat sekarang ini dan dalam perhimpunan dua hari ini kita akan berdepan dengan lima bill. Semata-mata adalah akibat daripada wujudnya kegawatan ekonomi bukan sahaja serantau tetapi kini telah pun menjangkau ke seluruh dunia. Kita dapati apa yang berlaku di rantau Asia misalnya, sekarang ini telah merebak ke Rusia, Latin Amerika sehinggakan tutup sebuah syarikat dana yang amat besar di Amerika melibatkan suntikan lebih bilion-bilion dollar. Menunjukkan bahawa kesan yang berlaku terhadap ekonomi dunia atas ideologi pasaran bebas dan globalisasi amat memerlukan satu kawalan yang ketat, yang dapat menentukan tidak ada mana pihak yang boleh mengacau-bilaukan satu-satu ekonomi terutama ekonomi yang membangun seperti di rantau ini dan apa yang kita buat pada dua hari ini ialah

menentukan bahawasanya kita menjalankan usaha 'house cleaning' dengan izin, untuk membetul, memperkemaskan kedudukan kita.

Cuba bayangkan kalau kita hendak mengutarakan dasar-dasar di negara kita ini terutama dari segi sekuriti, pada masa yang sama, perjalanan jual beli sekuriti ini dibuat di Singapura menerusi CLOB yang bercanggah dengan apa yang kita hendak buat di sini. Tentulah kita tidak dapat buat kerana ada kebocoran tindakan yang dibuat oleh negara jiran yang menentukan apa yang kita hendak buat di negara kita ini dapat dipesongkan dari segi jual beli dan spekulasi di Singapura. Saya ucapkan tahniah, sungguhpun kita berjiran, sungguhpun perkara ini berlaku beberapa tahun dahulu, tetapi sampai masanya kita hendak menentukan matlamat dan tujuan negara kita sendiri dapat kita capai tanpa ganggu gugat mana-mana pihak, sungguhpun kita berjiran dan begitu rapat.

Jadi untuk CLOB, SIMEX dan sebagainya, apa sahaja kegiatan-kegiatan di negara-negara lain yang boleh menjejaskan peraturan penjualan beli saham-saham di negara kita amat tepat sekali dan sepatutnya diambil awal-awal lagi. Tetapi semuanya ini akibat daripada apa yang berlaku di pasaran dunia, apa yang berlaku dan dilakukan oleh IMF. Di sini Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku dan dilakukan oleh IMF terutama kepada Indonesia, Korea dan juga Thailand dan sekarang ini mereka sudah menyesal, dia kata sekarang ini 'package' yang dibuat untuk Korea, Indonesia memang sudah salah. Perdana Menteri kita setahun dahulu di Hong Kong telah mengutarakan seperti apa yang kita buat sekarang ini, mesti wujudkan satu kawalan kepada spekulator-spekulator antarabangsa.

Sampai ke hari ini mereka belum buat, baik IMF mahupun Bank Dunia tidak lagi mampu untuk mengadakan satu 'architecture', dengan izin, 'international financial system' reka bentuk sistem kewangan dunia tidak ada lagi. Yang kita sahut 100 tahun dahulu di Hong Kong oleh Perdana Menteri kita, Soros mengatakan Perdana Menteri 'are manners to our own country' dan Soros sendiri mengakui perlunya wujud satu sistem ini dan Clinton baru-baru ini menyeru kepada 22 negara membangun dan maju untuk mencari jalan penyelesaian untuk mewujudkan peraturan sistem kewangan antarabangsa.

Tapi, saya ingin hendak menyuarakan di Dewan yang mulia ini, kalau sekiranya Soros, Michel Camdessus bersetuju dengan apa yang dikatakan iaitu dia sudah buat salah, Michel Camdessus sepatutnya sekarang meminta maaf kepada dunia. Kita

menyeru kepada kerajaan kita, saya tahu Menteri Luar Negeri kita telah pun berucap di Bangsa-Bangsa Bersatu menyeru supaya wujudkan satu pendekatan baru untuk menentukan sistem baru diwujudkan. Tetapi saya di sini Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menyeru kepada Michel Camdessus yang dahulunya berpeluk tubuh tengok Suharto menyerahkan seolah-olah kuasa kepada dia dan apa yang terjadi kepada Indonesia dengan kebuluran dan kegawatan ekonomi yang paling teruk dan lebih teruk lagi, Michel Camdessus sepatutnya sekarang ini meletakkan jawatan sebelum memohon maaf kepada Indonesia dan rakyat Indonesia, kepada sistem dunia, kepada Korea dan juga Indonesia, Thailand dan negara-negara lain.

Kerana mereka sudah silap dan pengakuan silap sahaja tidak tepat, terpaksa meminta maaf dan berhenti daripada apa yang telah mereka terajui selama ini. Kerana memberikan satu 'package' yang salah dan saya ingin juga menyeru kepada kerajaan kita menerusi Bangsa-Bangsa Bersatu, menerusi Bank Dunia dan IMF cari jalan penyelesaian, cepat-cepat sedikit. Kerana kita yang mulakan dahulu, kita terpaksa buat sekarang ini atas apa yang berlaku di dunia, kita memang setuju dan dasar liberalisasi, globalisasi, kita setuju tetapi bila digunakan kuasa yang trillion dollar ini untuk menghapuskan 'the imagine market' macam negara kita, ini seolah-olah merupakan satu peperangan ideologi, ideologi baru, capitalism baru, yang kita buat ialah pragmatism yang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir buat pada negara sekarang ini ramai orang hendak ikut, Hong Kong sendiri, Setiausaha Kewangannya telah pun menyuntik US\$10,000 bagi menentukan spekulator-spekulator tidak menyerang pasaran Hong Kong.

Di situlah bermulanya tapak, tercetusnya idea Dato' Seri Dr. Mahathir mengatakan perlunya wujud satu sistem kawalan kepada perdagangan mata wang dunia. Apa yang kita buat di sini ialah menentukan supaya kita sendiri, negara kita sendiri, pemimpin kita sendiri menentukan arah dan matlamat dasar-dasar kita, tidak ada campur tangan orang-orang luar. Pada masa yang sama saya ingin tahu daripada pihak kerajaan kalau sekiranya kita mewujudkan perkara semacam ini, apa akan berlaku kepada Pesisir Luar Labuan, di mana sebenarnya kita hendak menggalakkan pengantarabangsa sistem kewangan kita dan juga sistem jual beli saham kita. Adakah Labuan kini mengurangkan peranannya dari segi pendedahan kepada perdagangan antarabangsa saham, dana dan sebagainya ataupun adakah kita meneruskan kewujudan dana dan saham-saham yang dijual beli di Labuan sebagai satu Pesisir Luar. Kalau

kita berbuat demikian, kebocoran mungkin akan wujud lagi, kita kini menentukan perhatian kita kepada CLOB, kepada SIMEX tetapi penentuan kita terhadap peranan Labuan sebagai Offshore Financial Centre bagaimana pula?

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menjalankan usaha bagi menentukan saham-saham kita dapat dikawal bagi kita dapat mengetahui siapa yang mempunyai saham-saham ini, bagi kita hendak menentukan naik turunnya saham kita ini sepenuhnya dapat kita kuasai. Kita juga sepatutnya memikirkan apabila kita mengawal modal apakah cara-cara lain yang mungkin orang-orang tertentu akan mengambil kesempatan. Saya perhatikan kalau kita mempunyai kawalan mata wang misalnya, saya tidak tahu kalau syarikat-syarikat antarabangsa menjalankan usaha 'over invoicing' dengan izin ataupun 'under invoicing' antara eksport dengan import supaya menentukan kewangan mereka tidak mengalir ke negara kita atas jual beli barang-barang kita, tetapi terlekat di negara-negara tertentu sahaja. Jadi mungkin ada kebocoran, yang kita hendak tahu apakah caranya bagi pihak kerajaan hendak mengatasi masalah-masalah yang amat praktikal ini 'over invoicing' dan 'under invoicing' daripada syarikat-syarikat penjualan antarabangsa yang mempunyai eksport dan import masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang sepatutnya mendapat perhatian pihak kerajaan ialah dari segi penarikan modal. Kita tahu apabila mereka datang ke sini membawa modal dari segi perniagaan saham boleh dikatakan 90% daripadanya 5% sahaja yang boleh diletakkan di sini yang mungkin lebih dari seminggu, yang lain itu keluar dan masuk. Tetapi dengan wujudnya ketelusan yang kita bentuk di sini dan juga peraturan-peraturan yang dapat mengetatkan sistemnya, apakah cara kita hendak menggalakkan dana-dana yang sekarang ini bersama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Haji, LTAT, SOCSO, banyak lagi punca-punca dan adakah mereka ini dapat digerakkan bagi menentukan kegiatan-kegiatan perniagaan dan perdagangan saham di negara kita ini dapat diusahakan terus secara aktif, secara internal tanpa dibantu oleh mana-mana dana kewangan luar. Begitu juga dari segi untuk kita hendak menggerakkan dana ini, apakah wujud satu sistem pengawalan terutama sekali daripada Suruhanjaya Sekuriti. Saya lihat baru-baru ini, tiga syarikat tidak menepati dari segi corporate governancenya untuk menentukan supaya laporan

tahunan dapat dibuat mengikut jadual. Kentucky Fried Chicken, Idris Hidrolik, misalnya, dan satu lagi syarikat yang saya sudah lupa, tidak dapat menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur dan Securities Commission bagi menentukan laporan tahunan yang diaudit, diberitahu kepada pemegang-pemegang saham mengikut masa dan jadual.

Kalau kita tidak buat demikian dengan tegas kerana ianya tidak disebutkan di sini, kita lihat ada yang kena denda sampai RM1 juta, tetapi mereka yang hendak menentukan keyakinan pelabur-pelabur seperti kita di sini. Kalau tidak ada laporan tahunan yang diaudit mengikut jadual dihantar kepada kita, jadi kita tidak dapat mengawasi kedudukan syarikat-syarikat itu. Saya merasakan tindakan yang lebih tepat, lebih cepat dapat kita ambil bagi menentukan syarikat-syarikat yang tidak menepati dari segi terma-terma menjadi ahli BSKL dan juga menepati terma-terma yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti terpaksa diambil tindakan yang setimpal, yang tinggi juga dari segi penaltinya kerana ini akan menjejaskan keyakinan. Kita tidak mahu kalau orang luar tidak masuk campur dari segi pengurusan dana di sini, tidak masuk campur dari segi perdagangan saham di tempat kita, kita buat sambil lewa dari segi tidak mengetatkan dan meningkatkan penalti kepada syarikat-syarikat yang terpesong dari landasan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini juga sepatutnya disetimpalkan kerana bil-bil lain itu, saya lihat tidak dapat mencerminkan penalti yang lebih tinggi daripada apa yang telah kita tetapkan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu yang saya perhatikan wujudnya kebocoran dari segi rahsia-rahsia kerajaan yang paling mengecewakan saya apabila saya melihat dalam akhbar-akhbar tempoh hari, apabila kita hendak mencari dana kewangan luar negara keesokan harinya kita lihat penarafan kita diturunkan. Saya hendak tahu dari pihak kerajaan, adakah wujud pembocoran rahsia kerajaan terutama sekali dari segi tindakan-tindakan kita untuk mengambil tindakan yang cepat, yang strategik tetapi orang luar lebih tahu daripada kita. Cepat-cepat mereka telah pun menjaring dan

membuat sempadan-sempadan tertentu supaya menyusahkan kita menjalankan tindakan. Penarafan yang dibuat oleh Moody's, Standard and Poor dan badan-badan penarafan lain jelas menunjukkan bahawa mereka seolah-olah sudah tahu yang kita hendak pergi ke peringkat pasaran dana antarabangsa untuk mencari kewangan, cepat-cepat mereka menentukan penarafan yang rendah sehinggakan kita terpaksa membayar 15%, 16% dari segi 5 notch, lebih tinggi daripada pasaran-pasaran sehingga menjadikan negara kita seperti 'junk bon' pula, bon-bon yang murah dengan harga yang tinggi kalau kita hendak ambil. Perkara seperti ini saya hendak tahu bagaimana ketatnya kawalan kita terhadap kerahsiaan rancangan-rancangan, dasar-dasar dan juga strategi-strategi yang kita hendak ambil. Kalau ini yang kita buat dan terus mengawal tindakan-tindakan pengusaha-pengusaha dari segi dana kewangan dan juga mereka yang bertanggungjawab dari segi membeli dan menjual saham-saham.

Saya yakin dan percaya dasar yang termaktub dalam pemulihan ekonomi yang dibuat oleh MTEN itu akan dapat kita percepatkan dari segi pemulihannya. Kita berdoa semoga pihak kerajaan juga mempunyai satu political will, komitmen bagi menentukan bukan sahaja dari segi sistem yang hendak kita uruskan dengan baik, kita wujudkan terma-terma yang tertentu tetapi pengawal-pengawalnya, pegawai-pegawai yang terlibat dalam setiap lapisan peringkat untuk menentukan pengawalan perjalanan akta-akta ini. Adakah mereka ini mempunyai komitmen yang sama? Saya masih ingat di Dewan yang mulia ini kita laung-laungkan bagaimana wujud dana ini, dana itu, semuanya rhetoric kerana Bank Negara waktu itu tidak secocok dari segi pandangan dasar monetorynya. Syukur Alhamdulillah perkara ini sudah beres. Dalam perhimpunan kita dengan MTEN, dalam perhimpunan kita dengan ISIS, pernah saya katakan bagaimana kita hendak buat kalau Bank Negara yang mengawasi regim faedah yang tinggi, ini berlawanan dengan apa yang kita perlu untuk hendak meningkatkan kecairan, untuk meningkatkan dana, keperluan mereka yang hendak meningkat dari segi IKS dan sebagainya. Ini berlawanan. Beberapa bulan baru tindakan diambil, tiada pun tindakan, mereka sedar sendiri apa yang mereka buat ini tidak secocok dengan

apa yang kerajaan hendak buat. Regim faedah yang tinggi, menguncupkan lagi pembangunan ekonomi kita sehingga sampai ke -6.8%. Apa yang hendak kita buat falsafah Dato' Seri Dr. Mahathir untuk menentukan regim faedah yang rendah supaya kita dapat meningkatkan pertumbuhan adalah satu pendekatan yang diambil oleh negara-negara lain yang sekarang ini diterima pakai oleh Bank Dunia, IMF mengatakan perlu kita mewujudkan penekanan terhadap pembangunan negara menerusi regim faedah yang rendah supaya kita dapat menggalakkan kegiatan-kegiatan ekonomi mikro dan makro.

Jadi perkara ini lewat sedikit, saya perhatikan kita terlewat enam bulan kerana wujud tidak selari dari segi pendekatan untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara. Syukur Alhamdulillah perkara ini sudah selesai, wujudnya Menteri Kewangan, yang tidak asing lagi Perdana Menteri kita dan juga kita ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan II kita yang sering kali datang ke Dewan Negara bertemu dengan kita pun dapat menjalankan kegiatan-kegiatan dasar-dasar dari segi kewangan negara. Saya yakin dan percaya dengan adanya komitmen seperti ini, dengan adanya pendekatan seperti ini, dengan adanya apa action yang cepat diambil, saya yakin dan percaya kita dapat mengatasi kerana ekonomi begitu rumit, begitu sensitif kepada masa, jadi masa itu merupakan, dengan izin, 'the essence of all'.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Dickens 'the worst of time, the best of time' kita laluilah bersama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membahas atas Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kerajaan untuk membentangkan satu rang undang-undang yang begitu penting untuk memulihkan ekonomi negara kita. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tujuan rang undang-undang ini ialah untuk

memastikan ketelusan dalam pasaran sekuriti dan rang undang-undang ini juga akan membanteras usaha manipulasi melalui CLOB dan usaha short selling yang akan membawa kepada satu sekuriti market yang sihat dan stabil.

Usaha ini juga akan meninggikan keyakinan pelabur-pelabur dari dalam negeri mahupun dari luar negeri. Satu daripada beberapa pindaan dalam rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan nominees di mana butir-butir mengenai pemunya benefisial harus diberi kepada depositori pusat. Fasal ini akan mempertingkatkan tahap ketelusan dalam pasaran sekuriti. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai seksyen 24 di mana dicatatkan larangan pengeluaran. Seseorang pendeposit tidak boleh mengeluarkan sekuriti-sekuriti yang telah didepositkan dengan suatu depositori pusat kecuali mengikut cara yang ditentukan dalam kaedah-kaedah depositori pusat itu. Saya minta penjelasan sedikit mengenai cara-cara yang telah ditentukan oleh depositori pusat oleh kerana ini akan mengelirukan pemegang-pemegang sekuriti. Dalam undang-undang ini adalah butir-butir dendaan kesalahan yang berlaku apabila mereka melanggar beberapa fasal, contohnya dalam seksyen baru 25A(3) *“seseorang penama diberi kuasa yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan satu kesalahan dan, apabila disabitkan, oleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya“*. Saya hendak tahu bukannya denda ini agak tinggi ?

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai spekulasi. Saya difahamkan spekulasi oleh pembeli-pembeli saham dalam bursa saham adalah satu komponen integral di pasaran sekuriti. Dalam bursa saham ada dua jenis pembeli saham. Satu, pelabur-pelabur yang jangka masa panjang (long term investors) dan pelabur jangka masa pendek (short term investors). Dua-dua jenis pelabur ini memainkan peranan yang penting dalam bursa saham. Apakah kesan rang undang-undang ini atas spekulator, adakah kesan yang buruk kepada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bill ini akan mestabilkan bursa saham dan juga akan mempertingkatkan keyakinan di kalangan pelabur-pelabur. Seperti yang telah dicatatkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dahulu, strategi-strategi yang telah diambil oleh kerajaan mengenai penukaran mata wang telah memberi kesan positif kepada pemulihan ekonomi negara kita. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita menyatakan bahawa langkah menetapkan pertukaran Ringgit pada kadar RM3.80 sen berbanding dengan Dolar Amerika telah berjaya menghalang pengaliran wang keluar negara sehingga rizab negara meningkat sebanyak Dolar Amerika 90 juta bagi minggu pertama dalam bulan ini. Ini adalah satu langkah yang telah diambil oleh kerajaan yang telah memberi kesan yang positif kepada negara kita.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan kita juga untuk pemulihan ekonomi khususnya exchange control dan capital control telah mencetuskan satu perbincangan dan dialog di peringkat antarabangsa atas pasaran mata wang. Beberapa pakar ekonomi terkemuka seperti Prof. Paul Krugman dari MIT dan Jeffrey Sacks dari University Harvard setuju dengan langkah yang telah diambil oleh Malaysia. Beberapa ahli politik juga seperti Presiden Peranchis menyuarakan bahawa sistem penukaran mata wang di peringkat antarabangsa disemak semula dan menentukan satu sistem yang adil di mana spekulator mata wang tidak menyerang mata wang negara membangun dan tidak memiskinkan negara-negara itu seperti yang telah berlaku di rantau ini. Saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini dan empat lagi rang undang-undang yang akan dibentangkan akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara kita melalui penstabilan bursa saham di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat). Sekian, terima kasih.

11.45 pagi

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II kerana memberi penyampaian yang begitu jelas dan terang, senang untuk kita mengikuti rasionalnya, lebih-lebih lagi bila diingatkan latar belakang mengenai KLSE dan juga CLOB dan juga MCD. Saya rasa ini pendekatan yang amat baik dan jelas supaya dapat kita mengetahui latar belakang yang sebenar.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengambil langkah drastik seperti ini dan terus memanggil mesyuarat kedua-dua Dewan untuk meluluskan kerana seperti yang kita tahu dalam keadaan kita menangani masalah yang seperti ini, masa adalah terlalu amat mustahak. Kita tidak boleh berlengah, kalau terpaksa kita mengambil tindakan, tindakan itu mesti kita ambil dengan cepat selaras dengan tindakan-tindakan lain yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang kita sokong sebulat-bulatnya untuk mengembalikan keyakinan rakyat, keyakinan peniaga tempatan dan juga keyakinan peniaga luar negara. Saya rasa inilah masanya keseluruhan rakyat, pemimpin politik, pemimpin masyarakat, penuntut, ibu bapa, ahli niaga dan seluruhnya, sepatutnya berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan dan kerajaan dan mengetahui sebenarnya latar belakang dan rasional sepertimana kita mengetahui latar belakang dan rasional di bawah rang undang-undang yang begitu amat mustahak. Langkah tegas ini, saya rasa sekali gus, kalau sekiranya dipanjang-panjangkan di mana-mana perjumpaan dengan rakyat akhirnya, insya Allah, rakyat sendiri akan dapat menerima dan mengetahuinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini kerana saya tertarik benar dengan undang-undang dan peningkatan keupayaan penguatkuasaan

yang diberi kepada KLSE dan juga Securities Commission. Saya rasa dalam masa-masa yang lepas, syarikat-syarikat swasta ini seolah-olah memanjangkan kebolehan (creativity) mereka itu dan memilih cara untuk mengelak daripada kawalan oleh badan-badan ini, KLSE dan juga Securities Commission. Jadi, kalau dengan atas dasar mencari creativity dalam menjalankan pengurusan perdagangan, kita pula di pihak kerajaan mengambil undang-undang begini, pada saya inilah langkah tepat menunjukkan bahawa sebijak mana ahli swasta yang ingin mencuba membuat sesuatu untuk mengelak diri dan untuk melemahkan lagi keadaan termasuk spekulator-spekulator tempatan dan juga luar negara, saya rasa ini satu tindakan yang amat baik dan menepati sekali. Ia sekali gus memberi disiplin kepada peniaga dan spekulator dan sekali gus kita patut melihat sebagai satu langkah pihak kerajaan untuk mempertahankan darjat dan martabat bangsa di Malaysia ini.

Saya rasa perkara ini patut diberi kefahaman yang lebih lanjut, saya tidak bercadang untuk mengupas satu persatu tetapi saya menyeru kepada keseluruhan pemimpin masyarakat supaya melihat ini juga sebagai langkah selain daripada langkah terangnya untuk mengawal masalah ekonomi, untuk memberi penyelesaian kepada masalah ekonomi. Kita juga patut melihat langkah tersiratnya untuk keyakinan rakyat dan memperjuangkan martabat dan darjat bangsa itu sendiri. Saya rasa keseluruhan rakyat dengan kejayaan Sukom baru-baru ini patut dilanjutkan dan dikaitkan dengan perkara-perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma dalam masa kita menangani masalah kewangan yang saya sebut ini, saya ingin menghadapkan soalan kepada pihak kerajaan tentang kedudukan bank-bank dan pendekatan yang mereka ambil.

Kita mendengar banyak seruan daripada pihak kerajaan supaya pihak bank-bank mengeluarkan pinjaman dengan lebih mudah. Keseluruhan senario dan latar belakang ialah memberi satu kemudahan dari segi berbagai dasar, saya tak payah ulang kerana banyak ahli yang telah menyebut. Soal yang saya nak fokuskan ialah mengapa kita nampak pihak bank-bank ini masih lambat dan sejuk dari segi respond. Kita dengar

banyak syarikat yang mempunyai perumahan yang tergendala, lebih-lebih lagi perumahan kos rendah dan juga kos menengah. Kenapa tidak, bank-bank inilah sepintas lalu patut mengambil peluang untuk lebih agresif mempromosikan segala kemudahan yang ada supaya masyarakat boleh berasa yakin bahawa inilah hasil daripada tindakan tegas oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan sudah buat, swasta menunggu, swasta ada rumah, pihak pembeli menunggu, kalau sekiranya tindakan aktif daripada pihak bank, dengan lebih agresif, dengan lebih proaktif, mengambil tindakan-tindakan susulan, pada saya inilah caranya kita meyakinkan rakyat bahawa ya, sekarang keadaan telah pulih. Rakyat perlu diberi contoh teladan dan perasaan yang benda itu real, benda itu berlaku, bukan setakat penerangan dan saya rasa pihak yang terbaik memulakan ini ialah pihak bank bersama-sama dengan syarikat-syarikat yang memberi kemudahan rumah. Oleh itu saya ingin mendapat penerangan yang agak lebih jelas daripada pihak kementerian mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan rang undang-undang ini bila Yang Berhormat Menteri Kewangan II menyatakan tentang objektif mempertingkatkan tahap ketelusan. Saya rasa tajuk ketelusan ini sendiri, dengan izin, hitting the bull's eyes, tajuk ketelusan mempunyai erti yang begitu amat besar dan memberi erti yang begitu amat sensitif kerana kadangkala mengenai ketelusan inilah juga pihak Barat menikam kita.

Sekarang kita berhadapan dengan mereka mengatakan bahawa kita pihak kerajaan mengambil tindakan yang clearcut mengenai ketelusan. Nah, kita beri kepada Barat supaya mereka faham tentang tindakan kita mengenai perkara ini. Dan ketelusan ini lebih saya tertarik bila CLOB sudah kita haramkan. Kalau CLOB sudah haram ertinya kawalan kita di peringkat kerajaan, di peringkat KLSE telah meningkat. Kita mengetahui bagaimana mereka memutarbelitkan CLOB dahulu untuk melemahkan kita sendiri. Kita terpaksa mengambil masa untuk mengkaji kelemahan-kelemahan ini.

Saya bersyukur kepada tuhan kerana kita menerima ini sebagai satu pendekatan yang baik, dalam masa yang baik kita tidak begitu kisah sangat, ini diterangkan sendiri oleh pihak kementerian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Sebab kita melihat keseluruhannya membangun baik, indeks KL naik sehingga 1300, 1400, tetapi bila sudah menjunam turun sampai 300 malah paras bawah daripada 300. Ini menjadi satu cabaran kepada kita dan Alhamdulillah, saya menadah tangan bersyukur kepada tuhan kerana pihak kerajaan menerima cabaran ini sebagai sesuatu yang positif dan kita menjawabnya balik dengan memberi ya, sekarang kita ingin memberi ketelusan, kita ingin menjawab no more CLOB. Dan ketelusan ini saya harap pihak Barat dapat mengambil iktibar, jangan buat macam tak peduli sahaja.

Meminjam petikan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang baru ini berkata kepada negara jiran, 'listen, listen, listen', saya rasa kita patut memberi nasihat kepada pihak Barat tentang bab ketelusan ini bahawa mereka patut dengar dan fikir, listen and think and therefore we hope, dengan izin, mereka akan dapat menukar dan melihat pendirian.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan walaupun secara positifnya, kita kata patut lihat dan dengar dan fikir tetapi mungkin oleh kerana kebijaksanaan kita untuk menguasai pasaran saham kita ini sendiri, boleh menaikkan kemarahan mereka lagi. Ini saya harap pihak kerajaan boleh mengambil iktibar kerana sudah pasti mereka akan mencari jalan lain untuk melemahkan kita, walaupun kita telah mengambil tindakan yang amat baik dan berkesan. Saya percaya dan penuh yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I dan Menteri Kewangan II ini, kita akan lebih sedar, lebih conscious tentang usaha-usaha tidak baik ini dan usaha CLOB ini boleh kita jadikan model untuk menjadi perancangan kita masa depan bahawa tidak semua yang kita ada ini, itu baik supaya dapat kita berubah dan membuat penukaran di mana perlu.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya membahaskan bab ketelusan yang begitu amat sensitif tetapi kritikal dalam usaha untuk menaruh keyakinan dunia, saya ingin

mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana semalam dalam sidang video (video conference) yang dinamakan virtual commonwealth. Alhamdulillah, saya berkesempatan mengikutinya secara live, jadi saya tahu suasananya dan saya tahu bagaimana peranan dan prestasi (performance) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang untuk makluman umum yang kita tahu dipancarkan selaras serentak dengan negara Amerika dan juga Eropah. Ada lima orang panel yang ada di Mines Resorts semalam.

Kepintaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah cukup meyakinkan dan mesej yang kita nak berikan pada Barat bahawa we know what we are doing, dengan izin, lebih-lebih lagi bila beliau menekankan tentang perimustahaknya tolerance, nilai tolerance ...

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tolak ansur.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Ya, tolak ansur. Terima kasih, Dato' selalu tolong saya. Terima kasih, saya bercakap tengok Dato' ada di hadapan. Nilai tolak ansur yang ada di dalam Malaysia ini jangan kita perkecilkan, jangan kita take for granted. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menerangkan dengan begitu pintar perkara biasa, kita tahu tetapi yang saya ingin share di sini ialah umpamanya cerita dia tentang kita boleh tolerate makan di antara Melayu, China, India. Orang Melayu Muslim tidak boleh, haram, kita tidak makan babi. China tak boleh, dan sebagainya. Saya tak mahu ulang. Kita tahulah, tak payah saya panjangkan, tetapi kita boleh duduk satu meja memberi hormat bahawa kalau itu tak boleh kita tolerate, kita mempunyai nilai yang kita hormat yang dia tak boleh, kita buat yang kita boleh sendiri-sendiri, itu maksud saya tetapi penyampaian yang disampaikan itu memberi mesej yang begitu amat tepat yang pada saya Barat patut melihat ini dan kadang-kadang terlintas di fikiran saya bahawa sebenarnya Barat dalam hati kecilnya melihat kekuatan ini, tetapi kekuatan inilah juga yang mendorong kemarahan mereka. Kemarahan bahawa mengapa Malaysia dengan 20 juta rakyat

jelata, dengan kepimpinan orang Melayu di Malaysia ini boleh pintar melihat mendapat formula, the success formula, dengan izin. Kalau itulah yang mereka marah biarlah mereka marah, kerana inilah yang diberi kekuatan oleh Allah SWT dan marilah kita sama-sama bersyukur dan menentukan bahawa perkara ini berterusan sehingga kita dapat membela nasib bangsa, agama dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut tentang video conference semalam ialah mengenai tajuk 'governance', saya pun tak tahu apa makna dalam bahasa Melayunya 'governance' ini, tetapi yang diberi fokus ialah tentang governance yang ada kait mengait dengan ICT ataupun Information and Communication Technology. Perbahasan berkisar melalui bagaimana hendak melihat kebenaran, dan saya rasa perbahasan begini boleh membuka minda kita dan saya mengajak pemimpin-pemimpin seluruh masyarakat supaya mula berfikir dengan begitu tenang, mula berfikir begitu rasional atas sesuatu yang berlaku, tidak hanya 'jumping into the conclusion', dengan izin.

Kalau sekiranya pemimpin-pemimpin masyarakat dapat menerima sesuatu dengan tenang, dapat melihat maklumat-maklumat dengan jelas dan kalau tak jelas, cari sampai jelas, kalau tak cukup dapatkan maklumat sehingga cukup, mengumpulkan maklumat-maklumat yang relevant, dan kemudian berfikirilah dengan tenang, memproseskan maklumat-maklumat itu dan kemudian barulah kita membuat sesuatu kesimpulan. Insya-Allah, kalau kaedah profesional ini kita ambil, saya rasa kumpulan-kumpulan masyarakat kita akan lebih terkawal dan lebih aman, lebih dapat mencapai segala cita-cita yang diidam-idamkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang hendak saya tekankan ialah tentang mencegah salah guna nominee. Saya rasa tidak ada orang lain yang lebih hebat, lebih suka, lebih gembira, lebih bersyukur tentang tajuk guna nominee ini. Sebab saya tahu banyak perkara ini yang berlaku dan angka-angka sungguh menakjubkan, saya tak tahu sampai sebanyak ini, tetapi yang saya hendak tekankan ialah inilah satu langkah drastik yang pernah di antara kita, di antara rakan-rakan korporat yang saya kenal

pernah menggeleng-gelengkan kepala dahulu, macam mana ini berlaku begitu ghairah bab nominee ini, sampai sudah tak terkawal. Seolah-olah dijadikan sebagai norm, dengan izin, satu perkara biasa, dan nominee ini pun, saya tertarik dengan keadaan dalam syarikat korporat ini.

Apa yang dilihat oleh kerajaan amat tepat, cuma saya ingin lanjutkan bahawa kadang-kadang nominee ini pun disalahgunakan, bukan setakat disalahgunakan untuk dari segi perjalanan syarikat kewangan, kontrol dan sebagainya tetapi ia juga disalahgunakan dari segi menggunakan seseorang hanya untuk mendapat hasil. Jadi nominee ini kita boleh ada yang dipanggil nominee yang diberi kuasa, pada saya nominee yang diberi kuasa ini nominee yang authorise, yang betul. Tetapi ada nominee yang boleh saya panggil nominee tipu helah, nominee tipu helah ini kalau kita kaji dengan mendalam boleh melemahkan dasar kerajaan yang saya sebutkan ini atas tajuk, umpamanya di atas pegangan ekuiti bumiputera, ini perkara sensitif. Tetapi lebih baik saya dedahkan daripada saya tidak dedahkan bila kita bincangkan hal nominee.

Bab nominee hendak kita perhaluskan lagi supaya pihak kerajaan lebih meneliti dari segi nominee salah guna atau nominee bertopeng tipu helah, apa terminologynya saya tak tahulah, tetapi maksud saya ialah tak benar, kadang-kadang syarikat swasta beri nama Ahmad bin Abdullah, minta maaf saya Ahmad bin Abdullah tidak ada, Awang bin Mohamad - nama yang saya ambil adalah hanya rekaan samata-mata, tidak ada kena mengena dengan yang hidup ataupun yang mati. Jadi Bulat bin Buyung, kalau dinamakan Bulat bin Buyung tauke di belakang, ini bab tauke pakai Bulat dan Buyung yang saya maksudkan ini. Saya tahu bab ini, saya tak mahu bincang dengan panjang lebar, saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri memahami akan kes ini, dan saya rasa inilah masanya untuk kita perhalusi bab tajuk nominee ini.

Mungkin apa yang terlintas di fikiran saya sekarang, bagaimana kita hendak verify, cara-cara kita hendak verify nominee ini, jenis nominee A, nominee B,

nominee C. Kita sudah kata nominee berdaftar tetapi yang daftar inipun, takut macam yang saya sebutkan tadi, dengan kreativiti yang ada pada ahli korporat masih lagi boleh dia cari jalan, jadi ini satu cabaran kepada pihak kerajaan supaya kalau kita mengetahui sebenarnya apa yang berlaku dalam dunia korporat. Jadi kita boleh mengetahui, melintasi apa sahaja langkah-langkahnya, jadi inilah yang saya cuba hendak syer dengan apa yang saya tahu sedikit dan saya rasa amat bermakna dan amat menepati.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa soalan, saya memohon Yang Berhormat Menteri untuk memberi sedikit penerangan atau penjelasan mengenai perkara-perkara ini. Pertamanya Fasal 27, Peruntukan Peralihan Mengenai Deposit Sekuriti yang hendak beri masa sebulan ini, saya tak tahu berapa jumlah yang ada, jumlah yang disebut 130,000 tadi ialah jumlah nominee. Tetapi jumlah pemegang saham syarikat yang hendak masukkan dalam CDS ini berapa banyak, sebab kita tahu balancenya hampir 25%. Bila 25% diberi masa sebulan, saya tak tahu berapa jumlahnya dari segi absolute numbers sama ada masa yang diberi sebulan ini mencukupi itu sahaja, yang saya agak keraguan, sebab kita hendak menentukan a fair period is given, dengan izin, kepada pemegang-pemegang saham.

Keduanya, mengenai CLOB. Saya sebut sepintas lalu tadi kalau ada terdapat kelemahan. Maksud saya di sini kita haramkan CLOB dan kita mempunyai perundangan. Saya ingin bertanya apakah kita dapat identify sekarang the potential blind spot, ya blind spot yang kita mungkin sudah tahu ada lagi blind spot, dan apa lagi perancangan kita untuk menangani perkara ini, sebab kita ingin oleh kerana langkah ini amat baik, kita ingin ianya berhasil dan menepati hasrat dan niat sebenarnya. Sekurang-kurangnya sekali gus ia boleh menjadikan permulaan kita untuk mencari jalan penyelesaian pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, salah guna nominee sudah saya sebut dan bab bumiputera dan bukan bumiputera sudah saya sebut, saya ingat itu sahajalah yang saya

hendak sebut. Saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang berhormat Puan Jamilah.

12.06 tgh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk turut bangun membahaskan satu undang-undang pindaan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan II.. Sebenarnya pasaran saham yang lalu menjadi rancak dengan kemasukan pelabur-pelabur asing semasa ekonomi negara kita baik dan teguh. Apabila kita menghadapi kelembapan ekonomi, pasaran saham telah menurun dengan begitu teruk sekali sehingga sebahagian besar daripada mereka terlibat di dalam bidang ini terjejas, kita juga dapat melihat mereka membuat pinjaman bank dengan jaminan saham, ini menghadapi masalah yang sangat besar dalam menyediakan jaminan yang mencukupi bagi mengimbangi kejatuhan harga saham.

Sebagaimana kita ketahui bahawa pelabur-pelabur asing memasuki pasaran saham secara spekulasi dengan mengharapkan keuntungan yang besar dan mereka akan meninggalkan pasaran apabila mereka menjangka akan adanya kegawatan ekonomi. Oleh itu tindakan kerajaan yang diambil sekarang adalah satu tindakan yang munasabah dan tepat sungguhpun sekatan-sekatan seumpama ini sepatutnya diwujudkan dari awal lagi, Tuan Yang di-Pertua. Dasar liberal yang diamalkan pada masa yang lalu pada pandangan saya adalah satu cara membuka pintu yang luas kepada usaha spekulasi yang merugikan dan ianya bertentangan dengan amalan dan

kewibawaan Islam kerana seperti perjudian ataupun kasino. Dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan sekarang merupakan satu cara bagi menyelamatkan pasaran saham dalam melaksanakan usaha pemulihan ekonomi negara akan kembali stabil. Oleh itu saya berharap pada pihak kerajaan dengan langkah-langkah dan usaha yang dilakukan sekarang jangan sekali-kali dilonggarkan apabila ekonomi negara pulih semula.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya kerajaan mengkaji dengan lebih terperinci dan tidak tergesa-gesa dalam menyelesaikan masalah pasaran saham. Di samping itu, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan suatu jawatankuasa yang melibatkan anggotanya terdiri dari ahli-ahli profesional, pakar-pakar di dalam bidang ekonomi serta kewangan Islam bagi mengkaji kedudukan pasaran saham yang diizinkan oleh Islam, dengan cara ini pasaran saham dan ekonomi negara kita akan lebih bersih dari tindak-tanduk spekulator.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong pindaan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan II. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey
12.10 tgh.

Datuk Yee Lung Fook Geoffrey: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kegawatan ekonomi yang telah berlanjutan lebih setahun perlu ditangani dengan segera, berhati-hati, tegas dan berterusan. Langkah-langkah drastik tetapi praktikal yang diperkenalkan oleh kerajaan melalui Pelan Pemulihan Ekonomi Negara sudah

mula memperlihatkan hasil petanda yang baik telah dapat kita saksikan dalam pasaran saham malahan langkah yang diambil oleh Malaysia mendapat perhatian negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang berlaku di negara ini juga membolehkan kita melihat dengan lebih jelas tentang kelemahan yang terdapat dalam perindustrian sekuriti. Oleh yang demikian langkah yang segera harus diambil untuk mengatasi dan memperbaiki kelemahan ini, saya percaya pindaan ini perlu disegerakan untuk kepentingan negara kita. Dengan pindaan ini kita akan dapat mengembalikan keyakinan pelabur terhadap pasaran saham tempatan dan sekaligus membantu memperkukuhkan pasaran. Di samping itu kita juga dapat memberikan lebih ketelusan sekuriti serta menyelaraskan urusan niaga saham di bursa saham yang tidak ikut taraf.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan politik semasa sedikit sebanyak telah mengalihkan pandangan kita kepada masalah ekonomi negara kita dan merapatkan usaha kita dalam menangani masalah kegawatan ekonomi. Saya rasa sudahlah cukup yang telah diperkatakan dan perbahaskan. Kita janganlah sampai terbawa-bawa dengan masalah ini sehingga kita lupa dan lalai akan tugas dan tanggungjawab kita yang lebih besar. Pemulihan ekonomi adalah agenda yang jauh lebih penting kepada negara dan rakyat Malaysia khususnya. Saya berharap kita semua akan kembali ke pangkal jalan dan utamakan tanggungjawab yang lebih penting dan yang terutama iaitu memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap pemulihan ekonomi. Kita tidak haruslah diganggu-gugat atau terpengaruh dengan pelbagai dakwaan dan tohmahan palsu dan kita janganlah lari daripada tanggungjawab kita yang lebih penting untuk melayan perkara yang bersifat individu, persendirian serta membawa keburukan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kepada media asing yang berat sebelah serta sengaja menggembar-gemburkan sedikit sebanyak memberikan gambaran yang negatif kepada rakyat tempatan dan juga pelabur asing. Akan tetapi rakyat tidak seharusnya meragui keikhlasan dan keupayaan pihak kerajaan. Kerajaan kita menganjur Sukan

Komanwel Kuala Lumpur '98 dengan jelas membuktikan sebagai kritikal pihak media asing terhadap kebolehan kita adalah tidak berasing dan tidak benar kerana dikritik selama kira-kira 4 tahun tetapi akhirnya kita telah membuktikan kepada dunia bahawa kita boleh, Malaysia Boleh dan kita telah berjaya menganjurkan satu sukan yang kedua terbesar di dunia. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan ini.

Dengan demikian kita harus menaruh harapan tinggi kepada kepimpinan negara dan memberikan sokongan yang lebih padu dan lebih kuat kepada kerajaan. Semangat Malaysia Boleh, yang ditunjukkan oleh semua yang terlibat dalam Sukan Komanwel baru-baru ini harus dijadikan contoh dan teladan kita dalam menghadapi ancaman dan cabaran semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini memang tepat pada masanya untuk mengembalikan kepercayaan, keyakinan pada para pelabur. Saya dengan ini menyokong pindaan rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin.

12.15 tgh.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam perbahasan ini secara ringkas sahaja iaitu saya memahami dan turut menyokong tujuan pindaan rang undang-undang ini untuk memantapkan perindustrian sekuriti kita supaya lebih terkawal, lebih berwibawa dan lebih dipercayai dan dapat menjalankan tugas kepada pemain-pemain saham dengan lebih adil dan tidak dipengaruhi atau disalahgunakan oleh pihak nominee.

Dalam pada itu kita harus mengakui hakikat bahawa pasaran ini akan sukar dikawal walaupun dalam negeri lebih mudah dikawal sekarang oleh kerana adanya kawalan terhadap ringgit yang dianggap sebagai satu langkah yang paling radikal tetapi bagaimanakah kita akan dapat mengawal pengaruh-pengaruh yang dijalankan oleh

media asing yang mempunyai pengaruh yang sangat luas selain daripada akhbar seperti *Wall Street Journal*, *Herald Tribune*, juga media elektronik seperti CNN, NBC dan sebagainya. Mereka akan terus mempengaruhi, mereka mengawal dunia terutamanya apabila sekarang ini bahawa kuasa besar yang menentang komunis sekarang telah menjadi komunis dunia iaitu menggunakan pengaruh media mereka, menggunakan capitalism sebagai communism untuk menjalankan kuasa authoritarian ke atas seluruh dunia. Hal ini bukanlah mudah, tekanan-tekanan yang akan kita hadapi akan semakin besar daripada sanction dan sebagainya menjatuhkan, merendahkan rating syarikat kita dan juga ugutan-ugutan menerusi World Bank dan sebagainya. Hal ini akan kita terima dan kalau kita mahu optimistik barangkali kita rasa kita boleh berjaya kerana banyak negara juga yang telah menghadapi sanction di South Africa dan lain-lain lagi tetapi mereka survive dan akhirnya mereka berjaya.

Tetapi soal yang saya rasa paling takuti bahawa apa yang berlaku di dunia lain, Bil ini memanglah bertujuan untuk mengawal tentang industri sekuriti di Malaysia, tetapi saya tidak tahu sama ada kita memikirkan bagaimana kawalan terhadap wartawan itu sendiri yang boleh diperalatkan oleh korporat-korporat untuk menyokong pihak mereka, untuk menjadi alat kepada tauke-tauke besar, golongan yang mempunyai korporat yang besar dalam syarikat di negara kita ini, mungkin kita boleh mengawal dengan mengharamkan CLOB dan kita juga boleh mengharamkan apa yang hendak dicetuskan oleh Singapura iaitu SIMEX, mungkin kita boleh, tetapi dalam jangka panjangnya apakah kita boleh mengawal wartawan-wartawan daripada digunakan untuk menjadi alat kepada golongan korporat kita.

Apakah langkah yang boleh kita ambil, sebab, saya suka mencatatkan apa yang telah dikatakan oleh Anthony Sampson, penulis British yang terkemuka

dalam bukunya *The Essential Anatomy of Britain Democracy in Crisis*. Beliau telah membuat konklusi bahawa sejak sepuluh tahun lalu, pemilik-pemilik akhbar telah menghubungkan media dengan kepentingan dunia kewartawanan.

Hal ini tidak dapat dinafikan juga berlaku di sini tetapi untuk kepentingan negara, kita harus dapat memejamkan mata tetapi kita tidak dapat untuk kepentingan kebangkitan suatu masyarakat Melayu yang maju, industri menjadikan masyarakat perusahaan untuk persaingan kita mungkin dapat memaafkan dalam beberapa hal.

Tetapi kalau berlaku penyalahgunaan kuasa, umpamanya beliau terus menyatakan pemilik-pemilik baru itu di Britain seperti Muddock, Maxwell, Black and Rolland melihat akhbar-akhbar British sebagai sokongan kepada Empire mereka di dunia. Dan hal ini berlaku, Dow Jones menggunakan *Wall Street Journal* dan American capitalist lainnya menggunakan *Far Eastern Economic Review*, *Times*, *Newsweek* dan sebagainya dan kita dalam keadaan yang bertahan, apa yang boleh kita lakukan, kita tahu pembohongan dilakukan. Kadang-kadang kita membaca umpamanya yang jelas kita baca bahawa pada hari terakhir rusuhan di Kuala Lumpur hanya 1,000 orang tetapi di dalam *Wall Street Journal* mengatakan lebih beribu-ribu orang, apa yang boleh kita lakukan dan mengatakan seorang yang ditangkap bercakap dari black maria menerusi telefon. Perkara-perkara yang diadakan sedangkan mereka mengajar kita tentang objektif journalism tetapi mereka melakukan pembohongan dan hanya terserah kepada kita untuk membuktikan sejauh mana kebenaran kita untuk menolak pembohongan mereka dan membuktikan kepada dunia bahawa media Barat adalah pembohong (the greatest liar), bagaimana?

Sekarang hanya bergantung kepada kekuatan kita, sejauh mana kekuatan kita, dalam pada itu kita harus juga menyediakan diri kita supaya wartawan-wartawan kita juga tidak menjadi alat kepada golongan korporat yang akan menaikkan dan menjatuhkan saham sesuatu syarikat.

Apakah perkara ini difikirkan dalam menyediakan undang-undang yang bertujuan untuk memperkukuhkan industri sekuriti kita. Saya baca seterusnya.

Seterusnya Sampson menulis, 'hubungan antara akhbar dan syarikat perniagaan besar mempunyai kesan jangka panjang, ini kerana para wartawan disekat daripada melapor atau mengkritik secara keterlaluan di zaman ekonomi melambung oleh tekanan daripada pemilik syarikat, para pengiklan dan golongan perhubungan awam yang membentuk agenda halaman perniagaan mereka. Tekanan tidak hanya didatangkan oleh kerajaan, itu salah pengertian, tetapi kuasa menekan media berada di tangan advertisers, golongan iklan yang membeli satu muka iklan RM14,000 sehari, golongan ini berkuasa. Umpamanya sebuah syarikat yang tidak menjalankan perkhidmatan bas dengan sewajarnya di negara ini, apabila kita mengeluarkan berita mengenai mereka, mereka boleh menarik balik iklan. Itu lebih ditakuti sebab iklan itu adalah nyawa kepada surat khabar, bukan kerajaan.

Siapa yang berkuasa ke atas akhbar? Para pengiklan mengugut akhbar kadang-kadang dan media massa kita sendiri termasuk RTM sendiri tunduk kepada agenda Amerika mengeluarkan iklan Marlboro, mengeluarkan iklan-iklan yang menunjukkan keindahan-keindahan luar negara kerana apa - wang. Kita mengorbankan keperibadian kita, kita mengorbankan identiti kita kerana wang.

Kita mudah, kita tidak hanya kerajaan yang menekan surat khabar, selalunya kerajaan tetapi advertisers, ahli perniagaan dan sebagainya. Bagaimana kita hendak menyekat campur tangan mereka, urusan mereka menggunakan penganalisa, menggunakan para wartawan untuk kepentingan mereka.

Hal ini tidak dijelaskan dalam perkara ini, kita hanya dilihatkan tentang nominee, tentang lain-lain pada hal inilah yang paling besar mempengaruhi, membohongi kita, sesiapa yang membaca analisa saham sampai kepada peringkat di mana kita rasa bohong, New York jatuh, kita jatuh, New York naik, kita tidak naik, Jepun naik, kita tidak naik, kadang-kadang naik, siapa yang main ini, dari Singapura, hanya speculators, bagaimana kita hendak mengawal ini, bagaimana kita hendak mewujudkan suatu kredibiliti media, walaupun kita melantik orang-orang yang mempunyai MBA dan sebagainya untuk menjadi penganalisa saham, tidak semestinya

qualification itu akan menjamin bahawa seseorang itu akan jujur - tidak! Wang akan dipergunakan untuk membeli kejujuran, banyak orang yang korbankan kejujuran demi untuk kepentingan wang, nafsu dan sebagainya.

Jadi, hal ini saya rasa harus diberikan perhatian bagaimana media dapat dicegah daripada digunakan oleh pihak korporat, pihak syarikat-syarikat saham yang berdaftar, memeralatkan media untuk kepentingan mereka. Para pemilik syarikat tentunya tidak suka, kata Sampson lagi, 'para pemilik syarikat tentunya tidak suka fungsi wartawan yang bersifat kritikal dan sila ,emuasat teta[o aljbar-akhbar adalah penting bagi perniagaan dan pengambilalihan serta penggabungan yang menyediakan asas kekuatan bagi golongan perhubungan awam untuk melonjak saham-saham melalui persahabatan mereka dengan para wartawan.'

Apakah ini dapat dinafikan, apakah ini tidak berlaku di sini? Kenapa kita tidak memberi perhatian terhadap suatu golongan yang mempunyai pengaruh yang besar yang boleh mempengaruhi sentimen masyarakat untuk menjatuh dan menaikkan saham. Saya ingat hal ini mesti ada suatu langkah supaya wartawan kita tidak menjadi wartawan-wartawan upahan syarikat seperti yang telah berlaku di Barat, seperti yang telah digunakan oleh Amerika, seperti mana kita benci melihat Amerika daripada NBC, CNN dan sebagainya membaca dan membuat soalan-soalan yang boleh memburukkan kita, yang boleh menjatuhkan kepercayaan kepada negara kita, kita tidak suka. Mereka adalah international liars, upahan, apakah kita mahu wartawan-wartawan kita jatuh kepada martabat yang demikian, apakah kita mahu wartawan-wartawan kita menggadaikan maruah kewartawanan mereka demi untuk kepentingan korporat dan sebagainya.

Saya minta hal ini diberikan perhatian dan hal ini saya suka juga mengambil catatan balik apa yang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir katakan dalam Majlis Makan Malam NUJ pada tahun 1990. Katanya: "Bukan sahaja kerajaan yang boleh menjejaskan kebebasan akhbar, pemilik, pengarah, pengarang, kepentingan kewangan, dorongan populariti, semua ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar."

Jadi, saya tidak mahu menyentuh soal-soal lain, saya rasa bahawa langkah yang telah diambil untuk menyekat manipulasi yang boleh dilakukan di Singapura adalah satu langkah yang amat bijak, ini suatu kepahitan yang kita telah rasakan berpanjangan tetapi sampai masanya telah berlaku dan kita juga melihat beberapa langkah yang unislamic yang dilakukan oleh orang kita, mungkin orang Melayu termasuk selain bukan orang Melayu yang dapat kita rasakan sekarang betapa tentang soal riba dan sebagainya, bahawa riba yang melampau, keuntungan dividen yang melampau telah menarik orang ramai untuk lari ke Singapura dan mungkin ini dapat kita lihat dari segi keislamannya betapa tentangan kita terhadap riba dapat menyelamatkan negara daripada mudah dipengaruhi oleh wang 40% lari ke Singapura kerana wang. Tetapi kalau kita ada sedikit unsur-unsur Islam walaupun tidak tegas, lebih banyak barangkali orang Islam yang tidak mahu pergi ke Singapura untuk mendapatkan 40%, satu eksploitasi kewangan yang paling dahsyat berlaku, yang tidak mengirakan soal jiran, soal persahabatan tetapi semata-mata menunjukkan suatu budaya tamak haloba, kepentingan diri sendiri - kenapa terjadi begitu?

Apakah ini satu masyarakat yang telah berjaya dididik oleh Lee Kuan Yew di samping melahirkan satu 'Singapura' yang berjaya. Saya salute, saya di antara orang yang juga idola dengan kejayaannya tetapi dalam pada itu bibit-bibit penilaian kepada kemanusiaan harus kita pupuk. Apa yang telah berlaku kepada masyarakat Singapura melahirkan satu masyarakat robot yang bertuhankan kewangan, yang bertuhankan materialisme - itu bukan contoh kepada kita dan kita harus mendidik nilai kita yang telah disuburkan daripada awal lagi bahawa nilai itu ada unsur-unsur keIslaman itu,

sama ada kita kata atau tidak, harus kita pupuk, tidak berlaku satu ketamakan yang melampau, yang memburu 40 percent untuk mendapatkan wang dengan serta-merta. Jadi, harus kita melihat di mana unsur-unsur keIslaman itu baik dan apa yang kita boleh lakukan untuk memantap dan menerapkan lagi nilai-nilai yang boleh kita lakukan termasuk dalam pasaran saham biar masyarakat kita tidak menjadi masyarakat yang terlalu gelojoh, terlalu tamak, terlalu materialistik dan kita tidak hanya pandai bercakap dalam soal ini tetapi kita juga menjadi contoh kepada orang-orang biasa.

Jadi, saya ingat setakat itu sahaja. Sekali lagi saya menyokong hasrat dan cita-cita pindaan undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail.

12.33 tgh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya sama ada kita boleh teruskan kerana sekarang jam

Timbalan Yang di-Pertua: Sampai pukul 1.00 tengahari.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Pukul 1.00 tengahari. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini yang bernama Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pindaan) 1998. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengikuti pembentangan rang undang-undang yang dibuat di Dewan Rakyat semalam, sesungguhnya, yang pertama sekali mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan II Yang Berhormat Dato' Mustapa dan khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana begitu bersungguh-sungguh dalam usaha menangani kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang ini.

Saya rasa kesal dengan sikap beberapa pemimpin pembangkang terutama sekali DAP yang jelas kalau - kita mengikuti perbahasan semalam lebih menggunakan isu pemecatan Dato' Seri Anwar untuk kepentingan politik mereka. Sampai mereka sanggup mendakwa Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai pemutar belit, sebagai orang yang mencetuskan masalah dalam negara, sedangkan kalau kita fikir secara rasional, secara

logiknya daripada penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri iaitu Yang Amat Berhormat mengatakan tindakan yang dibuatnya adalah berasingan dengan apa yang dibuat melalui proses undang-undang. Itu jelas, bukan bermakna apa yang diputuskan olehnya satu keputusan yang mahkamah mesti terikat. Oleh sebab itu, putar belit yang dibuat oleh pemimpin DAP adalah paling tidak menunjukkan sikap patriotisme kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan usul ini. Yang pertama sekali kerana usul ini mengandungi 28 Fasal yang merupakan pindaan induk dalam usaha untuk mengawal sistem kewangan kita terutamanya pengaliran modal keluar dan juga masuk, yang mana pada suatu masa dahulu saya sendiri memikirkan pasaran saham yang ada di Singapura iaitu CLOB adalah pasaran saham yang direstui oleh negara kita. Rupa-rupanya pasaran yang dibuat di Singapura itu lebih merupakan kasino untuk opportunists di negara kita sendiri bersubahat dengan negara lain membuat keuntungan dan akibatnya bila berlaku kegawatan ekonomi pada hari ini, rakyat biasa yang lebih merasai dan menjadi mangsa. Inilah satu perkara yang penting yang kita lihat sepatutnya kerajaan bertindak lebih awal lagi.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dalam usaha tindakan kita hendak mengatasi masalah kegawatan ekonomi, kita tidak seharusnya tunduk dengan pandangan ataupun nasihat pihak-pihak yang kalau kita teliti secara detail mempunyai muslihat tertentu lebih-lebih lagi bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut berkali-kali, kita mesti elak daripada dijajah semula. Penjajahan berbentuk baru sekarang ini memang mempunyai suatu agenda yang global, agenda yang menggunakan orang-orang kaya, agenda yang mungkin menggunakan agama-agama tertentu untuk melemahkan pihak-pihak lain yang ingin muncul dengan identiti tertentu, agenda yang dikuasai oleh pengusaha-pengusaha media, agenda yang dikawal oleh orang-orang kaya, agenda yang dikawal oleh pihak-pihak yang mempunyai kepentingan politik. Oleh sebab itu, kita mesti memastikan bahawa penjajahan yang berbentuk ekonomi, penjajahan yang berbentuk

politik dan yang penting sekali penjajahan yang berbentuk pemikiran, minda - ini yang paling merbahaya.

Apa yang berlaku sekarang, kalau kita perhatikan benda ini sedang dialami oleh rakyat Malaysia sendiri. Kita telah diberi tekanan di segenap segi - dari segi kegawatan ekonomi, pergolakan politik dan kecelaruan pemikiran rakyat sendiri sebab di antara perkara-perkara penting, kuasa-kuasa yang ada kepentingan boleh menggugat sesebuah kerajaan dan negara itu ialah dengan menghilangkan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan sesebuah negara itu. Sekarang ini perkara ini telah berlaku tetapi nasib baik kerana keadaan ekonomi kita dengan keadaan fundamental yang cukup kukuh masih boleh dipertahankan. Kalaulah jadi semacam beberapa negara di rantau ini - tidak payah saya sebut, saya tidak tahulah apa yang akan berlaku dan besok mungkin akan timbul pelbagai masalah lagi.

Kalau kita ikuti akhbar hari ini kita lihat iaitu kerajaan telah memberi satu jaminan untuk mewujudkan mekanisme bagi mengawal agensi penarafan yang akan diperkenalkan nanti. Kita tahu sekarang ini pihak-pihak tertentu terutama sekali IMF menggunakan pelbagai cara untuk menghilangkan keyakinan pelabur-pelabur terhadap ekonomi negara kita. Misalannya, bank-bank kita dan badan-badan yang tertentu telah diturunkan penarafan dengan tujuan yang tidak baik supaya mereka menarik pelabur-pelabur yang ada dan pelabur-pelabur yang ingin masuk melabur pun akan memikir banyak kali, sekurang-kurangnya mereka akan menangguhkan pelaburan mereka dalam negeri kita. Apabila akta ini diluluskan, kita berharap kerajaan tidak akan melambatkan langkah-langkah mengadakan mekanisme itu.

Kita juga membaca dalam akhbar iaitu pihak IMF telah mengakui kegagalan mereka menghadapi krisis kewangan yang berlaku sekarang ini dan IMF telah meluluskan peruntukan kepada Indonesia, Thailand, Russia dan kadang-kadang IMF menggunakan pelbagai helah dengan maksud untuk menjejaskan ekonomi. Mereka tahu sedikit sebanyak kalau mereka melambat-lambatkan bantuan dan kalau mereka

gagal memulihkan negara-negara jiran sudah tentu secara tidak langsung akan memberi kesan kepada Malaysia sendiri. Perkara itu sedang berlaku sekarang ini.

Kita juga berterima kasih kepada pihak Hong Kong yang menyokong kawalan modal Malaysia yang kita jalankan di negara kita. Pada suatu ketika dahulu pihak Kerajaan Hong Kong termasuk Taiwan waktu itu tidak begitu yakin kepada langkah yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia. Tetapi sekarang ini apabila mereka dapati kewangan mereka sendiri terutama spekulator-spekulator kewangan ini menggunakan kesempatan untuk mencari keuntungan di pasaran saham mereka, barulah mereka sedar bahawa apa yang dibuat oleh Malaysia dalam keadaan sekarang ini lebih memberi jaminan terhadap pemulihan kegawatan ekonomi.

Kita merasa kesal juga dengan kenyataan bahawa akhbar-akhbar di Singapura masih meneruskan kecaman terhadap kerajaan kita. Kita tahu pemimpin negara kita ini sentiasa menyebutkan bahawa kita tidak pernah memusuhi rakyat Singapura. Kita tahu Singapura ini kalau boleh adalah jiran kita yang paling hampir dan kita perlukan persahabatan mereka, walaupun dari segi sejarahnya Singapura adalah sebahagian dari Malaysia. Dari segi sejarah pergantungan Singapura lebih kepada negara-negara jiran iaitu Indonesia dan juga Malaysia. Oleh sebab itu sikap Kerajaan Singapura terutamanya Menteri Kanan Singapura itu sendiri iaitu Datuk Lee Kuan Yew mengeluarkan kenyataan-kenyataan dan membangkitkan perkara lama bersangkutan dengan pemimpin negara ini adalah suatu perkara yang seolah-olah menanamkan sikap benci rakyat Singapura dan juga rakyat Malaysia. Kita bimbang apabila seruan-seruan seperti ini sebagaimana yang ditimbulkan oleh pemimpin DAP secara tidak langsungnya akan mewujudkan ketegangan kaum. Kita tahu di Singapura ramai rakyatnya berketurunan Cina dan di Malaysia pula rakyat Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai kaum yang sudah beberapa lama kita telah wujudkan suasana yang paling harmoni.

Kita patut berbangga apabila tamatnya Sukom '98 sudah wujud satu perhubungan yang cukup erat seolah-olah semangat yang kita berikan kepada atlet-

atlet semasa Commonwealth Games ini cukup baik sekali. Kita langsung memberi sokongan kepada pemain-pemain badminton atau kita tidak langsung membangkitkan soal pemain-pemain daripada Nusa Mahsuri, secara kebetulannya pemain Melayu kerana tidak mewakili negara. Itu tidak menjadi soal lagi, yang penting kepada kita ialah siapa juga rakyat yang boleh menjaga nama baik negara kita dan meletakkan negara ini lebih penting daripada kedudukan diri mereka maka itulah yang sepatutnya kita sokong.

Kita patut mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana berani menganjurkan sukan yang secara tidak langsung telah membuka era baru iaitu memupuk perpaduan kaum, memupuk semangat patriotisme melalui sukan. Kita harap keadaan ini akan berterusan dan insya-Allah kalau semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum boleh memikir secara rasional begini kita akan dapat mempereratkan hubungan di antara bangsa ini dan sudah tentu keadaan politik negara kita akan lebih terjamin. Tidak akan menjadi sebagaimana yang berlaku di negara jiran baru-baru ini yang saya tidak perlu sebutkan. Kita tahu jika sekali kita cetuskan rusuhan kaum dan perasaan benci di antara kaum sudah tentu dia akan memberi kesan jangka panjang yang cukup buruk, yang akhirnya akan melumpuhkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh banyak pihak terutama sekali pihak pembangkang, pihak DAP dan saya berterima kasih kepada pihak PAS. Nampaknya PAS tidaklah sangat menggunakan isu pemecatan Dato' Seri Anwar untuk hendak memburuk-burukkan lagi keadaan. Lebih-lebih lagi apabila kita dengar pandangan yang dikemukakan semalam. Cuma tadi saya merasa agak terperanjat apabila wakil PAS yang ada di dalam Dewan yang mulia ini menyebut bahawa faktor keadilan kemanusiaan itu perlu diberikan perhatian sedangkan beliau sendiri tidak mengikuti perkembangan ini secara yang lebih detail.

Kalau kita perhatikan seboleh-bolehnya kerajaan dan sepatutnya orang UMNO yang lebih sensitif terhadap isu pemecatan Dato' Seri Anwar kerana Dato' Seri Anwar adalah ahli UMNO, Timbalan Presiden UMNO dan Menteri Kanan di dalam kerajaan. Tetapi nampaknya pihak-pihak parti pembangkang ini termasuk tokoh-tokoh PAS tertentu bukan atas dasar PAS secara umum mengambil kesempatan. Seperti juga yang DAP kata Yang Berhormat Perdana Menteri, Lim Kit Siang bercakap dan menggunakan isu pemecatan Dato' Seri Anwar itu semata-mata hendak membela anak dia sendiri Lim Guan Eng. Kerja-kerja seperti ini kalau kita perhatikan dan telitikan dia lebih ke arah menanamkan semangat benci di antara kaum. Kita tahu Lim Kit Siang adalah rakyat Malaysia yang berketurunan Cina. Begitu juga dengan Lim Guan Eng dan kita tahu orang PAS pula yang begitu taksud dan fanatik dengan perjuangan agama. Tiba-tiba apabila timbul isu Dato' Seri Anwar yang menjadi bekas Timbalan Presiden UMNO, bekas Timbalan Perdana Menteri yang pada suatu masa beliau berada di dalam kerajaan memang sudah terdapat perbezaan pendapat tetapi mereka cuba hendak memperjuangkan. Ini adalah satu perkara yang boleh mengelirukan pandangan rakyat dan kalau silap kita bercakap boleh menanam bibit-bibit yang boleh mencetuskan masalah perkauman. Apabila ini berlaku sudah tentulah kita yang akan menerima padahnya.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita harapkan apabila berlaku perkara-perkara seperti ini kerajaan perlu memberi perhatian yang serius dan kalau perlu kita bertindak, kita tidak patut menunggu masa hingga rakyat menjadi keliru.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada gunanya kita bercakap sebagai rakyat Malaysia, rakyat yang taat setia kepada negara ini sedangkan kita meletakkan keutamaan kepentingan diri kita, keluarga kita, perjuangan bangsa kita mengatasi perjuangan Malaysia dan bangsa Malaysia itu sendiri. Kita tidak mahu kita bercakap daripada satu segi kita ada hak sebagai rakyat dan kita ada hak dari segi perlembagaan, kita ada

hak untuk menuntut keadilan dan kebebasan sedangkan apa yang kita buat itu bercanggah dengan prinsip itu sendiri. Kita tahu kerajaan yang ada sekarang ini kalau dengan izin Allah, kerajaan yang membela masalah rakyat. Kita tidak pernah dengar walaupun kita tahu ramai di antara kita termasuk saya sendiri dan saya telah mendengar tape ucapan Dato' Seri Anwar sendiri dalam pelbagai siri hinggalah siri terakhir yang mana bekas Yang Amat Berhormat itu ditangkap. Saya telah mendengar, dan dalam ucapan itu kita merasa kecewa dan kesal apabila seorang yang kita beri tempat pada tahun 1982 dan masuk UMNO, bukan kerana dia hendak masuk sendiri tetapi kerana Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir sendiri telah bercerita – saya sendiri telah baca banyak sejarah. Selepas itu lantik sebagai Timbalan Menteri, Menteri penuh dan tiba-tiba apabila dipecat sanggup beliau mengeji dan mengecam kerajaan kita terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh sebab itu dakwaan Lim Kit Siang mengatakan Dato Seri Dr. Mahathir adalah punca yang menyebabkan perkara itu berlaku dan dia menggunakan kuasanya, itu adalah tidak benar sama sekali. Cubalah kita perhatikan seperti yang saya sebutkan tadi Dato Seri Dr. Mahathir umurnya 73 tahun dan sudah menjadi Perdana Menteri hampir 16 tahun lebih. Takkanlah orang yang berjasa kepada negara, daripada menuntut kemerdekaan dan daripada membangunkan negara ini membawa perubahan yang cukup pesat dan akhirnya akan bersara daripada kariernya sanggup membuat sesuatu yang akan tercatat dalam sejarah suatu masa nanti bahawa beliau seorang pemimpin yang menggunakan kuasa hingga akhirnya rakyat tidak suka.

Saya ragu-ragu dan saya berasa curiga kerana rakyat tidak tahu latar belakang. Oleh kerana trend sekarang ini kita tahu negara-negara jiran kita perubahan kerajaan dan pemimpin berlaku sewenang-wenang, termasuklah Indonesia sekarang ini dalam dilema yang kita belum tahu apa yang akan berlaku. Kita tahu pilihan raya di Jerman apa yang berlaku, pilihan raya di Australia pun kita akan tahu keputusannya. Jadi, apabila trend ini berlaku timbul masalah yang sebegini, rakyat akan keliru dan rakyat akan buat keputusan yang mungkin berlaku kesilapan. Kalau perkara ini berlaku, lihatlah apa jadi di Kemboja sekarang. Kita kena belajar daripada sejarah dan kita perlu melihat.

Saya tidak nampak perkara-perkara yang kita boleh buat sehingga akhirnya menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi negara kita. Sekarang ini rakyat tidak menghadapi apa-apa masalah dia boleh hidup secara biasa, secara normal dia ada tanah, ada rumah dan ada sedikit wang, dia tidak tahu apa perkara yang akan berlaku. Sebab itulah dia membiarkan dirinya dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran yang begitu emosional, mempengaruhi perasaannya. Inilah kesilapan yang kita buat. Kerajaan perlu mencari jalan untuk menghilangkan keraguan rakyat ini. Ini ada kaitan dengan pindaan akta ini. Tidak ada makna kita pinda akta sedangkan keyakinan rakyat di negara sendiri kita biarkan di dalam keadaan yang masih kabur. Ini tidak boleh membantu ke arah memulihkan keadaan ekonomi. Oleh sebab itu, kerajaan dalam masa meminda akta ini hendaklah sama-sama mencari jalan untuk memberi penjelasan kepada rakyat.

Saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan apabila akta ini diluluskan nanti yang mana tujuan pokoknya ialah untuk memastikan ketelusan yang lebih dalam pembangunan sekuriti, kerajaan hendaklah mendedahkan nama-nama individu dan juga syarikat-syarikat yang membiarkan ianya terdedah di pasaran saham yang tidak direstui di Singapura. Sebab dahulu saya pernah bercakap minta kerajaan mengisytiharkan berapakah wang kita yang berada di luar negara, terutama sekali di Singapura. Sekarang baru kita sedar, maknanya semua wang yang berbentuk sekuriti

yang dipasarkan di pasaran luar itu masih berada di Singapura. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab kerajaan, kalau kita cakap fasal ketelusan, maka kerajaan bertanggungjawab selepas akta ini dilaksanakan dan selepas habis bulan ini 1 Oktober nanti, mana-mana wang kita di luar negara sudah tidak laku lagi dan kena bawa balik. Dengan cara itu dia akan tahu siapakah pemilik-pemilik wang yang pergi melabur di Singapura, apakah syarikat-syarikat, berapa jumlah, kerajaan hendaklah mendedahkan (expose) tidak ada guna kita merahsiakan perkara-perkara ini yang lebih menjaga kepentingan individu-individu tertentu ataupun syarikat-syarikat yang bersekongkol dengan orang yang hendak merosakkan ekonomi dan politik negara kita. Ini adalah menjadi harapan pemimpin-pemimpin kita dan begitu juga harapan rakyat seluruh Malaysia.

Kita tahu, macam saya sebut tadi Kerajaan Singapura mencari berbagai-bagai helah untuk mengekalkan apa yang sedang mereka buat sekarang ini. Percayalah walaupun akta ini diluluskan, selepas ini Kerajaan Singapura mencari alternatif untuk menghalalkan pasaran yang mereka boleh buat, yang boleh menarik wang kita, pelaburan kita berada di Singapura supaya kekal di Singapura. Walaupun sekarang ini kita mengharamkan latihan kapal terbang memasuki ruang udara kita, tetapi kadang-kadang perkara ini bukannya senang hendak kawal, dia ceroboh masuk juga, selepas itu kita jawab tidak ada pencerobohan. Kita boleh jawab macam itu sahaja. Pada hal rakyat yang duduk di Johor itu tahu kapal terbang Singapura melalui ataupun tidak. Perkara ini pun kalau dari segi keselamatan memang sangat penting. Tetapi kita hendak jaga hubungan baik, mahu tidak mahu kita jawab macam itu kata tidak ada. Pada hal sebenarnya ada.

Oleh sebab itu, kita hendaklah juga memberi perhatian kepada faktor-faktor lain yang bersangkutan dengan masalah di Singapura ini. Kita tahu di antara rakyat dengan rakyat kita perlu wujudkan hubungan yang baik. Tetapi di antara pemimpin, sebab pemimpin ini boleh diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu, terutama sekali Amerika Syarikat dan juga Yahudi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang telah disebut oleh rakan-rakan saya sebelum ini dan apa yang saya timbul tadi, saya mempunyai keyakinan penuh dengan lulusnya akta ini, insya-Allah ianya akan dapat membantu memulihkan kegawatan ekonomi dan akan mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara kita.

Akhirnya, saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya seboleh-bolehnya hendaklah menguruskan pasaran saham kita ini, kalau boleh biarlah berbentuk pasaran saham secara Islam. Sebab secara Islam sama juga dengan conventional. Kalau Bank Islam yang kita buat sekarang ini rakyat yang bukan Islam pun boleh terima apa yang kita buat dan lebih menjamin, ini menjadi tanggungjawab kita. Mahukah kita sebagai pemimpin yang bercakap di Dewan ini, termasuk Perdana Menteri menanggung dosa dunia dan akhirat, kerana semata-mata perkara yang kita boleh jalan kita tangguhkan. Taktik tangguh ini merbahaya. Akhirnya, bila perubahan itu berlaku sendiri, itu yang paling bahaya sekali.

Jadi, oleh sebab itu, kita perlu renung dan kita perlu jalankan tanggungjawab. Mana yang boleh, kita buat. Saya percaya penuh orang bukan Islam tidak akan menentang perkara-perkara yang baik untuk semua rakyat. Walaupun perkara itu Islam, jangan suruh mereka pergi masuk dalam masjid buat perkara-perkara yang bercanggah sudah. Tetapi kalau bersangkutan dengan pasaran yang boleh mendatangkan keuntungan, halang perkara-perkara yang tidak elok, mereka sokong.

Bercakap mengenai orang-orang bukan Islam, saya juga hendak mengingatkan kerajaan kalau hendak mengambil tindakan terhadap kumpulan-kumpulan yang buat rusuhan dan sebagainya, kita ada polis yang beragama Islam. Kita ada pasukan tentera yang beragama Islam. Sampai dalam masjid pun kalau ada polis yang bukan Islam, kalau hendak masuk buat tangkapan, kerana ini akan digunakan isu. Rakyat senang terima. Mereka bercakap polis masuk dalam masjid bertindak secara yang biadab yang bercanggah dengan prinsip Islam, ini memberi kesan yang negatif kepada kerajaan. Oleh sebab itu, kita masih boleh berhati-hati dan berwaspada dalam tindakan kita supaya akhirnya perkara yang baik itu boleh diterima dan perkara yang

salah itu diterima juga oleh rakyat dan kerajaan kita selamat terus berkuasa memberi keadilan, kemakmuran dan kestabilan politik. Sekian, saya menyokong pindaan rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock.

12.57 tgh.

Tuan Tee Thiong Hok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang mengambil peranan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan II kerana dapat membentangkan akta ini nampaknya begitu mustahak untuk memulihkan ekonomi negara kita bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dalam pasaran saham serta memastikan semua saham hanya disenaraikan di BSKL. Saya berpendapat bahawa pemulihan ekonomi negara kita boleh dijalankan dalam cara dua atau tiga langkah yang induk. Pertamanya, melalui akta ini kita dapat baik pulih (repair) ekonomi agak saya yang kedua, iaitu bursa saham. Kerana kita tahu kalau bursa saham jatuh maka ekonomi kita jatuh.

Pada 1 September 1998 kerajaan telah pun ambil langkah untuk membaik pulih ekonomi pertama iaitu mata wang kita. Jadi, saya harap melalui langkah kedua-dua langkah ini, ekonomi negara kita dapat pulih dalam masa yang singkat. Tiang ekonomi yang kedua itu, saya juga harap kerajaan dapat mengambil tindakan membaik pulih tiang ekonomi yang ketiga, iaitu sektor pembinaan dan pembangunan khasnya hartanah juga. Kerana kita telah pun diberitahu melalui ucapan beberapa orang menteri bahawa recession negara kita dalam penggal kedua iaitu 6.8% itu ada to a bit extend, dengan izin, kerana kejatuhan sektor pembinaan dan juga pembangunan hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya langkah-langkah yang kita ambil dan Akta Perindustrian Sekuriti yang kita bahaskan di sini adalah satu cara negara kita, dengan

izin, we are trying to shape our own destiny for the country. We are shapping our own destiny. Saya menyeru keputusan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis ini akan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari ini.

Persidangan ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila sambung.

2.30 ptg.

Tuan Tee Thiong Hock: Langkah-langkah yang diambil melalui pindaan Akta Perindustrian Sekuriti ini adalah satu penetapan hasrat negara untuk memulihkan ekonomi. Dengan langkah-langkah lain yang kita telah ambil pada 1 September yang lalu, kita mempunyai fokus tertentu untuk membaik pulih tiang-tiang ekonomi utama negara kita. Kita menentukan destinasi negara dengan tangan sendiri. Dengan izin, we get to shape the destiny of our country withour own's hand. Saya menyeru negara-negara lain dan media asing menghormati keputusan negara kita dan juga merupakan aspirasi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa adanya Akta ini, mekanisme transaksi dan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur akan lebih mengikuti teori fundamental. iaitu NTA, PE non perfomance syarikat-syarikat dengan izinnya. Saya percaya elemen-elemen spekulasi dan manipulasi dapat dikurangkan kalau tidak dihapuskan. Kerana transaksi-transaksi saham jadi lebih telus ini, akan menjamin keyakinan pasaran di BSKL, sebagaimana yang kita telah lihat indeks sekarang adalah lebih kurang 380 dan pasaran menjadi lebih stabil.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun melalui Akta ini CLOB telah diharamkan dan transaksi-transaksi melalui nominee secara tersembunyi tidak lagi dibenarkan. BSKL akan menjadi lebih kukuh dan semua transaksi saham termasuk perdagang-perdagang saham dari Singapura boleh meneruskan pelaburan mereka melalui BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini hanyalah satu Akta antispekulasi ataupun antimanipulasi. Jadi saya memohon menyokong, terima kasih.

2.34 ptg

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa persidangan hari ini adalah buat kali pertama di Dewan Negara dan Dewan Rakyat kerana diadakan pada waktu pagi mulai dari 10.00 pagi. Nampaknya dari pagi semua orang segar tidak ada yang mengantuk, petang saya belum tahu, tadi pagi tidak ada yang mengantuk. Jadi saya katakan sidang pagi adalah baik.....

Tuan Yang di-Pertua: Tapi Yang Berhormat bangkit lewat pagi tadi.

Tuan Yim Chee Chong: Betul Tuan Yang di-Pertua,, saya minta maaf kerana saya lewat pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana bangkit lewat

Tuan Yim Chee Chong: Ya, lewat oleh kerana mesti ada sebabnya, sebab saya ada satu kes di mahkamah. Ini bukan kes Dato Seri Anwar Ibrahim, saya dari Mahkamah Port Dickson, pukul 9.00 selepas itu saya rash ke Parliament House sudah lewat 1 jam minta maaf, mahu denda, boleh denda saya - wang untuk Dana Degara.

Saya cadangkan kita harus sokong seruan Perdana Menteri kita, kita beri sumbangan kepada Dana Negara untuk memulihkan ekonomi negara kita. Dalam pada itu kita Senator-senator telah kumpul sebanyak RM40 ribu untuk negara kita, di mana saya pernah menyatakan sumbangan saya adalah RM1 ribu ini pusingan pertama sahaja tetapi Dato' Haji Mohd. Zuki, mana dia petang ini?. Dato' Haji Mohd. Zuki tanya berapa pusingan saya kata pusingan 1 sahaja, oleh kerana kita yakin kepada pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir, kita yakin kepada pemerintahan Barisan Nasional, jadi hari ini nampaknya ekonomi pulih di negara kita.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana mengemukakan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998 dan 3 yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan khas ini adalah layak dan baik. Saya tidak setuju pandangan DAP yang menyatakan tidak perlu mengadakan sidang khas Parlimen. Persidangan khas ini adalah untuk meluluskan undang-undang yang kita tidak boleh melengahkan kelulusan undang-undang itu untuk kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada sahabat saya iaitu Dato' Mustapa bin Mohamed, my learned friend, sahabat saya iaitu Menteri Pembangunan Usahawan sekarang ini dilantik oleh Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan II, tahniah kepada beliau. *[Tepuk]* Beliau adalah seorang pengarang buku. Saya ada menyimpan sebuah buku beliau dalam office saya. Beliau adalah dilahirkan di Bachok, Kelantan pada tahun 1950, betul atau tidak dilahirkan di Kelantan? Tan Sri (Tuan Yang di-Pertua) juga dilahirkan di Kelantan. Menteri Kewangan II juga dilahirkan di Kelantan. Ini bermakna Kerajaan Barisan Nasional menghormati rakyat Kelantan. Betul atau tidak Senator dari PAS menghormati rakyat Kelantan?.

Oleh itu saya menyeru kepada rakyat Kelantan agar memberi sokongan penuh kepada Barisan Nasional pada pilihan raya yang akan datang agar Barisan menguasai Kelantan, minta maaf ya, Senator dari PAS..

Tuan Yang di-Pertua: Senator PAS pun masuk UMNO juga.

Tuan Yim Chee Chong: UMNO juga. Saya berasa gembira kerana mendengar ucapan dari Senator PAS menyokong Rang Undang-undang ini yang dikemukakan oleh Barisan Nasional. Terima kasih, saya ingin ucapkan. Kita utamakan kepentingan rakyat dan negara bukan mengutamakan kepentingan parti masing-masing. Betul atau tidak Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dihormati?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tugas Menteri Kewangan II ini amat berat tanggungannya. Oleh kerana hari ini negara kita sedang menghadapi kegawatan ekonomi, tetapi saya yakin penuh dan rakyat Malaysia yakin penuh Yang Berhormat Dato' Mustapa boleh mengatasi, boleh membantu Menteri Kewangan I, iaitu Perdana Menteri untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositri Pusat) (Pindaan) 1998 adalah meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991. Oleh kerana negara kita menghadapi krisis kewangan seperti negara-negara lain di Asia dan di dunia yang menghadapi masalah

itu pada hari ini. Sesudah negara kita menghadapi krisis ekonomi, maka kita dapati ada kelemahan dan kekurangan dalam industri sekuriti. Maka memerlukan langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan itu. Hari ini kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Oleh kerana Rang Undang-undang ini adalah untuk kepentingan rakyat dan negara adalah disekat oleh spekulator atau oportunist yang mencari keuntungan di dalam pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengumumkan berbagai-bagai langkah dan dasar untuk memulihkan ekonomi negara kita. Perdana Menteri juga mengumumkan Malaysia akan menurunkan kadar faedah serta melaksanakan kawalan modal dan tukaran asing pada 1 haribulan yang lalu, cadangan itu nampaknya mendapat sokongan bukan sahaja dari rakyat Malaysia dari semua kaum tetapi juga dari rakyat ataupun kerajaan di dunia ini. Baru-baru ini Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton pernah menyatakan Amerika akui perlu ada reformasi sistem kewangan dunia, syor Malaysia diterima. Ini reformasi, bukan reformasi Anwar Ibrahim. Reformasi sistem kewangan. Oleh kerana Perdana Menteri kita mengemukakan cadangan dan langkah untuk reformasi sistem kewangan di Malaysia, negara-negara yang lain berpendapat cadangan ini adalah baik untuk bukan sahaja kepentingan Malaysia, tetapi juga kepentingan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga mengumumkan tentang kawalan modal bagi menghalang serangan spekulasi ke atas ringgit. Pada hari ini pembiaya modal antarabangsa dari Amerika Syarikat iaitu Mr. George Soros tidak dapat kepentingan dari Malaysia, tidak dapat mencari keuntungan dari negara ini. Jadi beliau dan sahabat-sahabatnya kecam dasar yang diumumkan oleh Perdana Menteri kita, mereka ingin memalukan Malaysia, tetapi hari ini nampaknya banyak negara dapat mengetahui dasar dan langkah ini adalah baik bukan sahaja untuk Malaysia dan juga untuk dunia. Jadi pada hari ini Presiden Amerika Syarikat akui dasar dan langkah yang diambil oleh Malaysia itu boleh diterima dan juga dunia akanimbang untuk menerima dasar Malaysia dalam dasar negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, IMF juga telah mengakui kegagalan mereka dalam krisis dunia dan Asia. IMF juga puji Malaysia, dia puji Malaysia, tindakan kerajaan dipuji. Sungguhpun kita kritik, kita tegur sikap IMF tetapi dipuji oleh mereka. Dato' Seri Dr. Mahathir mengatakan "biar miskin, kita tidak mahu terima syarat ataupun bantuan

dari IMF” kerana mengatakan syaratnya negara Malaysia akan menjadi kolonial kepada mereka. Dulu saya pernah menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pada masa dahulu iaitu Peperangan Dunia Kedua, Jepun dan Jerman hantar tentera menyerang ke negara-negara asing untuk menakluki negara itu, bunuh rakyat yang tidak berdosa, tetapi hari ini dunia sudah berubah. Mereka tidak payah hantar askar ke mana-mana negara. Mereka hantar wang sahaja. Negara yang menerima syarat daripadanya akan dikuasai oleh negara asing. Oleh hal yang demikian, rakyat Malaysia sokong penuh atas pendirian Dato’ Seri Dr. Mahathir untuk kepentingan negara kita, kedaulatan dan kemerdekaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri juga menghadkan masa kepada rakyat Malaysia satu tempoh bawa balik Ringgit Malaysia dari luar negeri, kalau tidak lepas satu bulan wang Ringgit Malaysia akan menjadi kertas yang tidak berguna. Ini cadangan baik yang harus kita sokong dengan penuhnya. Betul atau tidak Dato’ Haji Mohd. Zuki? Nampaknya senyum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya berpendapat Rang Undang-undang yang dikemukakan ini adalah untuk kestabilan di pasaran saham. Kestabilan pasaran saham adalah untuk kepentingan rakyat dan negara kita.

Oleh hal yang demikian, saya menyokong penuh atas cadangan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana masa tidak mengizinkan saya cakap dengan panjang lebar, maka dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

2.51 ptg.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diberi peluang, kerana masa pun panjang lagi, jadi banyak kertas yang akan diperbahaskan.

Saya ingin mengambil peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991. Saya mengucapkan tahniah juga bersama dengan rakan-rakan saya kepada Menteri Kewangan II yang baru dilantik. Ini merupakan satu cabaran yang mula-mula mereka

mengemukakan undang-undang kewangan ini untuk dipinda undang-undang yang baru untuk mengemaskinikan keadaan. Kita tahu pihak lain memanglah untuk memperjuangkan, menjajah negara kita dengan cara kewangan, bukan saja dengan cara tentera, telah mengubah cara iaitu cara baru yang mana untuk menekankan kewangan negara kita. Tapi kita berasa bangga bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita begitu sungguh-sungguh sekali yang mana beliau sendiri dan juga disambut oleh rakyat tidak mahu meminjam daripada IMF yang mengenakan syarat. Sekalipun negara-negara jiran kita dapat menggunakan wang IMF itu tetapi negara itu nampak meleset juga kewangannya, lebih teruk daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini tersiar dalam surat khabar bahawa negara Singapura mengatakan kita hendak memiskinkan negara mereka. Ini adalah satu tuduhan yang liar. Sebaliknya kita tahu bahawa sebelum ini negara Singapur adalah yang seolah-olah tidak memberikan kerjasama dengan negara Malaysia, hendak miskin negara kita. Jadi sikap yang serupa itu sepatutnya negara jiran yang memberikan kerjasama dalam masa kegawatan ekonomi ini, tetapi mereka memberikan interest yang tinggi yang banyak wang negara kita telah pun pergi kepada bank-bank di Singapura itu.

Hari ini ada satu surat khabar yang saya baca iaitu kita tahu langkah Perdana Menteri kita adalah sangat baik bagi meminda undang-undang tersebut, memelihara wang kita tidak mengalir ke negara yang luar, iaitu pihak pembangkang PAS Marang telah pun menyokong penuh langkah kerajaan tidak meminjam wang IMF. Ini menunjukkan bahawa sekalipun mereka membangkang, parti pembangkang, tetapi mereka sependapat dan menyokong penuh langkah kerajaan. Begitu juga wakil daripada DAP, iaitu wakil dari Kepong menyokong penuh langkah yang dibawa oleh Perdana Menteri kita semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak juga nak bercakap banyak kerana telah banyak diperkatakan dan telah diperbahaskan oleh kawan-kawan tadi. Jadi dengan ini saya menyokonglah Rang Undang-undang yang telah dikemukakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya saya ucap terima kasih atas ucapan tahniah rakan-rakan saya dalam Dewan ini. Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid dan lain-lain. Sebagai seorang bekas Dewan ini, saya sungguh merasa bangga dapat berada di sini pada masa ini bagi membentangkan Rang Undang-undang ini dan saya berterima kasih atas ucapan tahniah yang diberikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana perbahasan di Dewan ini begitu berkualiti sekali. Saya kata ini [*Tepuk*] datang daripada hati yang ikhlas. Semalam saya di Dewan Rakyat tidak banyak dibicarakan tentang pindaan ini. Ketua Pembangkang menghabiskan masa satu jam untuk membicarakan isu-isu yang tidak ada kaitan langsung dengan Rang Undang-undang ini. Sebaliknya di sini saya dapati bahawa perbincangan merupakan perbincangan yang begitu berkualiti. Jadi saya ucapkan tahniah sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat yang bukan sahaja bertanyakan soalan-soalan yang bernas, tetapi juga memberi cadangan yang begitu baik kepada kerajaan. Bilangan cadangannya dan kualiti perbahasan begitu baik dan bagi pihak Kerajaan, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah, kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-Undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali ada bangkitkan beberapa perkara berkaitan isu semasa. Antara lain beliau menyatakan bahawa yang penting ialah kestabilan politik dan keamanan. Beliau menyatakan bahawa jika kita luluskan Rang Undang-undang ini, jika tidak ada kestabilan politik dan tidak ada keamanan, maka kita tidak akan ke mana. Memanglah benar negara Malaysia berdiri ataupun dapat kita bina atas asas kekuatan keamanan dan kestabilan. Maka itu kita yakin bahawa rakyat Malaysia akan terus rasional. Kita yakin bahawa kebanyakan rakyat Malaysia akan menghormati undang-undang, rule of law. Mereka tidak akan

mengambil tindakan yang agresif, ganas sehingga boleh menjejaskan kestabilan politik. Maka kita ingin menyeru kepada pihak-pihak berkenaan supaya sentiasa memelihara keamanan dan kestabilan politik, tidak bertindak liar, tidak terlalu agresif dan tidak ganas dalam tindakan mereka sebaliknya mereka perlu menghormati undang-undang, peraturan-peraturan mahkamah, kita ada sistem dan peraturan negara kita dan kita harus menghormatinya kerana inilah sistem yang telah membina negara ini lebih 41 tahun sejak kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali juga dalam menyentuh isu semasa ini menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh Dato' Seri Perdana Menteri menunjukkan bahawa kita mengamalkan sikap ataupun semangat bersih, cekap dan amanah. Kita amanah, kita bersih dan kita cekap, maka tindakan-tindakan tegas dan pantas diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memastikan bahawa negara tidak dibebankan dengan masalah-masalah moral dan isu-isu lain yang berkaitan yang berbangkit dalam tempoh tiga, empat minggu ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rating agency yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim bin Ali beliau mahu supaya semua rating agency ini benar-benar mencerminkan kedudukan ekonomi, beliau mahu supaya dijelaskan mekanisme penarafan. Saya ingin memaklumkan sepertimana yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa kerajaan sedang mengkaji isu ini. Kerajaan merasa dukacita kerana agensi rating telah memainkan peranan yang bukan membantu tetapi menjejaskan kedudukan ekonomi negara, kita sudah jatuh ditimpa tangga apabila rating diturunkan sampai ke tahap 'junk bond' menyebabkan kita sukar untuk mendapat pinjaman luar negara dan juga meningkatkan kadar faedah. Maka saya ingin mengulangi apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat semalam bahawa kerajaan sedang mengkaji perkara ini, bertujuan untuk memastikan bahawa tindakan yang diambil oleh rating agency ini tidak menjejaskan keadaan ekonomi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Aziz membangkitkan tentang ideologi pasaran bebas, ini memanglah mereka menganggap sebagai negara-negara Barat khususnya Amerika Syarikat dan beberapa buah negara lain, liberalisme, organisasi merupakan terma-terma baru yang disogokkan kepada kita, dan mereka mahu memaksa kita untuk mengikut telunjuk mereka. Ini yang dibuat oleh mereka tetapi seperti mana Yang Berhormat maklumkan dalam perbahasan, kita ada cara sendiri untuk mengatasi masalah ini, Malaysian way. Ini terbukti telah membawa banyak hasil sama ada kita bercakap tentang CLOB, tindakan yang diambil pada 1 September lalu ataupun kita bercakap tentang Dasar Ekonomi Baru, bercakap mengenai pendidikan luar bandar dan lain-lainnya, kita ada cara tersendiri dan kita tidak perlu negara-negara lain, negara Barat tunjuk kepada kita cara bagaimana menguruskan negara kita, kita pandai dan kita telah pun membuktikan kemampuan kita dan kita yakin bahawa negara kita akan menjadi selamat sekiranya kita bebas dari tekanan negara luar. Oleh itu janganlah ada pihak-pihak di luar yang ingin memaksa kita untuk menerima fahaman mereka berkaitan dengan pasaran bebas ini dan kita berharap mereka tidak akan mengganggu-gugat sistem yang kita bina di negara Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Aziz juga menyarankan agar IMF dan juga Bank Dunia mencari penyelesaian cepat terhadap masalah-masalah. Kita sesungguhnya merasa dukacita kerana walaupun suara-suara kita semakin didengari masyarakat antarabangsa tetapi tindakannya belum ada lagi. Kalau tahun lepas di Hong Kong bulan September apabila Perdana Menteti bercakap mengenai regulation currency trading untuk mengawal perniagaan mata wang, ramai hampir ke semua agensi antarabangsa dan masyarakat antarabangsa memandang rendah idea ini.

Hari ini kita semua maklum bahawa masyarakat antarabangsa sudah pun melihat betapa bernasnya cadangan tersebut tetapi tidak ada gunanya jika bersetuju cadangan ini tindakannya tidak ada. Maka kita ucapkan terima kasih dan bersetuju dengan cadangan Dato'Aziz supaya pihak IMF dan juga Bank Dunia mencari

penyelesaian cepat bagi memastikan masalah-masalah yang dihadapi di dalam sistem kewangan dan ekonomi antarabangsa ini dapat kita ubah secara radikal. Benar kata Dato' Aziz kita bukan berpegang kepada mana-mana ideologi secara membabi buta sebaliknya kita merupakan negara yang pragmatis, negara yang melihat kepada kedudukan special ataupun unik, Malaysia yang memerlukan dasar-dasar dan pendekatan yang tersendiri.

Seterusnya saya ingin menjawab beberapa soalan khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Aziz, yang pertama berkaitan dengan Labuan. Beliau bertanya bagaimana pindaan ini boleh menjejaskan Labuan sebagai International Offshore Financial Centre (IOFC). Saya ingin memberi jaminan bahawa langkah-langkah ini sebenarnya tidak akan menjejaskan usaha kerajaan untuk membangunkan Labuan sebagai satu pusat luar pesisir antarabangsa. Labuan mempunyai aktanya sendiri dan langkah-langkah yang diumumkan ini tidak akan sedikit pun menjejaskan pembangunan Labuan sebagai pusat luar pesisir antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Yang Berhormat Dato' Aziz juga bertanya bagaimanakah kita boleh mengawal kebocoran, kita kawal modal dan beliau bertanya sama ada kita mampu untuk mengawal leakages, dengan izin, kebocoran daripada sistem yang kita amalkan ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa pihak kerajaan sentiasa mengawasi perkara ini malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mempengerusikan Exco Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), di mana isu-isu seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Dato' Aziz ini diteliti setiap hari berkaitan dengan kemungkinan adanya leakages. Setakat ini tidak ada kebocoran yang kita kenal pasti, under invoicing atau over invoicing yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Aziz tetapi saya memberi jaminan bahawa kerajaan sentiasa mengawasi dan mengesan kegiatan-kegiatan seperti ini dan jika ia berlaku tindakan tegas akan diambil terhadap mereka dan pengawasan ini dilakukan oleh pihak Bank Negara Malaysia. Itu jaminan yang diberi kepada Yang Berhormat Dato' Aziz .

Satu lagi persoalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato'Aziz ialah sama ada ada kebocoran apabila Moody's and Standard and Poor menurunkan kadar penarafan Malaysia ataupun rating kita diturunkan. Sebenarnya tidak ada sebarang kebocoran. Apa yang berlaku ialah mereka menggunakan pendekatan mereka sendiri dalam membuat penilaian terhadap kedudukan ekonomi negara. Jelas mereka mempunyai agenda yang berbeza, yang berlainan, jelas mereka mempunyai agenda mereka sendiri dengan menggunakan fakta-fakta yang tidak boleh dipertahankan, mereka ada fakta tetapi kita yakin bahawa mereka tidak menggunakan asas yang objektif dalam membuat penilaian penarafan tersebut. Mereka tidak melihat kepada kekuatan ekonomi negara kita, rekod prestasi kita di masa lampau, kadar inflasi, kestabilan politik. Ini semua merupakan faktor-faktor yang kita rasa mereka telah tidak mengambil perhatian di dalam menurunkan penarafan dan kita merasakan penarafan yang dibuat mereka adalah satu penarafan yang tidak adil, tidak sebenarnya mencerminkan keadaan di negara kita. Oleh kerana satu dua peristiwa mereka tergopoh-gopoh untuk menurunkan rating kita. Oleh kerana mereka tidak bersetuju dengan langkah-langkah yang diambil pada 1 September, maka dengan itu mereka telah menurunkan kadar penarafan kita. Jadi asas yang mereka gunakan adalah tidak tepat, oleh itu kita tidak bersetuju dengan rating yang diberikan.

Seterusnya Yang Berhormat Dato'Aziz bertanya sama ada langkah untuk menambah pinjaman khususnya adalah satu rhetoric, satu cakap kosong, omong kosong sama ada pihak Bank Negara akan meyusuli tindakan-tindakan yang telah diambil. Memanglah sebelum ini ada sedikit sebanyak masalah di mana Bank Negara telah tidak melaksanakan beberapa arahan kerajaan tetapi kita tahu bahawa pada hari ini selaras dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan kadar faedah umpamanya, Bank Negara telah mengambil tindakan sewajarnya dan mana-mana bank yang tidak umpamanya menambahkan kredit sebanyak 8% seperti mana yang diarahkan, tindakan sewajarnya akan diambil oleh Bank Negara. Bank Negara mengarahkan bahawa kredit harus meningkat sekurang-kurangnya 8% minimum dan mana-mana bank yang tidak

mematuhi arahan saranan tersebut akan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Bank Negara.

Saya yakin dengan tindakan tegas Bank Negara disusuli oleh Kementerian Kewangan maka beberapa tabung yang telah diumumkan oleh kerajaan termasuklah di TIKS yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Aziz tadi akan dapat kita pastikan akan digunakan sebaik mungkin dan yang penting juga selain dari itu ialah kadar faedah telah pun turun.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga membangkitkan sama ada tindakan cepat dan setimpal dengan kesalahan dapat diambil. Kita ingin meyakinkan bahawa dengan pindaan undang-undang ini yang memberi kuasa yang lebih luas kepada pihak Suruhanjaya Sekuriti, maka Suruhanjaya Sekuriti akan dapat bertindak dengan lebih pantas dan cekap lagi. Jadi inilah antara tujuan mengapa pindaan undang-undang ini diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' T. Marimuthu antara lain berpendapat bahawa spekulasi adalah komponen integral dalam pasaran. Memanglah sedikit sebanyak spekulasi itu tidak boleh kita elakkan. Tetapi yang hendak kita elakkan ialah excessive speculation yang diharapkan bahawa melalui undang-undang yang diperkenalkan ini boleh dikekalkan pada tahap yang terkawal dan tidak berlebihan. Itulah antara tujuan pindaan kepada rang undang-undang ini.

Mengenai pertanyaan apakah keadaan yang membolehkan seseorang itu mengeluarkan saham, saya ingin memaklumkan bahawa pengeluaran sekuriti dibenarkan di bawah keadaan berikut:

- (i) Di bawah skim Belian Balik Saham (Buy Back Arrangement);
- (ii) Penyusunan semula korporat (Corporate restructuring);
- (iii) Memudahkan penukaran sekuriti hutang (conversion of debt securities);
- (iv) Memudahkan pembetulan kesilapan dalam rekod; dan

- (v) Mengakaunkan dan lain keadaan yang ditentukan oleh MCD dan Suruhanjaya Sekuriti.

Jadi pengeluaran dibenarkan dalam keadaan-keadaan tertentu terhadap kepada lima perkara yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun kesemua pengeluaran sekuriti yang saya sebutkan tadi tidak melibatkan perubahan pemilikan saham cuma kalau silap dibetulkan, gunanya sama sahaja tidak ada perubahan dalam pemilikan saham.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai 25A yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk T. Marimuthu iaitu denda RM3 juta dan juga fine 10 tahun beliau berpendapat bahawa ini mungkin terlalu tinggi. Saya ingin menyatakan bahawa kesilapan yang dibuat, kesalahan ini adalah serius dan perlu dikuatkuasakan dengan ketat bagi menentukan aktiviti CLOB dapat dihentikan. Kesalahan di bawah 25A ini adalah berkaitan dengan aktiviti CLOB, jadi kesalahan ini adalah besar atau serius. Untuk mengelak perkara ini kita berpendapat bahawa adalah perlu penalti ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi, Yang Berhormat Dato' Ghazi membangkitkan beberapa isu yang substantive. Beliau antara lain berpandangan bahawa syarikat-syarikat individu ini kreatif dalam mereka cuba mengelak peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa. Ini tidak dapat dielakkan. Oleh itulah undang-undang, peraturan diperketatkan, penguatkuasaan diperketatkan untuk memastikan bahawa aktiviti ini tidak dapat diamalkan oleh mereka-mereka yang memang berniat curang.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga membangkitkan tentang harapan agar bank lebih proaktif. Beliau menyarankan agar pihak bank memberi keyakinan kepada rakyat bahawa keadaan ekonomi sudah pulih. Kita baru sahaja mengambil langkah-langkah ini iaitu bermula 1 September dan sudah jelas kepada kita bahawa keadaan kredit semakin baik, kadar faedah sudah pun turun, kita sudah baca angka-angka berkaitan dengan pembelian kereta-kereta baru, Proton dan lain-lain oleh pengguna. Ini semua jelas menunjukkan bahawa tindakan yang diambil oleh kerajaan telahpun

berjaya memasukkan lebih banyak liquidity kecairan dalam sistem dan dengan itu membolehkan pinjaman diberikan dan pada kadar yang lebih rendah faedahnya.

Yang Berhormat Dato' Ghazi banyak bercakap tentang nominee dan ketuluan. Ini merupakan tema ucapan utama beliau, ketuluan dan nominee. Dalam hubungan ini beliau membangkit mengenai nominee tipu helah atau mereka yang sengaja menggunakan nama orang lain untuk tujuan-tujuan tertentu termasuklah untuk mungkin menipu kerajaan tentang ekuiti bumiputera. Ini perkara yang serius yang dikatakan berleluasa sebelum ini. Dengan itu, maka mengikut beliau kita tidak kenal siapa tauke di belakang atau beneficial owner.

Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah pindaan ini maka masalah nominee tidak akan lagi berbangkit, kalau sebelum ini ada pihak yang berpendapat bahawa ada orang-orang yang menggunakan nama-nama tertentu sebagai front man, dengan izin untuk membeli dan menjual saham maka dengan peraturan penzahiran ini, perlu dizahirkan. Ada satu borang yang disediakan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti oleh BSKL yang perlu diisi. Mana-mana juga pihak yang ingin berdagang, membeli jual saham perlu mengisi borang tersebut maka pihak berkenaan perlu mengisi butir-butir yang diperlukan. Ini bermakna kalaulah seseorang itu ingin menggunakan nominee umpamanya maka kalau apa-apa berlaku, saham itu kalau dijual umpamanya, proceednya, hasil jualan akan pergi kepada nominee berkenaan. Kalau si A menggunakan B sebagai nominee misalannya maka dari segi undang-undang jika pergi ke mahkamah kalau apa-apa berlaku kepada A umpamanya maka B yang nominee itu akan mendapat faedah kerana itulah yang diisytiharkan sebagai beneficial owner dan kita yakin ini akan membanteras kegiatan menggunakan nama orang lain untuk faedahnya sendiri.

Keperluan di bawah Rang Undang-undang ini adalah supaya pemegang akaun sekuriti adalah pemunya beneficial security yang didepostikan. Oleh itu adalah salah dari segi undang-undang bagi seseorang nominee memegang sekuriti di dalam akaun sekuriti oleh kerana dia bukanlah pemunya beneficial.

Seterusnya pindaan kepada Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti yang akan dibincangkan selepas ini memperuntukkan yang hanya pemunya beneficial boleh berdagang dalam sekuriti yang didepositkan itu. Cuma pemunya beneficial sahaja boleh berdagang yang lain tidak boleh. Oleh itu adalah satu kesalahan bagi seorang nominee berdagang dalam sekuriti di mana dia bukanlah pemunya beneficial sekuriti tersebut.

Di bawah seksyen 25A seperti dicadangkan hanya pemunya beneficial atau nominee diberikan nominee boleh membuka dan menyelenggara akaun sekuriti di Depositori Pusat. Seterusnya seksyen 25(5) seperti yang dicadangkan memerlukan seorang pemunya beneficial atau nominee diberi kuasa membuat perisytiharan ataupun declaration di bawah 25(5) yang dia adalah pemunya beneficial yang diberi kuasa. Penalti bagi seorang yang melanggar seksyen ini jika ada kes-kes di mana pihak yang berkenaan menyalahgunakan nama ataupun menggunakan orang lain sebagai front maka penaltinya begitu tinggi iaitu RM3 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Jadi kita percaya ini akan merupakan deterrent kepada mereka yang ingin mengamalkan amalan yang tidak sihat ini.

Mengenai CLOB, Yang Berhormat Dato' Ghazi bertanya sama ada mengenai potential, apa kita panggil potential blind spot, kita merasakan bahawa kita telah mengambil kira kesemua aspek dalam perkara ini kerana kita merasakan penguatkuasaan yang begitu jelas diberikan kuasanya kepada SC dan BSKL serta penalti yang tinggi maka blind spot, dengan izin yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi itu tidak berbangkit.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga bertanyakan sama ada masa sebulan peralihan di bawah seksyen 27, sama ada cukup sebulan yang diberikan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada 11 September kita ada kira-kira 40.7 bilion scrip, ada lagi, saya kata tadi 75.3 sudahpun masuk dalam MCD, CDS, scripless yang ada cuma 24.7 peratus. Yang 24.7 ini bersamaan dengan 40.7 bilion fizikal scrip yang ada.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bertanya sama ada sebulan peralihan ini, cukup tempohnya untuk membolehkan 40.7 bilion saham ini dimasukkan, diregister dalam MCD. Kita yakin ini dapat dilakukan kerana sebenarnya bermula 1 haribulan lagi telahpun dibuat pengumuman oleh BSKL, bermula 1 September lagi perkara ini sudah berlaku dan akta ini akan berkuatkuasa - tempoh sebulan ini setelah digezetkan, jadi ada lagi dua, tiga hari sudahpun sebulan. Maksudnya, sebenarnya lebih dua bulan masa yang diberikan untuk membolehkan 40.7 bilion saham yang fizikal scrip ini. Lagipun kebanyakan saham-saham yang dimiliki oleh pemegang saham bentuk 'Jumbo' iaitu blok-blok besar bukan kecil-kecil bilangannya 40.7 bilion saham tetapi kebanyakan saham-saham ini adalah dalam bentuk 'Jumbo' ataupun blok besar. Jadi kita yakin ia tidak akan menimbulkan masalah yang besar.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Puan Puan Jamilah, saya ucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan kepada Rang Undang-undang. Beliau menyatakan ia tepat pada masanya dan beliau menyatakan bahawa sepatutnya kita laksanakan ini lebih awal lagi. Kita ucapkan terima kasih ke atas pandangan dan sokongan tersebut. Beliau juga menyarankan supaya kita tidak melonggarkan peraturan-peraturan ini apabila ekonomi negara pulih. Peraturan ini adalah peraturan untuk melindungi kepentingan negara kita Malaysia. Berkaitan nominee, transparansi, keputusan lain-lain dan kita tidak akan menariknya walaupun ekonomi pulih, ini kita perlukan, ketulusan ini satu perkara yang diperlukan. Oleh itu walaupun ekonomi jatuh ataupun naik peraturan-peraturan ini tetap akan kita teruskan.

Beliau juga menyarankan supaya kita kaji terperinci mengenai kewangan Islam, mengenai saham-saham dan lain-lain. Saya ingin memaklumkan bahawa ini sentiasa dikaji oleh kerajaan dari masa ke semasa dan kita memanglah bergerak ke arah itu, cuma kita tidak tergopoh-gapah mengambil masa untuk membuat kajian dan mana-mana yang dapat kita laksanakan kita akan laksanakan sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Geoffrey - ringkas sahaja pandangan beliau dan saya ucap terima kasih kepada beliau. Beliau bercakap tentang menyatakan bahawa pindaan ini penting untuk pemulihan ekonomi dan ia merupakan agenda penting pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk Zainudin membangkitkan suatu isu yang begitu penting iaitu berkaitan dengan pengaruh besar media masa. Beliau menyatakan antara lain bahawa melalui pengaruh mereka ini, hubungan pihak akhbar dengan syarikat besar umpamanya, peranan penganalisa saham dan beliau menyebutkan juga kerana wang mungkin kita korbakan identiti, golongan ini merupakan golongan yang berpengaruh. Beliau bertanya bagaimana boleh kita bendung, bagaimanakah Akta ini boleh mengawal pengaruh media asing ini.

Saya ingin memaklumkan bahawa wartawan juga tidak terkecuali daripada peraturan dan undang-undang ini, bermakna jika mereka terlibat dalam manipulasi saham, mereka terlibat dalam insider trading umpamanya, mereka juga boleh didakwa. Jadi mereka bukan satu kumpulan yang khas, kumpulan yang bukan sahaja terhad kepada pemegang saham, peniaga saham, syarikat broker saham tetapi orang lain juga termasuklah wartawan yang terlibat umpamanya dalam insider trading dan manipulasi, mereka juga tertakluk kepada akta ini. Tetapi isu yang lebih besar yang dibangkitkan oleh Datuk Zainuddin mungkin memerlukan kajian yang lebih teliti, isu dasar bagaimana boleh kita membendung pengaruh mereka. Hakikat hari ini mereka memang mempunyai pengaruh yang besar, kita berharap dapat bersama-sama memikirkan bagaimana kita boleh mengurangkan peranan golongan yang amat berpengaruh ini, termasuklah pemegang-pemegang saham bukan sahaja wartawan tetapi juga pemegang-pemegang saham dalam syarikat-syarikat akhbar ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar menyarankan supaya kita tidak harus tunduk, jangan dijajah semula, penjajahan minda dan lain-lain yang telah dibangkitkan oleh beliau. Terima kasih di atas pandangan tersebut, beliau juga menyarankan supaya pengawalan terhadap agensi penarafan disegerakan, kita ucapkan terima kasih atas pandangan tersebut. Kita juga ucapkan terima kasih atas pandangan supaya keraguan

rakyat tentang beberapa perkara kita bendung dan kita hentikan. Mengenai hendak reveal nama-nama syarikat di CLOB ini memang kita ada nama-nama syarikat yang berdagang di CLOB ini, nama-namanya semua ada, pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar tadi, beliau juga menyarankan supaya kita laksanakan urusan pasaran saham secara Islam, ini macam saya katakan tadi kita sentiasa mengkaji perkara ini dan beberapa pendekatan telah pun kita perkenalkan.

Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock bercakap tentang sektor pembinaan dan hartanah, beliau juga menyatakan bahawa selepas pindaan ini harga-harga saham akan berdasarkan kepada fundamental, akan kurangnya elemen spekulasi dan manipulasi. Tepat sekali apa yang dikatakan oleh beliau dan kita yakin bahawa pasaran saham akan lebih kukuh setelah terlaksananya undang-undang yang kita perkenalkan ini.

Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, terima kasih atas sokongan kepada Kelantan khususnya Barisan Nasional Kelantan. Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong memanglah seorang patriot, saya telah banyak kali dengar ucapan Yang Berhormat ini seorang yang cintakan negara, cintakan Barisan Nasional dan saya ucapkan terima kasih atas sokongan padu beliau kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga saya. Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong juga menyebut beberapa contoh di mana masyarakat antarabangsa Amerika Syarikat – IMF sebenarnya telah pun banyak mengubah pendirian terhadap kita dan telah banyak melihat beberapa aspek positif, kawalan dan tindakan-tindakan yang telah kita ambil sebagai langkah-langkah yang perlu dalam melindungi kepentingan kita.

Saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid kerana mengambil bahagian dalam perbahasan ini mengenai Singapura yang kita hendak cumalah untuk mendapatkan hak kita, kita mengeluarkan barangan, kita hendak barangan itu ‘dibuat di Malaysia’ disebut. Kadang-kadang kita beli keluaran getahkah, minyak kelapa sawit, kadang-kadang disebut ‘made in Singapore’ umpamanya, pada hal tidak ada apa pun di sana itu, seperti minyak kelapa sawit dan lain-lain. Jadi kita

cuma hendak supaya hak kita dapat, kita nikmati khususnya berkaitan dengan perkhidmatan (services) dalam kita menjual barang-barang keluar negara beberapa perkhidmatan banyak melalui Singapura, yang kita perjuangkan cuma hak kita untuk membangunkan negara kita yang memerlukan banyak lagi pembelaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi ucapkan setinggi tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan seperti saya kata banyak sekali isu-isu yang substantif yang dibangkitkan. Saya sendiri telah banyak mempelajari daripada hujah-hujah yang diutarakan oleh Yang Berhormat dan saya berharap Ahli Yang Berhormat juga telah memahami rasional kenapa kerajaan melaksanakan, memperkenalkan pindaan-pindaan ini dan dengan itu Ahli Yang Berhormat boleh menyokong pindaan-pindaan ini. Dengan itu maka ekonomi negara kita akan pulih, pasaran saham kita akan dapat kita pulihkan kembali keyakinannya dan ekonomi negara Malaysia akan kembali atas landasan yang lebih kukuh. Sekali lagi terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan Sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN
SEKURITI (PINDAAN) 1998**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.30 ptg.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada pindaan-pindaan yang diperkenalkan dalam Rang Undang-undang ini merupakan pindaan-pindaan dalam bentuk tindakan yang perlu diambil ataupun dengan izin, follow up atau consequential action untuk mencapai objektif yang telah kita gariskan semasa membentangkan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) sebentar tadi. Pindaan-pindaan ini akan melengkapkan lagi pindaan-pindaan yang telah pun kita luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya ada empat aspek utama yang kita cuba tangani dalam meminda rang undang-undang ini:

- (i) Untuk mengukuhkan lagi kuasa-kuasa yang ada pada badan-badan kawal selia, Securities Commission, BSKL dan lain-lain yang terlibat iaitu untuk meningkatkan penguatkuasaan, memberi kuasa yang lebih untuk membolehkan mereka menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.
- (ii) Rang Undang-undang ini mempunyai dua provision atau peruntukan yang akan saya jelaskan sekejap lagi, berkaitan dengan kesilapan perbuatan peninggalan yang berlaku di dalam dan di luar Malaysia berhubungan dengan sekuriti yang didagangkan di negara kita Malaysia.
- (iii) Untuk membolehkan peraturan-peraturan BSKL dikuatkuasakan dan juga kepada pihak-pihak lain. Pada masa ini peraturan BSKL cuma dapat dikuatkuasakan kepada anggota bursa saham. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini membolehkan pihak-pihak lain juga tertakluk kepada peraturan-peraturan BSKL termasuklah syarikat-syarikat yang

disenaraikan, pengarah-pengarah syarikat, penasihat-penasihat syarikat yang sebelum ini tidak ada peruntukan yang sedemikian.

- (iv) Satu peruntukan yang membolehkan Suruhanjaya Sekuriti menggulung syarikat-syarikat, ini peruntukan yang baru, sebelum ini tidak ada peruntukan yang sedemikian.

Jadi itulah empat perkara utama yang kita cuba pinda di dalam Rang Undang-undang yang saya akan bentangkan sebentar lagi.

Secara ringkasnya kita ada 15 pindaan dalam rang undang-undang ini, enam daripadanya merupakan pindaan-pindaan substantif dan yang sembilan lagi merupakan pindaan-pindaan kecil. Yang enam substantif ini ialah Fasal-fasal 4, 7, 10, 11, 12, 14, yang lainnya pindaan consequential melibatkan Fasal 1, 2, 3, 5, 6, 8, 9, 13, dan 15.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menghuraikan beberapa perkara yang kita pinda di dalam Rang Undang-undang ini. Berbalik kepada tujuan, tujuan pindaan ini adalah untuk mempertingkatkan lagi tahap ketelusan dalam dagangan saham bagi memastikan bahawa semua dagangan saham yang disenaraikan di BSKL hanya dijalankan di BSKL atau bursa saham yang diiktiraf oleh undang-undang, sekaligus mengharamkan dagangan luar pasaran seperti CLOB. Jadi pindaan ini juga mengukuhkan lagi pindaan yang dibuat sebelumnya iaitu untuk tidak mengiktiraf pasaran di luar Bursa Saham Kuala Lumpur, cuma BSKL sahaja yang berhak untuk meniagakan saham-saham Malaysia, bukan CLOB ataupun lain-lain pasaran dagangan luar yang tidak diiktiraf.

Untuk meningkatkan tahap ketelusan dalam dagangan saham, subseksyen 4(8) dipinda dalam Fasal 3 untuk membatalkan pengecualian yang telah diberikan kepada pemegang-pemegang amanah tanpa faedah (bare trustees) berhubung dengan kehendak penzahiran. Dengan pembatalan pengecualian ini, pemegang amanah tanpa faedah yang mempunyai kepentingan dalam sekuriti melebihi nilai ambang yang ditentukan di dalam undang-undang perlulah menzahirkannya kepada Suruhanjaya Sekuriti. Ini bermakna bahawa mereka perlu menzahirkan (declare) beneficial owner.

Mengikut peraturan yang dipinda ini, kalau dahulu threshold nilai ambangnya 5% saham, sekarang ini diturunkan kepada 2%. Mereka kena, dengan izin, declare kepentingan jika melebihi 2%.

Bagi meningkatkan keupayaan penguatkuasaan BSKL untuk mengambil tindakan serta merta ke atas mana-mana orang yang melanggar kaedah-kaedahnya, Fasal 4 Rang Undang-undang ini mencadangkan agar seksyen 11 dipinda. Pada masa ini terdapat tiga kelemahan apabila seksyen 11 digunakan untuk menguatkuasakan kesalahan-kesalahan:

- (i) Kita dapati penalti RM250,000 adalah tidak mencukupi dan tidak mencegah pelanggaran kaedah-kaedah BSKL. Dengan itu kita mencadangkan supaya penalti dinaikkan kepada RM1 juta dan kita berpendapat bahawa kuantum penalti ini perlu dinaikkan seimbang dengan kesalahan yang melanggar kaedah BSKL.
- (ii) Pengarah dan pegawai syarikat awam tersenarai tidak diwajibkan memberi kesan kepada kaedah BSKL. Ini bermakna bahawa jika BSKL mengeluarkan arahan-arahan pada masa ini cuma anggota-anggota bursa saham sahaja yang perlu mematuhi arahan-arahan atau peraturan BSKL. Dengan pindaan ini kita memperluaskan arahan-arahan Bursa Saham Kuala Lumpur, juga terpakai untuk pengarah-pengarah dan pegawai syarikat termasuk jugalah penasihat-penasihat (advisor). Dengan itu kita boleh memperluaskan bidang skop undang-undang ini, oleh itu adalah dicadangkan pengarah-pengarah syarikat-syarikat awam tersenarai dikehendaki mematuhi dan memberi kesan kepada kaedah-kaedah BSKL.
- (iii) Kehendak prosedur sedia ada memerlukan BSKL memberi notis 14 hari kepada orang yang ingkar sebelum boleh

mengambil apa-apa tindakan di bawah seksyen 11. Kita berpendapat lama sangat 14 hari ini, kita bercadang untuk mengurangkan kepada 7 hari. BSKL hendaklah mengikut prosedur yang dinyatakan di dalam kaedahnya. Memandangkan kaedah BSKL dikehendaki oleh undang-undang supaya diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti, apa-apa prosedur yang mungkin diambil oleh BSKL secara tidak langsung adalah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti bahawa ianya adalah wajar. Sebagai tambahan, proses rayuan juga dipermudahkan di mana rayuan hanya perlu dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini undang-undang sekuriti tidak jelas berhubung dengan pemakaian undang-undang tersebut ke atas perbuatan dan peninggalan, dengan izin, acts and omission yang dilarang di bawah SIA. Adalah penting bagi Malaysia untuk mengendali secara efektif kemungkinan perbuatan peninggalan yang merupakan manipulasi pasaran dan perdagangan dalaman di luar Malaysia. Sekarang ini tidak ada disebut tentang perbuatan peninggalan di luar Malaysia, sebagai contoh, dalam saham tersenarai di BSKL yang didagangkan di CLOB atau dalam Singapore International Monetary Exchange (SIMEX). Untuk mengambil kira perkara ini iaitu perbuatan peninggalan yang dibuat di luar wilayah iaitu luar Malaysia yang boleh menjejaskan pasaran saham kita, kita perkenalkan dua peruntukan baru dalam Rang Undang-undang ini iaitu 88C dalam Fasal 7 dan seksyen 89P dalam fasal 10, yang menyebabkan manipulasi pasaran dan perdagangan dalaman terpakai ke atas perbuatan dan peninggalan yang berlaku di Malaysia berhubung dengan sekuriti perbadanan korporat, sama ada dibentuk atau mengendalikan perniagaan di Malaysia atau sebaliknya dan perbuatan peninggalan yang berlaku di luar Malaysia berhubung dengan sekuriti-sekuriti mana-mana perbadanan korporat, sama ada dibentuk atau mengendalikan perniagaan atau disenaraikan di Malaysia. Ini bermakna bahawa di bawah Rang Undang-undang yang diperkenalkan ini kita boleh

mengambil tindakan terhadap perbuatan dan peninggalan yang berlaku di luar negara kita, sebelum ini peruntukan ini tidak ada dalam undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 meminda seksyen 100 bagi mempelbagaikan jenis perintah mahkamah yang boleh dipohon oleh Suruhanjaya Sekuriti, BSKL dan pusat penjelasan diiktirafkan, termasuklah perintah mahkamah untuk memecat seseorang pengarah syarikat tersenarai bagi pelanggaran kaedah-kaedah BSKL atau pusat penjelasan diiktirafkan atau pelanggaran undang-undang sekuriti mengikut mana-mana yang berkenaan. Ini adalah untuk meluaskan lagi kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk membolehkan ia menguatkuasakan peraturan dengan lebih tegas dan berkesan, dengan itu ia boleh mengeluarkan dengan mempelbagaikan jenis perintah mahkamah yang boleh dipohon oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, satu kesalahan baru diperkenalkan melalui Fasal 12 yang menjadikan satu kesalahan bagi seseorang untuk membinasakan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah apa-apa rekod. Mana-mana pihak yang didapati cuba, dengan izin, ‘temper’ dengan rekod, mengubah atau membinasakan, menyembunyi atau mencacatkan akan dikenakan hukuman yang berat iaitu RM10 juta denda yang dikenakan bagi mereka yang terlibat dalam kegiatan untuk membinasa, menyembunyi, mencacat atau mengubah apa-apa rekod.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta ini perlu bagi menyokong tindakan pentadbiran yang telah diambil oleh BSKL, SCANS dan MCD supaya tindakan yang telah diambil itu adalah sah dari segi undang-undang. Sebelum ini cuma langkah-langkah pentadbiran, arahan-arahan tetapi dengan lulusnya undang-undang ini maka sahlah peraturan-peraturan yang telah pun diperkenalkan di BSKL, SCANS dan MCD. Dengan tidak mengizinkan kegiatan syarikat nominee ini adalah untuk memastikan ketelusan dan membanteras urus niaga saham Malaysia di bursa saham yang tidak diiktiraf seperti mana Rang Undang-undang yang sebelumnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini juga adalah untuk mengembalikan keyakinan pelabur dan mengukuhkan ekonomi negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.40 ptg

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Dato Menteri Kewangan II, saya berpuas hati tentang penerangan itu dan juga saya telah membaca rang undang-undang itu tidak ada apa-apa kelemahan dan saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 15 -

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya tentang Fasal 12 ini, mencacat, menyembunyi, membinasa data-data maklumat di dalam syarikat-syarikat. Saya hendak tahu kalau sekiranya data-data ini terbakar sama ada sengaja atau tidak sengaja kita tak tahu, bagaimanakah caranya ianya diputuskan menerusi akta ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed : Tuan Pengerusi, perkataan 'ter' itu bermakna ia tidak disengajakan jadi, of course ia bergantung kepada mahkamah, tetapi pada pandangan kami kalau tidak disengajakan maka pihak Suruhanjaya Sekuriti tidak akan ada kes untuk membawa perkara itu ke mahkamah. Yang kita

maksudkan di sini ialah dengan izin, deliberate dibakar atau terbakar, maka penaltinya adalah begitu berat sekali.

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II Akta ini juga merupakan consequential kepada dua Akta yang telah diluluskan tadi. Tuan Yang di-Pertua, keupayaan agensi-agensi kawal selia perlu dipertingkatkan untuk menguatkuasakan dan mengambil tindakan-tindakan serta-merta ke atas mereka yang melanggar kaedah-kaedah dan undang-undang yang mentadbir industri sekuriti. Agensi-agensi berkenaan termasuklah Suruhanjaya Sekuriti untuk menyelia dan

menyiasat BSKL, Pusat Penjelasan Diiktiraf iaitu Security Clearing Automated Network Service (SCANS) dan Depositori Pusat Malaysia

(MCD) yang merupakan organisasi kawal selia sendiri untuk mengambil tindakan yang efektif terhadap pelanggaran kaedah-kaedah mereka. Oleh yang demikian, pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Suruhanjaya Sekuriti untuk menguatkuasakan pelanggaran undang-undang sekuriti seperti berikut:

Pertama, Fasal 2 bertujuan meminda takrif “Mahkamah” untuk merangkumi Mahkamah Rendah bertujuan untuk mengelakkan kelemahan yang sedia ada dalam undang-undang berhubung dengan keupayaan Suruhanjaya Sekuriti memperkenalkan keterangan di dalam Mahkamah Rendah. Memandangkan bidang kuasa Mahkamah Rendah bertambah luas dari masa ke semasa, kebanyakan kesalahan di bawah Rang Undang-undang Sekuriti boleh didengar oleh Mahkamah Rendah. Oleh itu adalah penting bagi Suruhanjaya Sekuriti, setelah mendapat kelulusan untuk mendakwa pelanggaran satu undang-undang sekuriti, mempunyai kebolehan mengemukakan keterangan yang didapati semasa penyiasatan di dalam Mahkamah Rendah.

Kedua, Fasal 4 bertujuan memperkenalkan dua seksyen baru 35(A) dan 35(B) bagi menjelaskan peranan pemeriksaan oleh Suruhanjaya Sekuriti ke atas perantara-perantara berlesen dan organisasi kawalselia sendiri dalam industri sekuriti. Peruntukan seksyen 35 sedia ada tidak memberi perbezaan yang jelas di antara peranan pemeriksaan dengan peranan penyiasatan Suruhanjaya Sekuriti. Sesuatu penyiasatan dimulakan apabila disyaki berlaku pelanggaran undang-undang sekuriti manakala pemeriksaan ke atas perantara-perantara berlesen dan organisasi kawalselia sendiri dijalankan atas dasar routine memperlihatkan fungsi Suruhanjaya Sekuriti dalam pengawalseliaan pasaran adalah berterusan. Oleh itu dua seksyen baru ini akan menjelaskan peranan pemeriksaan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 5 meminda seksyen 38 dengan menambahkan penalti bagi kegagalan mengemukakan dokumen yang dikehendaki oleh pegawai penyiasat dari RM50,000 dan penjara selama tiga tahun kepada RM1 juta dan penjara selama lima tahun.

Dalam menjalankan penyiasatan Suruhanjaya Sekuriti dokumen-dokumen dan artikel-artikel yang disita bagi maksud keterangan menurut peruntukan dibawah seksyen 36 . Walau bagaimanapun, tidak ada peruntukan tidak seperti Kod Prosedur Jenayah (CPC) berhubung dengan penahanan dokumen-dokumen atau artikel-artikel yang disita itu atas penutupan penyiasatan atau apa-apa prosiding yang timbul berikutan daripada itu. Dengan itu Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen 36A hingga 36C yang memperuntukkan prosedur-prosedur yang mana pegawai penyiasat boleh memulangkan dokumen-dokumen tersebut. Prosedur-prosedur ini adalah bersamaan dengan yang diperuntukkan oleh seksyen-seksyen 413, 414 , 415 dan 416. Kod Prosedur Jenayah..

Kelima berdasarkan penyiasatan Suruhanjaya Sekuriti didapati bahawa saksi-saksi yang utama kepada penyiasatan cuba mengelak daripada cubaan Pegawai-pegawai Penyiasat untuk menghubungi mereka ataupun menghilangkan diri ke luar negeri. Oleh itu, Fasal 6 bertujuan memperkenalkan seksyen baru 36D di mana Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti diperuntukkan kuasa, setelah mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti, menghendaki mana-mana ada orang yang menjadi subjek penyiasatan supaya menyerahkan kad pengenalan, pasport, atau mana-mana dokumen perjalanan yang lain.

Keenam, Fasal 8 memperkenalkan seksyen baru 38A yang menjadikan kesalahan apabila seorang membinasakan, menyembunyikan, mencatitkan atau mengalihkan daripada premisnya atau menghantar ke luar Malaysia apa-apa rekod atau akaun di dalam pegangannya yang dikehendaki oleh pemeriksa atau pegawai penyiasat. Penalti bagi kesalahan itu adalah denda tidak melebihi RM10 juta atau penjara tidak melebihi tempoh 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Ketujuh, satu kelemahan di dalam SCA adalah bagi kesalahan di bawah akta ini. Suruhanjaya Sekuriti tidak mempunyai kuasa mengkompaun. Fasal 10 memperkenalkan seksyen baru 39C yang memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah SCA dan persetujuan pendakwa raya.

Yang kelapan, pengalaman Suruhanjaya Sekuriti berhubung jenayah komersial menunjukkan maklumat yang diberi oleh orang dalam adalah penting kepada kejayaan sesuatu penyiasatan. Walau bagaimanapun, orang-orang dalam itu selalunya tidak memberikan maklumat secara sukarela kerana takut kepada intimidasi atau risiko ke atas diri mereka sendiri. Oleh itu Fasal 10 bertujuan memperkenalkan seksyen baru 39D yang memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat dan maklumat yang diberi.

Dan yang kesembilan, salah satu kelemahan dalam penyiasatan berhubung dengan nominee adalah apabila nominee tersebut bermastautin di luar negeri. Apabila nominee itu bermastautin di Singapura atau tempat berlindung cukai di mana undang-undang rahsia adalah ketat, penyiasatan secara tidak langsung menghadapi jalan buntu. Dengan itu adalah amat penting supaya diadakan kerjasama silang atau antara dua badan kawal selia mengenai siasatan yang dijalankan. Oleh itu Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 43B untuk membolehkan Suruhanjaya Sekuriti membantu penyiasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa asing sekiranya melibatkan kepentingan awam dan peraturan timbal balik ataupun reciprocal arrangement di antara kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada akta ini adalah perlu bagi mempertingkatkan lagi kemampuan agensi-agensi kawal selia untuk mengambil tindakan serta-merta ke atas mereka yang melanggar undang-undang dan kaedah-kaedah yang mentadbir industri sekuriti. Di samping itu, pindaan ini juga adalah untuk menyokong tindakan-tindakan secara pentadbiran yang telah diambil oleh BSKL, SCANS dan MCD supaya segala tindakan kerajaan adalah sah dari segi undang-

undang. Matlamat akhir kepada pindaan tersebut adalah untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur-pelabur terhadap pasaran saham negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.53 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan)1993. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Setiausaha Parlimen kerana telah membentangkan dengan jelas tetapi sebelum saya menghuraikan dengan panjang lebar, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah istimewa kepada Yang Berhormat Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Kewangan II. Saya memang menunggu peluang ini kerana dia sudah habis cerita dia, sudah dua kali bentang, kita sudah dengar penyampaianya, kita sudah lihat prestasinya dari segi jawapannya, kita penuh yakin bahawa beliau adalah orang yang tepat memegang jawatan ini dengan latar belakangnya yang begitu baik. Saya mengenali latar belakang beliau tentang seorang penulis buku ekonomi.

Jadi saya rasa tepat kita ahli Dewan Negara ini membuat rakaman penghargaan yang setinggi-tingginya kerana beliau adalah seorang bekas ahli Senator Dewan Negara juga, melambangkan kalau tadi Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin, saya hampir nak sebut ini awal tadi tetapi saya masih reserve pada masa ini. Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin juga bekas ahli Dewan Negara. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir juga adalah bekas ahli Dewan Negara. Ini menunjukkan bahawa Dewan Negara mampu dan boleh mengeluarkan orang-orang

berkualiti untuk menjalankan pentadbiran Kerajaan. Ini dia, mesej ini khasnya kepada Yang Berhormat seorang lagi yang duduk di dalam Dewan itu yang selalu memperkecil-kecilkan ahli-ahli Dewan Negara. Saya memang pantang kalau orang memperkecilkan kita. Oleh kerana itu, kalau ada peluang, kita bagi jawab mesej kepada ahli Yang Berhormat pembangkang yang selalu pandang rendah pada Dewan ini, kita ingin buktikan cuba lihat, lihat, lihat dan fikir, fikir, fikir wahai ketua parti pembangkang.

Tuan Yim Chee Chong: Bolehkah saya minta laluan?

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Boleh.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang kelayakan pendidikan Dato' Mustapa Mohamed, saya difahamkan bahawa beliau bukan sahaja mendapat Ijazah Kepujian Kelas Pertama, First Class Honours dari Universiti Melbourne, bahkan juga mendapat ijazah Sarjana dalam jurusan ekonomi pembangunan dari Universiti Boston. Betulkah atau tidak maklumat saya? *[Ketawa]* Saya bukan bos cawangan khas.

Tuan Yang di-Pertua: Betul.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut pengiktirafan secara umum, tetapi maklumat yang disampaikan memang betul dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa oleh kerana bahan-bahan, hujah-hujah yang disampaikan oleh Dato' Setiausaha Parlimen tadi betul-betul menunjukkan kekuatan, menguatkan apa yang sudah ada, memperketatkan apa yang longgar, dan semuanya baik saya nampak lebih-lebih lagi apabila ketegasan dalam Fasal 8 yang memperkenalkan seksyen baru 38A memberi denda sebanyak tidak melebihi RM10 juta. Pada saya ini satu langkah yang baik. Mungkin ada orang rasa terlalu besar, terlalu kasar, tetapi saya rasa ini zaman sekarang kena zaman tegas dan bagi dia takut

betul-betul supaya tidak berani buat salah. Zaman menunjukkan kekuatan dan yang berdisiplin. Saya amat bersetuju tentang perkara ini.

Cuma saya hendak timbulkan sedikit dua soalan yang saya sendiri agak keraguan. Satu, saya minta Dato' Setiausaha Parlimen tolong memperjelaskan sikit apabila dia bercakap tentang Fasal 4, Seksyen baru 35A dan 35B, beliau cuba menerangkan perbezaan di antara peranan 'pemeriksaan' dan peranan 'penyiasatan'. Secara ikhlas saya masih mendapat keraguan dalam hal ini. Siapa mengatasi siapa. Siapa menyiasat, siapa memeriksa dan bagaimana peruntukan perundangan dari segi ini.

Keduanya, tentang Fasal 12, yang menyebut membolehkan Suruhanjaya Sekuriti membantu penyiasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa asing sekiranya melibatkan kepentingan awam. Soalan saya ialah kalau melibatkan pihak asing ini, pihak asing yang bagaimana dan apa yang dimaksudkan. Sudahkah kita mengambil langkah persefahaman pihak negara asing dan badan-badan apa dan pihak penyeliaan yang mana yang boleh kita selaraskan untuk keberkesanan yang maksimum. Itu keraguan yang saya dapati. Yang lainnya semua elok, saya sokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

4.00 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga hendak mengambil peranan membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Sukuriti 1993 ini. Walaupun bil ini kita dapat lambat juga, tetapi saya suka juga mengucapkan tahniah kepada sahabat-sahabat saya yang dapat mengambil bahagian dalam Dewan yang mulia. Sungguhpun bil lambat sampai tetapi ikhtiar dan usaha untuk bekerja waktu malam pun kalau kita hendak buat sesuatu perkara kalau kita hendak bahaskan pada hari ini dapat kita bahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguhpun sudah mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat sahabat saya Menteri Kewangan Kedua ini, saya dengan cara terbuka

dan direkodkan dalam *Hansard*, saya mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada beliau. Sebab beliau ini seorang yang lemah lembut dan orang yang macam inilah yang kita hendak, orang yang merendah diri tetapi ilmunya tinggi, itu yang penting. Bak kata pepatah, padi apabila ia masak ia lagi condong, ia tidak macam lalang, bila ia hidup ia lagi tegak tetapi ia tidak memberi makna.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini sungguhpun berikutan dengan undang-undang utama yang kita telah pun lulus, kepada saya Akta Suruhanjaya Sekuriti ini amatlah penting, sebabnya kepada saya inilah satu badan yang mengawal selia dan menjaga kedudukan BSKL dan juga pembelian saham dan penjualan saham di pasaran Kuala Lumpur ini. Tuan Yang di-Pertua, saham ini adalah bukan sahaja untuk orang kaya untuk membeli dan berniaga tetapi kepada saya saham ini adalah untuk orang miskin juga sebab orang miskin pun ada yang mampu membeli saham. Selain daripada Amanah Saham iaitu ASB, ASN dan Unit Trust yang lain termasuk Asnita yang baru dilancarkan, orang miskin pun ada simpanan-simpanan mereka digunakan untuk membeli saham. Tetapi kebelakangan ini saham di BSKL kita perjalanannya tidak menentu daripada 1,000 indeksnya 1,400 sekarang ini telah pun turun kepada 300 lebih sedikit, dan akhir-akhir dulu ia turun sampai 262 yang terendah sekali, dan ini menunjukkan tidak menentu kedudukan saham di negara kita. Apabila Hang Seng turun sahaja, saham kita pun turun, apabila Dow Jones turun sahaja saham kita pun turun. Apabila Security Commission membuat satu kenyataan, saham kita pun turun, apabila ada bisikan-bisikan angin daripada Singapura, saham kita pun turun. Jadi tak tahu apa kita hendak pegang supaya kita dapat membeli saham. Saham-saham di Papan Kedua misalnya dulu macam Repco cukup tinggi, saya tidak hendak sebut harga dia, tetapi sekarang ini jatuh menjunam. Denko, Emiko, Crest Petroleum, Tenko, jadi saya boleh sebut semua 700, atau lebih saham, saya tidak main saham sangat, tetapi bila baca surat khabar itu tak dapat elak untuk meneliti harga-harga saham sebab saham kita ini tidak menentu dan tidak tetap, oleh itu suka hendak tengok, kalau dia menentu kalau harganya RM3.50 satu saham itu dan

dalam setahun pun lebih kurang itulah harganya kemungkinan saya tidak akan meneliti dari segi harga-harga saham pada hari-hari yang diniagakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sampailah masa rasa saya pembelian saham ini adalah satu, dengan izin investment, bukannya satu perjudian. Kalau kita beli saham bermakna kita boleh gunakan saham itu untuk simpanan kita pada masa hari tua nanti. Oleh itu kalau kita beli saham misalnya TNB, sekarang ini banyak orang, orang kampung pun ada beli saham TNB, sekarang ini turun RM3.00 lebih saya rasa. Saya sudah seminggu tidak menengok harga saham jadi saya rasa lebih kurang RM3.00 harganya sekarang. Jadi, banyak orang kampung beli saham, tetapi sekarang tidak ada, dia beli dulu harga RM6.00 lebih, sekarang ini dia sudah jadi RM3.00. Jadi bagaimana kita hendak menentukan harga saham ini supaya ia jangan naik tinggi sangat, turun pun jangan turun sangat. Jadi kalau kita beli saham nanti kita beli saham ini sebagai satu investment bukannya untuk hendak berjudi atau untuk menengok nasib kita ataupun untuk berfikir beli dua saham harga RM2,000 satu saham sampai RM8,000 kita jual pergi makan angin ke England ataupun ke Bali tidak lagi dalam pemikiran kita.

Saya harap Bursa Saham di Kuala Lumpur ini akan menjadi satu contoh kepada dunia luar bahawa saham kita apabila harganya RM5.00, RM5.00lah maknanya dan saya harap syarikat-syarikat yang kukuh ini, saya tidak hendak sebut, tetapi ada lebih kurang 20 buah yang kukuh pada fundamentalnya sangat teguh, saya harap selepas ini apabila mengeluarkan dividen saya harap keluarkan dividen banyak sedikit sampai 20%, 25%, supaya orang-orang hendak membeli saham. Jadi orang akan minat membeli saham apabila dividennya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, apabila dividennya banyak keluar, janganlah keluar interim 2%, lepas itu lagi final dividen 3%, 5%, tidak ada orang hendak membeli saham, sebabnya syarikat ini tidak tentu, tak teguh. Jadi kita harap dengan adanya undang-undang ini yang sepertimana yang kita luluskan dahulu CLOB dan Central Depository System ini yang saya tidak hendak sentuh lagi sebab telah pun disentuh oleh sahabat-sahabat kita tadi, bahawa

saham di Bursa Saham di negara kita ini akan menjadi teguh dan disebabkan saham inilah puncunya juga ekonomi kita akan naik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangga bahawa dalam masa tiga minggu ekonomi kita nampaknya telah pun nampak cerah sedikit dengan izin, “that is we can see light at the end of the tunnel” Dan saya harap ‘api’ yang kita nampak kecil itu daripada sehari ke sehari akan menjadi besar dan terang sedikit dan dekat sedikit nampaknya. Dalam masa tiga minggu saya telah diberitahu kita telah pun dapat reserve 21 bilion daripada 20 bilion, naik satu bilion dalam masa tiga minggu sahaja. Dan ini apa? Ini menunjukkan bahawa apa jua yang dilaksanakan oleh kerajaan hari ini menunjukkan sekarang ini buah telah pun berputik, dan kita harap buah ini akan jadi masak dalam masa tempoh dua tahun insya-Allah.

Dan kita tahu dari segi perniaga kewangan ini adalah termasuk juga perniagaan saham. Dalam Forex seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kelmarin dahulu iaitu 20.3 trilion berkenaan dengan Currency Trading sahaja. Bermakna satu perniagaan yang terbesar dalam dunia ini adalah Forex ataupun Currency Trading. Jadi ini pun melibatkan keadaan tidak stabilnya kewangan ringgit kita. Tetapi sekarang ini kita telah peg ataupun kita gunakan satu packing dengan izin 3.8. Nampaknya ini akan menentukan perniagaan-perniagaan khususnya yang mengeksport barang-barangnya keluar negara. Tetapi saya harap pegging ini akan dapat diperbetulkan dari semasa ke semasa dan tidaklah mengambil masa begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bil ini adalah bil berikutan dengan bil dahulu tetapi di sini ada setengah-setengah misalannya saya hendak tanya berkenaan kesalahan-kesalahan yang dendanya adalah daripada RM50,000.00 kepada RM1 juta, dinaikkan diada Fasal 12 tadi dan juga Fasal 11.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak menentukan denda ini. Adakah denda maksimum itu dikenakan kepada kesalahan yang besar ataupun kesalahan-kesalahan yang kecil. Adakah ianya mengikut pertimbangan mahkamah. Yang

keduanya dari segi kesalahan mengikut undang-undang ini iaitu pihak yang dituduh adalah di dalam jagaan atau kuasa polis. Adakah perkara ini patut kita buat satu kesalahan yang amat besar iaitu satu kesalahan criminal yang amat besar apabila berlaku pelanggaran undang-undang ini. Jadi, bagaimana anggapan kerajaan untuk mengiktirafkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang ini dan juga dari segi syarikat-syarikat yang besar-besar yang membuat kesalahan itu adakah denda satu juta itu amat kecil kepada syarikat-syarikat yang membuat kesilapan dan akan merugikan rakyat dengan berbilion-bilion kerugiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini supaya dapat kita laksanakan secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman

4.12 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh Setiausaha Parlimen berkenaan dengan suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 sebentar tadi. Kita dapati rang undang-undang yang dibawa ke Dewan khas hari ini dan hari esok merupakan satu pendekatan secara bersepadu bagi mengemaskinikan pengurusan-pengurusan kita dan meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur di dalam pasaran saham kita di Malaysia ini. Walau bagaimanapun setelah kita menghadapi kegawatan ekonomi sejak Julai 1977 kita dapati banyak syarikat kita yang berdaftar, di Papan Utama atau Papan Kedua di Bursa Saham Kuala Lumpur menghadapi berbagai-bagai masalah, merudum dan menjunamnya harga saham dan juga nilai wang kita dan ini mengakibatkan kemungkinan kalau akta ini kita jalankan, kita luluskan, kita praktikkan, mungkin banyak syarikat yang tidak dapat menepati terma-terma yang kita kemukakan.

Jadi saya hendak tanya pihak kerajaan daripada 724 buah syarikat yang berdaftar di Bursa Saham Kuala Lumpur ini sebanyak mana, berapa banyak syarikat yang berkemungkinan menghadapi masalah-masalah yang tenat yang mungkin tidak dapat menepati terma-terma atau syarat-syarat atau fasal-fasal di dalam akta kita ini dan saya rasa inilah masanya untuk kita dapat menentukan syarikat-syarikat ini berkemungkinan dikeluarkan daripada pendaftaran di Papan Utama atau Papan Kedua. Kalau tidak kita akan membawa syarikat-syarikat, sungguhpun banyak tujuh ratus lebih tetapi dari segi kontennya dari segi nilainya, dari segi fundamentalnya tidak dapat menepati syarat-syarat apabila mereka ini disenaraikan dulu.

Jadi untuk mengemaskinikan dari segi praktik fasa-fasa yang kita pinda ini kita patut tinjau, sekaligus siasat dan tentukan, ones and for all dengan izin, syarikat-syarikat yang terpaksa dikeluarkan daripada senarai Bursa Saham Kuala Lumpur dan bermula dengan lampiran baru untuk kita menempuh ke alaf baru ini. Kalau tidak berkemungkinan seperti yang kita dengar, kita lihat dalam surat-surat khabar berbagai-bagai, berapa banyak syarikat sekarang tidak dapat menepati untuk hendak mengemukakan laporan tahunan sehinggakan ianya ditegur oleh Suruhanjaya Sekuriti tetapi pada waktu itu sebelum akta ini diluluskan berkemungkinan penaltinya tidak begitu tinggi, tidak begitu kuat, tidak begitu memudaratkan tetapi apabila akta ini diluluskan saya bimbang mungkin ramai pengarah syarikat dan pegawai-pegawai syarikat yang menempuh masalah ini dapat akibat yang buruk dan eloklah kita buat secara operational audit dengan izin, kaji betul-betul menerusi Suruhanjaya Sekuriti dan juga BSKL dan badan-badan lain Kementerian Kewangan untuk menentukan, mengasingkan syarikat-syarikat yang dapat terus berdaftar dan yang tidak layak lagi berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dapat kita buat, kita start fresh dengan izin, saya rasa perkara ini akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur kita.

Tuan Yang di-Pertua, Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan bagaimana dari segi *electronic commerce*, misalnya perdagangan elektronik yang

sekarang ini meningkat. Seluruh dunia kita dapati peningkatan electronic commerce, perdagangan elektronik, alat elektronik meningkat kini saya difahamkan dekat 400 bilion dan tahun 2002 nanti ianya akan meningkat dua kali ganda. Yang sekarang ini di Malaysia pun dengan wujudnya Multimedia Super Corridor dan sebagainya, perdagangan menerusi elektornik akan terus meningkat. Jadi, pemindahan data-data dari segi yang terdapat di negara kita ke negara asing terutama dalam syarikat-syarikat yang mempunyai usahasama dengan pemegang-pemegang saham syarikat antarabangsa.

Banyak data kita di sini berpindah secara automatik, secara cepat antara kita dengan sana dan sana dengan sini jadi apakah audit trail dengan izin, bagaimana kita hendak mengawasi kepentingan negara kalau sekiranya perkara ini dibuat menerusi electronic device ini yang dapat mungkin menghilangkan atau memindahkan maklumat seperti saya tengok tadi ada pemindahan maklumat dan sebagainya daripada sini ke tempat lain dengan sekelip mata. Jadi, apakah cara-caranya, adakah akta ini kita kaitkan dengan juga dengan akta multimedia yang pernah kita luluskan dulu dari segi pengawasan, pengumpulan data dan penyimpanan data di negara kita. Tadi saya ada sebut, saya ada bertanya dalam Dewan ini kalau sekiranya satu-satu syarikat terbakar atau dibakar dan hilang maklumat-maklumat penting di dalamnya, saya ingin hendak bertanya kepada kerajaan adakah kita menentukan supaya syarikat-syarikat ini selain daripada menyimpan data-data, maklumat-maklumat syarikat di ibu pejabatnya seperti yang ditentukan oleh Akta Syarikat 1965 mempunyai juga satu lagi kumpulan data yang disimpan mungkin di ROC atau di Bursa Saham Kuala Lumpur ataupun di Suruhanjaya Sekuriti.

Jadi kalau sekiranya apa akan terjadi kepada maklumat-maklumat primary ataupun yang utama di ibu pejabatnya yang pendaftar tetapi mereka juga mempunyai satu lagi maklumat yang terhindar daripada kebakaran ataupun kegiatan-kegiatan jahat, atau sengaja dibakar, terbakar dan sebagainya. Kalau tidak untuk hendak menentukan, untuk memudahkan lagi pengurusan pengawalan maklumat-maklumat syarikat ini

kalau kita buat secara begini ianya menyenangkan dari segi pengurusan. Mungkin mahal sedikit tetapi dalam keadaan kita mempunyai disk yang kecil-kecil ini boleh mengumpulkan maklumat syarikat yang begitu banyak saya rasa perkara ini mudah dijalankan. Jadi kita tambah lagi satu pendekatan di mana setiap syarikat selain daripada menyimpan maklumat-maklumat primarynya di ibu pejabat yang ia berdaftar juga mempunyai maklumat di tempat yang lain, di tempat yang selamat di tempat yang boleh senang diaudit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara begini berkemungkinan keyakinan-keyakinan pelabur baik yang miskin mahupun yang kaya dapat terus ditingkatkan. Saya juga ingin mengetahui siapa yang menentukan pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Sekuriti menjalankan kerja-kerjanya dengan baik, siapa memberikan pengawasan kepada mereka yang hendak menjalankan kerja-kerja kerana syarikat ini telah bertambah 724, jadi adakah peruntukan bagi kita menentukan dengan wujudnya peruntukan di dalam akta-akta yang baru kita pinda ini untuk banyak mengawal selia, adakah pegawai-pegawai menerusi Securities Commission yang ada sekarang ini cukup dan mampu bagi mengawal selia perkembangan syarikat-syarikat dari segi mereka ini menepati keperluan yang ditetapkan oleh akta-akta yang kita bentangkan. Kalau tidak, ianya hanya merupakan satu lagi akta yang cantik, yang canggih, yang bagus, yang ketat, yang boleh mengawasi tetapi tidak ada orang, pegawai-pegawai yang dapat mengawasinya sehinggakan ianya terlewat untuk kita mengambil tindakan kerana semangat akta-akta ini ialah mengambil tindakan yang cepat yakni pengurusan syarikat-syarikat apabila menyeleweng dari segi lunas-lunas yang ditetapkan, banyak kerugian akan timbul, kalau sekiranya kita terlewat mengambil tindakan, ianya akan meningkatkan lagi dari segi kerugian kepada pelabur-pelabur, bukan hanya kerugian kepada syarikat itu malahan kepada pelabur-pelabur, pemegang-pemegang saham.

Jadi, untuk tujuan itu kita hendakkan kepastian dari pihak kerajaan, indah dan cantik akta ini tetapi cara hendak mengawasinya, menjalankannya dari segi pengawalseliaan kepada syarikat-syarikat yang kita tujukan itu.

Jadi, terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

4.21 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Ghazi, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Ghazi telah pun menyatakan mengenai pembinaaan maklumat dan juga mengenai penyimpanan dan mengenai kawal selia di luar negeri. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Sekuriti pada waktu ini tidak dapat mengadakan persetujuan timbal balik, oleh kerana tiada peruntukan yang membenarkan di bawah Undang-undang Sekuriti untuk kita membuat reciprocal action dengan negara-negara lain jika ada salah laku dan sebagainya.

Dengan pindaan yang dicadangkan ini, Suruhanjaya dapat membuat persetujuan timbal balik bagi tujuan penyiasatan dan penguatkuasaan dan setakat ini Suruhanjaya mempunyai MoU dengan beberapa negara bagi pertukaran maklumat tersebut. Negara-negara ini termasuklah seperti Indonesia, Thailand, Hong Kong, Australia, Chile, Argentina, Brazil, South Africa, Kenya, China dan juga Taiwan.

Mengenai masalah yang diperkatakan tentang perbezaan di antara 'pemeriksaan' dan 'penyiasatan', untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 'pemeriksaan' ialah suatu yang dilakukan dari masa ke semasa, ini merupakan satu perkara yang rutin, sementara 'penyiasatan' adalah dilakukan setelah sesuatu kesalahan disyaki dilakukan kemungkinan setelah pemeriksaan dilakukan dan baru kita membuat penyiasatan.

Perbezaan antaranya adalah pemeriksaan boleh dilakukan secara berkala ataupun periodical atau secara mengejut (surprised examination). Walau bagaimanapun, kuasa-kuasa pemeriksaan juga boleh digunakan dalam mana-mana penyiasatan. Kuasa-kuasa pemeriksaan boleh dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti melalui pegawai-pegawainya tetapi amnya kuasa-kuasa penyiasatan di bawah Akta

Suruhanjaya Sekuriti 1993 adalah hanya boleh dilaksanakan oleh Pegawai Penyiasat yang dilantik khas oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti.

Mengenai Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi tentang turun naiknya saham, pagi tadi kita telah mendengar satu syarahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz mengenai IMF dan sebagainya dan kita tahu bahawa IMF telah menggunakan panacea yang sama atau ubat yang sama di semua negara yang melanda kegawatan ekonomi di Asia Timur ini, sedangkan perkara itu dari segi fizikalnya, geopolitiknya dan ekonominya berbeza.

Oleh kerana itu, kita dapati KLOFFE ini adalah salah satu di antara cara kita untuk mengawal turun naik saham-saham kita, kerana apa sahaja saham yang dilakukan di BSKL dan juga dahulu dilakukan di CLOB, BSKL tidak ada kuasa dan tidak tahu saham-saham itu dilaburkan, diperdagangkan dan sebagainya.

Jadi, apabila CLOB itu ditutup dan dibawa balik ke Kuala Lumpur, BSKL, kita berharap bahawa kita akan take charge tentang turun naik dan kita tahu mengenai turun naiknya saham-saham kita di BSKL.

Mengenai denda dinaikkan jadi RM1 juta, denda ini yang sepatutnya adalah denda maksimum yang kita katakan RM1 juta itu, jadi mahkamah ada bidang kuasanya untuk mengenakan denda daripada semimum yang mungkin katakan RM1 juta, mengikut hal keadaan dan fakta-fakta kes yang akan dibuat. Jika kes terlalu berat, hukuman pemenjaraan boleh dijatuhkan ke atas pegawai yang bertanggungjawab bagi syarikat yang berkenaan.

Jadi, di sini kita memberi ruang lingkup yang luas kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman RM1 juta daripada RM50,000 dahulu dan tempoh penjara dahulu tiga tahun, sekarang ini kita naikkan tempoh lima tahun. Tetapi ini bukan bermakna bahawa hakim akan menjatuhkan lima tahun, ini terpulang kepada budi bicara hakim di mahkamah kelak.

Mengenai Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, adakah Pegawai Suruhanjaya Sekuriti mempunyai pengalaman, penguatkuasaan dan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan itu, buat masa ini Suruhanjaya mempunyai lebih kurang 50 orang di

dalam Bahagian Penguatkuasaan dan Penyiasatan. Jadi, 50 orang ini pun terdiri dari pelbagai profesion, dahulu ada yang daripada Jabatan Polis dan sebagainya dan mereka ialah Pegawai Penyiasat (Investigating Officer) dan kami berpendapat buat ketika ini ia adalah mencukupi untuk menjalankan akta yang kita bentangkan pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah mencadangkan supaya kajian ke atas syarikat-syarikat yang sedia ada dengan tujuan untuk mengeluarkan syarikat-syarikat yang tidak layak dan bermasalah daripada senarai BSKL, ingin saya menyatakan di sini, perkara ini hendaklah dipertimbangkan dengan teliti sekali oleh kerana hak-hak pemegang saham akan terjejas dengan tindakan ini.

Oleh itu BSKL ada peruntukan-peruntukan untuk mengawasi keadaan syarikat-syarikat yang disenaraikan, tetapi sehingga masa sekarang difahamkan lebih 33 daripada 734 telah memiliki untuk diletakkan di bawah Skim Dana Perlindungan, Seksyen 176 Akta Syarikat yang telah pun kita bincangkan di sesi Parlimen tahun lepas.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah menyatakan tentang pembiayaan maklumat secara elektronik di dalam era dagangan elektronik ini. Jadi, pada amnya penyimpanan atau penzahiran maklumat-maklumat secara elektronik tidak terkawal tetapi jika maklumat-maklumat yang disebutkan atau dizahirkan adalah maklumat yang berkaitan dengan kepentingan negara, maka jika maklumat tersebut adalah maklumat berdarjah (classified), jadi penzahirannya akan melanggar undang-undang Akta Rahsia Rasmi. Tetapi yang diperkatakan tadi tentang back-up service yang Yang Berhormat Dato' katakan tadi sekiranya sesuatu premis itu terbakar, bukan dibakar, jadi kita ada back-up services dan cadangan ini saya rasakan bagus untuk kita perhatikan kerana buat masa sekarang juga kalau kita melihatkan Arkib Negara dan juga perpustakaan di mana jika ada buku-buku yang penting, yang bersejarah, yang classified, kita buat back-up service dalam bentuk filem dan sebagainya dan kiranya buku itu terbakar, kita ada back-up service yang sedia untuk memberikan perkhidmatan kepada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, sekian sahaja jawapan saya kepada pertanyaan-pertanyaan mengenai akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab dua Bil lagi masih belum sampai ke Dewan ini, Majlis ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.32 petang.